



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, 20 November 2012 (Selasa)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim(Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar(Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin(Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei(Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San(Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman(Meru)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib(Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay(Bukt Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee(Teluk Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz(Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari(Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam(Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha(Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan(Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei(Rawang)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Encik Mohamad Redzuan bin Adam
Encik Shahzrin bin Dzahari
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Mohd Saiful Nizam
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bissmillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum wabarakatuh.* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor 2012 bagi hari yang kedua 20 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TAWAS

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah bilangan bayi-bayi yang dilahirkan di Selangor setelah Skim TAWAS dilancarkan?
- b) Berapakah jumlah bilangan bayi-bayi yang telah berjaya daftar di bawah skim ini?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 21 akan saya jawab bersekali dengan soalan No. 98 daripada Balakong. Untuk makluman Yayasan Warisan Anak-anak Selangor atau singkatannya YAWAS tidak mempunyai rekod statistik kelahiran bayi di Selangor secara rasmi kerana Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor tidak memberikan kerjasama menyalurkan maklumat statistik kelahiran di Negeri Selangor kepada YAWAS walaupun beberapa kali surat permohonan bagi mendapatkan data ini telah diajukan kepada Jabatan Pendaftaran Negara. Tetapi baru-baru ini bila kita dapat laporan daripada Audit Negara kita dapat tahu bahawa secara tidak rasminya jumlah pendaftaran anak-anak kelahiran Negeri Selangor daripada 2008 hingga 2011 adalah sebanyak 313,706 orang yang mana saya kira ini adalah satu rujukan semata-mata kerana kelahiran sebanyak itu tidak boleh dikira keseluruhannya layak untuk permohonan TAWAS kerana semuanya itu adalah yang lahir di Negeri Selangor sedangkan untuk Tabung Warisan Anak

Selangor ianya khusus bagi mereka yang mempunyai atau pun lulus permohonan mengikut kriteria yang telah ditentukan. Bagi soalan yang kedua sehingga 2 November 2012, Tabung Warisan Anak-anak Selangor telah berjaya mendapatkan jumlah permohonan pendaftaran TAWAS iaitu sebanyak 103,606 orang yang mana jumlah permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 63,551 orang yang mana ianya telah melebihi sasaran sebanyak 60,000 orang yang telah kita sasarkan pada 2010 yang lepas.

Bagi soalan daripada Balakong, sejak pelancaran 'Jom *Shopping*' untuk skim TAWAS berapakah jumlah ahli skim tersebut. Untuk makluman Tuan Speaker dan rakan-rakan Yang Berhormat jumlah 'Jom *Shopping*' yang telah mendapat manfaat adalah seramai 9,644 orang dan jumlah yang telah diperuntukkan adalah sebanyak 1.6 juta yang mana yang telah dibelanjakan sebanyak RM964,400.00 yang telah dibelanjakan untuk program 'Jom *Shopping*' skim TAWAS, sekian.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker. Mengikut laporan Audit 2011 skim ini hanya berjaya mendaftarkan 19.4% bagi kelahiran di Negeri Selangor, adakah skim ini memang gagal? Jika gagal apakah langkah kerajaan untuk berusaha mengatasi kegagalan ini.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya boleh mengatakan bahawa skim ini telah berjaya sebab pada asalnya sasaran yang kita tetapkan adalah sebanyak 60,000 tetapi sehingga apa yang telah saya nyatakan tadi sasaran yang kita lihat sekarang ini sehingga November jumlah pendaftaran sekarang ini sebanyak 83,551 orang yang telah diluluskan melebihi daripada sasaran 60,000. Walau bagaimanapun pihak Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan itu telah pun meletakkan 313,000 jumlah bayi yang telah dilahirkan di Negeri Selangor ini pada keseluruhannya ianya tidak menepati apa yang sebenarnya telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri kerana yang lahir di Negeri Selangor bayi-bayi itu tak semuanya layak untuk menerima Tabung Warisan Anak Selangor kerana kriterianya mestilah ibu bapanya salah seorangnya adalah kelahiran Selangor dan anak itu sendiri mesti lahir dan juga menetap di Selangor paling kurang 5 tahun di Negeri Selangor. Jadi pencapaian atau pun apa yang dikemukakan oleh Audit Negara seolah-olahnya 19.4% sahaja pencapaian itu tidak benar kerana jangkaan kita daripada kelahiran keseluruhan sebenarnya 60% sahaja yang sebenarnya layak. Jadi di sini saya ingin mengatakan bahawa sasaran telah pun dicapai dan telah melepasi apa yang kita tetapkan iaitu melebihi 60,000.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan tambahan, kalau tak salah saya pada persidangan yang lalu ada saya memohon untuk senarai penerima mengikut DUN kalau tak silap sayalah, dapatlah kalau diberikan secara bertulis atau pun hari ini berapakah daripada DUN di Batang Kali, terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Buat masa ini saya tidak ada di tangan saya tetapi insya-Allah saya akan berikan laporan tentang berapa ramai TAWAS yang telah dimohon oleh Batang Kali, terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 22.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senarai bilangan dan lokasi kilang haram yang telah berjaya dalam program pemutihan tersebut.
- b) Senarai jumlah yang dalam proses permohonan pemutihan dan jumlah yang belum memohon.
- c) Apakah masalah yang dihadapi dalam program tersebut?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, sejumlah 945 permohonan memindah dan tukar syarat nyata tanah telah berjaya dalam program pemutihan kilang tanpa kebenaran. Manakala sejumlah 22 permohonan tidak berjaya dalam program tersebut. Pecahan bilangan lot yang berjaya diputihkan mengikut daerah adalah seperti berikut :

Petaling	-	679 lot
Klang	-	23 lot
Hulu Langat	-	152 lot
Kuala Langat	-	70 lot
Sepang	-	1 lot
Hulu Selangor	-	2 lot

Kuala Selangor	-	12 lot
Sabak Bernam	-	6 lot

Dan mengikut senarai bancian sejumlah 1,183 lot masih belum membuat permohonan memindah dan tukar syarat nyata tanah daripada 2,250 lot. Masalah yang dihadapi dalam program tersebut adalah :-

1. Pemilik tanah menghadapi masalah kemampuan kewangan untuk menjelaskan bayaran premium tambahan tukar syarat kegunaan tanah.
2. Pemilik tanah sukar mendapatkan kemudahan pinjaman untuk menjelaskan premium tambahan disebabkan gagal memenuhi syarat-syarat kelayakan institusi kewangan.
3. Pemilik tanah telah menyewakan tanah tersebut kepada pengusaha kilang dalam tempoh jangka masa yang panjang dan terikat dengan perjanjian yang telah dibuat.
4. Pemilik tanah hanya menggunakan sebahagian daripada tanah sahaja bagi tujuan industri.
5. Pengusaha kilang hanya menduduki tanah secara sewaan untuk jangka masa tertentu dan tidak bersedia mengeluarkan modal yang lebih bagi tujuan pemutihan.
6. Pengusaha kilang terlibat di dalam industri kecil sederhana di mana pulangan balik adalah rendah.
7. Pengusaha kilang mendakwa telah membelanjakan sejumlah wang untuk mendirikan kilang dan penggunaan premium tambahan ke atas pemilik tanah boleh menyebabkan kos operasi bertambah menerusi kenaikan kadar sewaan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan, terima kasih. Bagaimana dengan permohonan pemutihan yang telah dibuat tapi belum diluluskan oleh kerana tarikh tamat untuk program pemutihan ini akan lupus pada 31 Disember pada tahun ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Bagi permohonan yang dibuat pada tarikh sebelum tamat pihak Pejabat Daerah dan juga PBT akan terus meneruskan program tersebut dan bagi tahun depan selepas tamat program tersebut kita kerajaan akan mengkaji satu dasar yang baru untuk permohonan yang baru, sekian.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kedudukan projek Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor tidak lama dahulu?
- b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam projek Pusat-pusat Kebudayaan tersebut?
- c) Bilakah tarikh sebenar Pusat Kebudayaan tersebut boleh beroperasi sepenuhnya untuk kunjungan orang ramai?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker bagi menjawab soalan daripada Kota Alam Shah. Kota Alam Shah ingin mengetahui apakah kedudukan projek Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India yang telah dilancarkan ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri pada 27 hingga 1 Julai yang lepas telah pun membuat satu pameran yang mana mempamerkan konsep pembangunan ketiga Pusat Kebudayaan Negeri Selangor yang telah pun dipilih atau pun dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri. Kita pameran di ruang legar AEON Bukit Raja, Klang dan pameran ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan orang ramai mengenai cadangan pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri Sungai Klang. Apa yang kita dapati secara purata 95% daripada maklum balas yang diterima adalah menyokong pembangunan projek ini dan memandangkan ianya adalah merupakan satu projek yang akan memberi impak yang besar dalam sektor kebudayaan pelancongan serta mampu menarik ramai pelancong di Negeri Selangor. Jadi Kerajaan Negeri sekarang ini telah pun menyelaraskan ketiga-tiga pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri Selangor ini dan seterusnya kerajaan negeri telah pun mengenal pasti apakah perkara-perkara yang menghalang atau pun cabaran masalah-masalah yang dihadapi semasa pembinaan atau pun bila projek ini ingin dijalankan nanti iaitu di antara cabarannya adalah isu pengambilan tanah yang telah melibatkan kawasan perumahan dan pemilikan kawasan ekologi semula jadi dan kawasan komersial yang masih dalam semakan dan penilaian pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa iaitu JPBD Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Klang dan Pejabat Tanah Daerah Klang.

Secara amnya ingin saya nyatakan di sini status atau pun bilakah ianya boleh beroperasi sepenuhnya setelah kita lihat ketiga-tiga proses memastikan bagaimana Pusat Kebudayaan ini boleh dijalankan, kerajaan sekarang ini setelah mendapat maklum balas daripada semua rakyat kita dapati sekarang ini kita telah dalam rangka untuk menawarkan pihak-pihak yang berminat untuk membangunkan Pusat Kebudayaan ini mengikut DDV yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan ianya juga akan memastikan bahawa setelah ia dibuka tawaran tender dan sebagainya ia mungkin akan dilaksanakan selalunya proses pembinaan dalam masa dua tahun jadi tarikh sebenar itu tidak dapat saya nyatakan di sini tetapi proses segala proses yang sewajarnya telah pun di buat daripada awal tahun ini sehinggalah sekarang, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Bangi ingin tahu siapakah tokoh-tokoh berwibawa di dalam bidang kebudayaan yang diminta beri nasihat berhubung dengan Pusat Kebudayaan ini dan apakah rangka pendekatan dan pengisian bagi Pusat Kebudayaan ini yang akan ditonjolkan bagi menarik pertingkatkan budaya setempat dan juga tarikan pada penduduk setempat dan juga pelancong-pelancong. Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Sebenarnya semasa lima hari pameran dilaksanakan di AEON Bukit Tinggi itu ianya telah mendapat maklum balas daripada semua pihak termasuk beberapa tokoh yang kita jemput secara khas datang melihat konsep pembangunan yang ingin dinyatakan. Saya tidak ada di dalam tangan siapakah nama-nama itu tetapi kebanyakannya daripada peringkat Sasterawan Negara kita jemput, kita menjemput juga Budayawan, Majlis Kebajikan Negeri Selangor dan Majlis Kebajikan Negara, kita jemput juga NGO-NGO yang ada kepentingan kebudayaan dan juga sasteranya di situ keseniannya sekali. Ianya tidak tertumpu hanya golongan atau pun kaum satu-satu kaum tetapi tiga-tiga kaum kita jemput. Jadi daripada situlah sebenarnya maklum balas kita terima 95% daripada mereka yang telah hadir melihat sendiri konsep pembangunan itu telah berpuas hati dengan konsep yang telah kita tunjukkan. Itu jawapan daripada saya, sekian.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Yang Berhormat Batu Tiga berkenaan dengan konsep pusat kebudayaan Melayu, Cina dan India saya tidak berapa puas hati dengan jawapan Yang Berhormat kemukakan tadi mengenai dengan tarikh kerana perkara ini telah saya bangkitkan dalam sidang Dewan yang lepas. Tarikh tidak boleh digulung. Ini saya hairan sudah empat tahun setengah, lima tahun sepatutnya ada satu tarikh ,bila, kalau tak sampai pun kita perlu tetapkan tarikh. Sebagai kerajaan kita perlu bagi satu tarikh bila kita boleh buat. Kalau sampai

ada masalah baru bagi tahu. Tarikh pun tak ada kita tetapkan. Saya cukup tidak boleh terima jawapan sedemikian.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Speaker, bagi menjawab soalan Sekinchan itu, kan saya sudah sebut tadi kalau kita lihat proses yang kita laksanakan tadi tarikh sebenar kalau daripada tender yang kita buka nanti kita jangkakan dua atau tiga tahun maknanya kalau kita lihat sekarang ini 2015 nanti tarikh sebenar kalau saya nak sebut harinya mustahil untuk saya bantangkan di sini tapi tahunnya saya jangkakan kemungkinan 2015 ia dapat dilaksanakan jika semua proses yang kita lalui dapat dibuat dengan secara licin itu dapat disempurnakan. Jika ia tidak dapat ia mungkin tertangguh tetapi sasaran kita sekarang ini ialah pada 2015 ia boleh dibangunkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker soalan no. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria utama yang diambil kira dalam pemilihan kontraktor yang mendapat tender MARRIS?
- b) Mengapakah kerja-kerja infra sepatutnya dijalankan di bawah MARRIS di MPK amat lembap jika dibandingkan dengan PBT lain? Apakah masalah yang dihadapi MPK?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Speaker Yang Berhormat Meru bertanya soalan peruntukan MARRIS dan soalan-soalan ini saya jawab bersekali dengan soalan 113, 123 dan 202. Pertama secara keseluruhannya berapakah geran MARRIS yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut tahun sejak 2007 hingga Oktober 2012. Pada 2007 kita telah menerima RM276.7 juta. Pada 2008 RM300.9 juta. Pada 2009 RM315.6 juta. Pada 2010 RM351.5 juta. Pada 2011 RM368.4 juta. Sehingga Oktober kita menerima RM336.1 juta. Terdapat peningkatan yang mana ukuran pemberian MARRIS adalah panjang jalan yang di bawah jagaan Kerajaan Negeri.

Kedua, bagaimana kita membelanjakan sejak 2008, kita telah meminta semua pelantikan kontraktor di buat secara perolehan terbuka sama ada sebut harga atau tender. Dalam penempatan itu kita juga meminta pegawai-pegawai mengikut dasar

perolehan Kerajaan Negeri dan ini selari dengan apa yang dipanggil *treasury practice* yang mana kita telah lakukan dan kita meminta memberikan keutamaan. Yang penting ialah kerana kita hendakkan *value for money* kita minta mencari petender yang terendah supaya kita tidak ada andaian yang kita buat pilihan dengan secara tidak profesional dan ini juga untuk menyenangkan usaha seterusnya kita telah meminta Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan melalui geran MARRIS ini dan buat masa ini MBSA untuk tahun 2012 telah membelanjakan RM5.8 juta, MBPJ RM5.2 juta, MPSJ RM7.5 juta, Ampang Jaya RM9 juta, Kajang RM8 juta, MPS RM9 juta, MPK RM7 juta, Sepang RM3.2 juta, Kuala Selangor RM4.8 juta, Kuala Langat RM6.2 juta, Hulu Selangor RM2.4 juta, Majlis Daerah Sabak Bernam RM7 juta. Ini kita pantau dari segi penggunaan dan juga kesahihan yang dilakukan.

Ketiga, kita boleh mengubah cara peruntukan. Dulu peruntukan diberi kemudian dimasukkan di dalam tabung Warisan dan ini tidak dibuat lagi sebab Audit Negara meminta kita supaya kita ada ketelusan tentang penggunaan wang MARRIS. Beberapa negeri juga buat seperti Selangor sejak beberapa tahun perkara ini dibuat sejak 1995 lagi. Jadi Selangor membuat cara begitu tapi saya rasa saya menerima cadangan Audit Negara supaya kita terbuka, maknanya duit itu terus kita salurkan kepada penggunaan penyelenggaraan jalan-jalan tidak melalui terus masuk dalam *consolidated fund*. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker. Soalan no. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: KONDOMINIUM BERHAMPIRAN KUIL SRI MARIAMANN BATU CAVES

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah tarikh Majlis Perbandaran Selayang telah meluluskan pelan pembangunan kondominium 29 tingkat berhampiran Kuil Sri Mariamann dan Gua Baru Kapur Batu Caves?
- b) Apakah keputusan terkini Kerajaan Negeri terhadap pembinaan kondominium tersebut?

- c) Adakah kerajaan negeri mempunyai garis panduan untuk pembinaan/pembangunan berhampiran kawasan berisiko seperti lereng bukit dan gua batu kapur?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, Batu Caves ingin nak tahu berkenaan dengan kondominium berhampiran Kuil Sri Mariamann Batu Caves. Tuan Speaker, mengikut rekod yang diberikan oleh YDP Selayang projek 29 storey ini diluluskan KM iaitu Kebenaran Merancang pada 27 September 2007. Kemudian 29 November *Full Board Meeting* MPS memberi kelulusan kepada KM dan keputusan ini disahkan oleh YDP sendiri pada 30 November. Lepas itu, 8 Mac pilihan raya yang bersejarah besar. 24 Mac juga pada tahun 2008 OSC lulus pelan bangunan pada masa itu Kaunselor atau Ahli Majlis dari Pakatan belum dilantik lagi. Dan pada 26 Jun pada tahun yang sama 2008 kelulusan pelan bangunan disahkan. Tuan Speaker, ini bermakna projek Batu Caves adalah diluluskan dalam zaman kerajaan yang lama. Apakah keputusan terkini? Kerajaan baru telah memberi arahan kepada MPS untuk memberikan *Stop Work Order* apabila kita difahamkan projek ini akan dilancarkan di tempat itu. Dan EXCO telah membuat keputusan untuk menubuhkan satu pasukan *Special Task Force* dan proses ini masih dijalankan kerana kita mengalami kerumitan untuk mencari seorang untuk menjadi ketua kepada *Special Task Force* ini. Dan tujuan ini ialah melalui *Task Force* itu kita akan membuat semakan semula kepada projek itu dan juga semua projek yang telah dilaksanakan di sekitar *National Heritage* (Warisan Nasional) itu. Tujuan kerajaan memang ingin kalau boleh kita menolak projek ini kerana projek ini nampaknya akan menjejaskan Warisan Nasional itu. Dan apakah kerajaan negeri mempunyai garis panduan. Sebenarnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri ada garis panduan pembangunan tanah tinggi dan juga lereng bukit. Bukan itu saja, Jabatan Mineral dan Geosains ataupun JMG juga ada garis panduan tertentu yang berkaitan dengan pembangunan di sekitar gua batu kapur kerana bukit di Batu Caves adalah dalam bentuk gua batu kapur di mana semua bukit batu kapur dimasukkan dalam tiga kategori iaitu risiko sangat tinggi, risiko tinggi dan risiko biasa. Batu Caves merupakan kawasan risiko sangat tinggi dan juga risiko tinggi. Ada Perdana Menteri....

Y.B. TUAN SPEAKER: Yang Berhormat sudah. Masa sudah lalu.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tuan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Soalan pertama saya di atas sebab garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan, adakah Kerajaan Negeri ada apa-apa kuasa untuk mengambil alih tindakan atau mengambil tindakan untuk membatalkan setiap projek yang dikatakan berbahaya mengikut garis panduan

baru walau pun ia merupakan kelulusan-kelulusan tahun lepas atau pun tahun-tahun sebelumnya.

Yang kedua, adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewartakan kawasan tersebut secara keseluruhannya untuk menjaga apa yang dipanggil sebagai warisan kebudayaan dan sudah pasti satu perkara yang sangat penting kepada imej dan juga tradisi kepada masyarakat keseluruhannya iaitu Batu Caves dan kawasan sekitarnya. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Batu Caves, sebenarnya Batu Caves telah dinamakan atau ditetapkan sebagai *National Heritage* sudah lama dan Tuan Speaker walaupun kelulusan telah diberikan kepada projek Batu Caves ini tapi ia diberikan dengan syarat. Jadi dengan izin *initial findings* kita, kita mendapati pemaju ini belum mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan itu. Jadi negeri memang ada hak untuk memberhentikan atau membatalkan projek ini tetapi kita nak buat secara profesional bukan seperti orang politik yang di sebelah situ tanpa apa-apa asas katakan nak batalkan dan sebagainya. Jadi sebagai kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab kita ingin membuat keputusan yang muktamad selepas ada pertubuhan *Special Task Force* itu. Dan kalaulah Perdana Menteri atau Menteri ingin membatalkan projek itu mereka sebenarnya ada kuasa. Mereka boleh menarik balik lesen pemaju ataupun membatalkan permit untuk penjualan atau pengiklanan projek itu. Jadi mereka cuba mengelirukan orang ramai sebenarnya kalau mereka jujur dan ikhlas betul-betul nak membatalkan projek itu ada caranya. Terima kasih.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: EXCO saya ingin bertanya projek itu mesti dibatalkan tidak ada pilihan lain tapi sekarang kita dengar cerita dua belah pihak kita menuduh Barisan Nasional, Barisan Nasional menuduh kita. Soalan saya adakah EXCO Yang Berhormat dari Pandamaran bersedia untuk meletakkan jawatan sekiranya projek ini tidak dibatalkan sebab ia mengancam agama hindu. Mengancam gua yang berjuta-juta tahun umur dan mengancam kuil Batu Caves yang berumur lebih 100 tahun. Itu soalan saya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, saya rasa kedudukan ataupun pendirian Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor sudah agak jelas, kita telah mengeluarkan *Stop Work Order* dan kita sudah menubuhkan jawatankuasa ataupun *Special Task Force*. Tujuan sangat jelas, kita memang mahu memberhentikan projek ini dalam keadaan yang profesional. Kita kena ada keadilan dan juga sebab-sebab yang munasabah dan sebab, kita difahamkan projek ini telah mendapatkan permit penjualan, pengiklanan dan sudah sampai lebih daripada 60% telah dijual apartmen ini. Ini *service apartment*, mengatakan, saya difahamkan ada lebih daripada 400 unit dan 60%, *more 60%* (dengan izin) telah dijual. Jadi kemungkinan besar Kerajaan Negeri ataupun kerajaan pusat harus memberi pampasan. Tetapi sebab itu kita kena buat

dengan cara yang betul dan sabar dan juga, dan juga profesional. Isu meletakkan jawatan tidak, tidak, tidak, tidak bangkit kerana pendirian Pakatan ialah kita tak mahu projek yang mengancam ataupun menjejaskan warisan negara. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Tapi belum menjawablah.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Tuan Speaker. Pagi-pagi kita bersenam, soalan saya no. 26

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN DI KAWASAN SUNGAI BUAYA, BUKIT BERUNTUNG,
BANDAR BUKIT SENTOSA.**

26. Terdapat pihak yang ingin memajukan dan melaksanakan pembangunan di kawasan seperti Sungai Buaya, Bukit Beruntung, Bandar Bukit Sentosa.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Setelah beberapa tahun dalam pemerintahan Kerajaan Negeri, tanah Sungai Buaya masih tiada apa-apa perancangan dan tindakan yang dilaksanakan. Bagaimanakah kerajaan negeri merancang? Mengapa dan kenapa perlu dirampas tanah tersebut?
- b) Apakah perancangan dan tindakan kerajaan negeri bagi memulihkan imej Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa setelah pihak kerajaan mengambil alih hutang Talam Corp?
- c) Apakah infra yang akan dilaksana oleh pihak kerajaan di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Speaker. Batang Kali menanyakan soalan mengenai pembangunan di kawasan Sungai Buaya dan dua di Bukit Beruntung dan ketiga Bandar Bukit Sentosa. Mengenai tanah, yang revolusi hijau yang diberikan kepada peneroka yang di Sungai Buaya. Tanah tersebut telah diserahkan kuasa kepada pemaju-pemaju, yang mana tanah tersebut tidak dijalankan oleh pemaju dan juga peneroka telah menyerahkan hak mereka kepada pemaju tersebut. Hasilnya pemaju tidak melakukan apa yang sepatutnya selain daripada meletakkan tanah-tanah tersebut sebagai cagar kepada pinjaman mereka di bank-bank. Untuk menyelesaikan masalah tersebut, oleh sebab mereka juga tidak

memikirkan tentang pembayaran premium dan seterusnya, bererti tanah-tanah tersebut sudah dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Jadi Kerajaan Negeri telah membuat perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut, *development* pelan sudah dibuat dan kiraan, *gross development value* juga telah dilakukan. Mereka-mereka yang berminat untuk melakukan pembangunan, boleh membeli kepada kerajaan dengan harga *gross development value*, jadi itu, dan kalau tidak kerajaan negeri akan melakukan pembangunan untuk menghasilkan pendapatan yang terbaik untuk rakyat negeri Selangor. Kedua Bukit Beruntung yang mulanya dulu dikatakan beruntung tidak, tapi sekarang kita telah mula merancang semula terutama kita telah mengambil alih tanah satu ribu ekar, milik Talam, dan saya rasa sudah banyak syarikat-syarikat yang membuat pembangunan semula di situ dan nilai tanah juga sudah mula meningkat. Begitu juga di Bandar Bukit Sentosa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan saya, soalan tambahan saya Tuan Speaker tapi agak panjang saya harap Speaker dapat lepaskan saya daripada *traffic light*lah ya. Kerana mengganggu saya.

Y.B. TUAN SPEAKER: Tidak, tidak, tak cukup masa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Macam Menteri Besar tadi menjawab pun dah lebih 1 minit berwarna merah....

Y.B. TUAN SPEAKER: Kalau Batang Kali Menteri Besar saya benarkan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Janganlah *double standard* Speaker. Saya pun ADUN. Dia pun ADUN..

Y.B. TUAN SPEAKER: Masa berjalan. Masa berjalan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker tak boleh begitu. Kena adil Speaker. Jangan tidak berlaku adil pada semua ADUN. Soalan tambahan saya, kenapa kalau tanah orang kaya, Chan Ah Chai boleh diambil dengan begitu mudah sedangkan tanah orang kampung, orang miskin di Sungai Buaya dirampas dan tidak pula boleh dimajukan oleh pihak yang lain. Yang kedua soalan saya, hasil hutang talam, hutang Chan Ah Chai berjaya dijelaskan oleh Kerajaan Negeri sementara masalah pembangunan, infra di Bukit Beruntung, Bukit Sentosa amat menyedihkan sedangkan lebih 1000 ekar kawasan tersebut telah dapat hasil kutipannya. Itu soalan saya, Tuan Speaker. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, kita tak timbul masalah daripada segi pembangunan. Tapi dibuat pembangunan dengan betul dan sah. Sungai Buaya tidak dibangunkan dengan cara yang betul . Oleh sebab itu, tanggungjawab Kerajaan Negeri, ini tanah kerajaan negeri, dia dibangunkan dengan mempunyai nilai yang terbaik. Y.B. Templer boleh antara, eh Batang Kali...(ketawa)

Y.B. TUAN SPEAKER: Datang selalulah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: (Ketawa) Lain kali pulak lah ...boleh...ok.. Y.B. Batang Kali boleh membawa peserta-peserta yang berminat untuk '*bidding*' untuk hartanah tersebut. Saya rasa Sentosa dan Bukit Beruntung akan berjaya apabila kita melaksanakan program, meletakkan jalan-jalan tertentu di sana, supaya pengangkutan dan pembukaan tanah-tanah itu dapat dibuat dengan cara yang baik. Dan saudara tak lama lagi akan dibentangkan program pembangunan menyeluruh Bukit Beruntung.

Y.B. TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM: Sekarang musim tengkujuh. Soalan No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : KEMISKINAN RAKYAT SELANGOR

27. Kerajaan Negeri menetapkan Paras Garis Kemiskinan sekitar RM3000 di Selangor berdasarkan keadaan sosioekonomi semasa.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan statistik rakyat fakir dan miskin di Selangor?
- b) Apakah strategi untuk mengatasi masalah kemiskinan ini?
- c) Apakah program dan projek yang boleh meningkatkan pendapatan rakyat Selangor?

Y.B. TUAN SPEAKER: Nanti saya had masa untuk ni. (ketawa) sila..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR B/L ARULANANDAM: Berdasarkan pada bancian yang dibuat pada tahun 2007, seramai 1,530,629 orang penduduk di Negeri Selangor berpendapatan kurang dari RM1500.00 peratusan diperolehi jumlah populasi di Negeri Selangor iaitu sebanyak RM5,070,000.00 penduduk menjadikan 30.18 *percent* rakyat di negeri Selangor tergolong dalam golongan miskin. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Stanco Kemiskinan telah menggariskan tiga fungsi dalam menangani kemiskinan di Negeri Selangor iaitu dengan menyediakan bantuan perumahan, bantuan pendidikan dan bantuan peluang pekerjaan. Bantuan perumahan melalui program kerajaan, rumah program rakyat termiskin (PPRT) telah dibina dengan kos maksimum sebanyak RM30,000.00 sementara itu bantuan baik pulih juga diwujudkan bagi membantu golongan sasaran mendapat kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa. Bantuan pendidikan Kerajaan Negeri telah menyediakan program kemahiran teknikal, dengan kerjasama Kolej Internasional Inpens di Kuala Selangor di mana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar terutamanya sekali pelajar luar bandar. Bantuan peluang pekerjaan, bantuan *blue print*, pembasmian kemiskinan Negeri Selangor yang diwujudkan pula adalah bagi membantu golongan sasaran berdikari dan menambah baik perusahaan atau pun bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan pemberian bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan. Program dan projek yang boleh di, meningkatkan pendapatan rakyat Selangor melalui Stanco Kemiskinan adalah dengan menawarkan program seperti program bantuan *blue print*, mebasnian kemiskinan negeri Selangor, program pinjaman SKIMSEL, dan juga program MIMBAR.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu. ..Morib..

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM: Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri melaksanakan pelan tindakan bagi menangani masalah kemiskinan melibatkan komuniti yang hilang pekerjaan, tiada rumah kediaman dan hidup bergelandangan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR B/L ARULANANDAM: Memang kita ada program-program. Bukan saja dari Stanco Kemiskinan tetapi kalau ikut apa yang kita telah lakukan keseluruhan di program ini banyak tugas-tugas EXCO yang lain pun, akan bantu di dalam pembasmian kemiskinan di dalam negeri Selangor contohnya pendidikan wanita juga dari kebajikan dan sebagainya. So, ini ialah satu program yang kita akan teruskan dalam masa depan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker soalan 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : HUTANG TALAM

28. ADUN Kinrara pada 8hb Ogos 2012 melalui media Internet menyatakan bahawa transaksi Kerajaan Negeri membayar RM4.2 juta untuk mengambil alih 60% saham Ulu Yam Golf and Country Club Sdn Bhd merupakan tindakan memulangkan dana pelaburan kepada Talam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah transaksi ini merupakan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengutip hutang dari Talam atau memulangkan dana pelaburan kepada Talam?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah cerun bukit di Ulu Yam?

Y.A.B. DATO MENTERI BESAR: Tuan Speaker. Kuala Kubu menanyakan mengenai hutang Talam. Oleh sebab kertas putih telah kita kemukakan dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat meneliti kertas putih tersebut dan boleh membukakan perbincangan dalam bajet ataupun dalam masa perbincangan tersebut supaya dijawab secara menyeluruh. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kota Damansara. Tak ada ya. Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Soalan No. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA (TERATAI)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK DI NEGERI SELANGOR

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah unit rumah mampu milik dirancang dan berapakah unit telah mula bina?
- b) Apakah harga, keluasan rumah dan lokasinya?
- c) Berapakah unit telah dijual pada setakat ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih. *Assalamualaikum w.b.r*. Y.B. Speaker, Dato' Speaker dan Teratai. Untuk pembangunan rumah mampu milik di Negeri Selangor ia dibangunkan dalam beberapa fasa. Contohnya untuk PKNS fasa pertama adalah daripada tahun 2010 hingga 2013 di mana ia dibina di Seksyen U12 Shah Alam, di Kampung Seri Temenggung, di Selangor Science Park 2, Seksyen 5 Kota Puteri dan Antara Gapi. Jumlah keseluruhannya adalah 1215. Empat daripada projek ini telah pun diadakan perbincangan atau telah masuk permohonan kebenaran merancang bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Dan seterusnya fasa ke-2 adalah di antara 2014-2018, adalah di Seksyen U10 Shah Alam, Seksyen U12, di Bandar Sultan Sulaiman, di Jalan Mat Sidin Klang, di Kota Puteri, Seksyen 15D dan fasa 1 di Sepang. Dan di Hulu Selangor di Antara Gapi dan Bernam Jaya. Jumlahnya adalah 9,481. Ini bermakna bahawa jumlah yang dirancang oleh PKNS daripada 2010 hingga 2018 adalah hampir 11,000 unit rumah mampu milik. Sementara Kerajaan Negeri juga menggalakkan pemaju-pemaju swasta membina rumah mampu milik iaitu sekarang ini yang telah diluluskan adalah di Lot 1024 Cheras, Lot 8664 Kajang, PT18288 Kajang, di Bandar Botanik Klang dan di Shah Alam dan juga di Sutera Damansara Pekan Sg. Buloh. Kesemua unit-unit yang dijangka akan dibina di kawasan tersebut adalah lebih kurang 1,500 unit di mana kita melihat bahawa pemaju-pemaju itu sedang bersedia untuk menghantar permohonan untuk kebenaran merancang dan seterusnya seperti mana yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa pada tahun depan kita membelanjakan lebih kurang RM50 juta daripada rizab kita untuk membina rumah mampu milik dan untuk soalan tentang rumah mampu milik yang sedang dibina, sekarang ini, yang sedang dibina, kalau tuan-tuan, kalau Y.B. sedar adalah, yang pertama adalah di Bukit Botak sebanyak 1,422, di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi 124, di Sungai Long Kajang sebanyak 136. Bermakna jumlah keseluruhannya adalah 1,682 di mana kesemuanya, insya-Allah akan disiapkan pada tahun hadapan iaitu pada 2013. Tentang kriteria rumah mampu milik, kriterianya adalah di antara RM85,000.00 dan juga RM150,000.00 seunit dengan keluasan kaki persegi sebanyak 850 kaki persegi hingga 1000 kaki persegi setiap satu.

Untuk menjawab persoalan daripada Permatang, adakah Kerajaan Negeri memberi subsidi? Ingin saya tekankan di sini bahawa rumah-rumah mampu milik yang sekarang

ini tengah dibina contohnya di Bandar Baru Bangi dan Bukit Botak oleh PKNS, harga sebenarnya adalah RM130,000.00 tetapi ia dijual dengan harga, di bawah harga RM100,000.00. Dan kalau kita lihat bahawa untuk perancangan fasa pertama, rumah mampu milik PKNS iaitu sebanyak 1,215, jumlah subsidi ataupun harga jualan yang sebenar, kekurangan harga jualan yang sebenar adalah lebih kurang RM36 juta, bermakna kalau PKNS nak menjual dengan harga sebenar tetapi ia dijual dengan harga di bawah RM100,000.00 maka PKNS akan terpaksa subsidi sebanyak RM36 juta. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Rawang. Sila.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya, apakah kriteria untuk pihak kerajaan negeri memilih sama ada sesuatu kawasan akan dibina rumah mampu milik ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sekarang ini kita berdasarkan daripada keperluan. Pemaju-pemaju ada menghantar permohonan untuk membina rumah mampu milik. Dan kita, dan untuk membina rumah mampu milik, '*in lieu*', dengan izin, rumah kos rendah, jadi kita melihat sama ada kawasan itu sesuai atau tidak untuk rumah kos rendah. Kalau tidak ada permintaan, ataupun '*transportation*' ataupun pengangkutan yang tidak sesuai maka kita benarkan pemaju membina rumah mampu milik dan tidak membina rumah kos rendah. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, soalan nombor 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENULARAN PENYAKIT TB

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kes penyakit TB yang telah disahkan di negeri Selangor ?
- b) Apakah punca-punca penyakit ini menular semula di negeri Selangor ?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mencegah penularan penyakit ini di negeri Selangor ?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Hulu Kelang. Soalan tentang penyakit TB di dalam negeri Selangor. Sebanyak 2697 kes TB yang telah disahkan diagnosis nya dilaporkan di negeri Selangor sehingga Minggu *Epid* 44 iaitu 1 Januari hingga 3 November 2012. Iaitu peningkatan sebanyak 12.8% berbanding tempoh sama pada tahun 2011, 2390 kes. Kes paling tinggi dilaporkan di daerah Petaling iaitu 831 kes, diikuti oleh Hulu Langat 601 kes, Gombak 461 kes, Klang 430 kes, Hulu Selangor 98 kes, Kuala Langat 87 kes, Kuala Selangor 86 kes, Sepang 52 kes dan Sabak Bernam 52 kes. Namun begitu jumlah kematian tidak banyak berbeza berbanding tempoh sama tahun lepas, iaitu 100 kematian berbanding 95 kematian pada tahun 2011.

Antara punca-punca yang dikenal pasti adalah ko-infeksi HIV 137 kes, saringan TB di kalangan pekerja warga asing yang agak longgar, peningkatan penghuni penjara Kajang dan Sg. Buloh, penempatan / pemindahan pelatih PUSPEN menghidap HIV di PUSPEN Serendah akibat penutupan PUSPEN Tampin, Negeri Sembilan, peningkatan pendatang tanpa izin yang tidak menjalani saringan TB dan kelekakan masyarakat yang menganggap penyakit TB telah dieliminasi. Walau bagaimanapun, kes TB di Selangor turut meningkat seiring dengan pengukuhan aktiviti pengesanan dan saringan kes *symptomatic* dan kumpulan berisiko tinggi serta pengukuhan aktiviti pengesanan dan pengesanan kontak pesakit TB. Bertujuan memastikan tindakan kawalan dan pencegahan dapat dilaksanakan dengan segera bagi menyekat penularan kes TB seterusnya di dalam komuniti. Semua fasiliti kesihatan di dalam Selangor sedang meningkatkan kadar pengesanan kes TB dengan meningkatkan saringan kes di jabatan pesakit luar dan saringan di kalangan pesakit yang berisiko tinggi serta mengukuhkan pengurusan kes dan kontak TB. Antara inisiatif baru yang dilaksanakan

- 1) Program pencarian kes TB secara insentif dan komunikasi bagi perubahan tingkah laku penyakit TB (COMBI-TB) di lokaliti tinggi bagi komuniti berisiko.
- 2) Pelaksanaan pengumpulan sampel Kahak '*House Base Sputum Collection*' mengukuh kaedah mengesahkan kontak TB dan keluasan sasaran kontak TB pada 4 kerja dan tempat bersosial dengan nisbah satu kes sasaran indeks kepada sekurang-kurangnya 10 kontak (1:10).
- 3) Meningkatkan saringan kes *symptomatic* di Jabatan Pesakit Luar mula menjalankan saringan berkala di kalangan penghuni di rumah-rumah jagaan warga emas secara berkala sejak 2011. Menyaring pesakit diabetes yang tidak terkawal dan semua penghuni lokaliti beban TB tinggi yang boleh membuat diagnosis dan memulakan rawatan TB bekerja dengan lain-lain organisasi

sebagai *'International Organization For Migration, UNCHR, MATPB* dalam mendasarkan aktiviti saringan.

- 4) Meluaskan bekalan ubat simpanan TB di Klinik Desa, Klinik 1 Malaysia dan juga Klinik Ibu dan Anak sejak Mac 2012.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih EXCO. Antara sebab yang dinyatakan adalah longgarnya saringan yang dilakukan terhadap pekerja asing dan pendatang ke Malaysia. Apakah langkah-langkah kerjasama yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan saringan yang dilakukan oleh kerajaan pusat.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ini mengikut undang-undang yang kita ada sekarang, semua pendatang-pendatang kepada negara kita mesti ada saringan. *They have to go through medical check up* yang kita katakan. Masalah dia ialah pendatang yang tanpa izin yang datang kepada negara kita, kita tidak ada maklumat dan kita tak tau dari mana mereka datang. Ini, jadi satu masalah bukan sahaja kepada Negeri Selangor tetapi keseluruhan negeri-negeri di Malaysia. So kita sekarang bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan untuk mengatasi masalah ini. Kita minta siapa-siapa di antara mereka-mereka yang datang dari luar negara, kalaulah mereka mendapat, tidak sihat, dan adakan simptom-simptom bagi itu, kita elakkan mereka pergi kepada hospital-hospital kerajaan untuk adakan rawatan. Dan dari itulah kita boleh jaga kesakitan penyakit-penyakit ini yang datang dari luar. Dengan tidak izin untuk kita demikian.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HJ. MANSOR: Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Tanjung Sepat

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HJ. MANSOR: Kalau beberapa tahun lepas, kejadian TB ini di Malaysia hampir terhapuslah (eliminasi). Sejak beberapa hari ini, nampak kejadian di Selangor, khususnya di Selangor telah meningkat dan salah satu sebab seperti mana yang dinyatakan ialah pendatang asing. Saya cuma nak, persoalan saya ialah pesakit daripada negeri manakah yang paling banyak. Makna, parti dari negeri mana yang paling banyak mengalami kejadian membawa penyakit TB ke Malaysia. Dan bagaimana cara, bagaimanakah cara, tadi panjang lebar dijelaskan. Bagaimanakah cara kita nak buat kontak *tracing* kepada pesakit ini, kerana pesakit ini *very movable*. Dia sangat bebas bergerak. Macam mana kita nak buat *contract tracing*. Kalau kita tidak dapat buat *contract tracing* Kalau kita tidak dapat buat *contract tracing* ini, akan menyebabkan jangkitan kepada rakyat yang ada di negeri

Selangor yang ada di sekitar mereka kerana mereka akan membawa penyakit ini. Dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Apa kah tindakan yang kita buat kepada mereka ini. Kontak *tracing yang kita buat?* Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tg. Sepat. Kontak *tracing* ini kita lakukan bila ada satu kes yang positif yang kita nampak di hospital dan *Public Health Services* melalui kerajaan, kesihatan Malaysia akan buat '*tracing*' kepada mereka. Pada waktu itu, penyakit ini dan di kuarantin di suatu tempat sahaja dan tidak dibagi peluang untuk pulang balik ke rumah dan *immediate tracing* itu akan dilakukan dari tempat yang dia datang untuk *immediate* untuk dapatkan satu gambaran dari mana dia datang dan lepas kajian dan *investigation* dilakukan oleh '*Public Health Services*' dia akan lepas tu, *follow route* yang kita katakan kontak *tracing* ini untuk dilakukan. Memang kita hadapi satu masalah besar dengan pendatang tanpa izin di dalam negara kita. Kalau tanya saya dari negara mana yang kita akan adakan masalah yang besar, sekarang yang datang tanpa izin terbanyak ialah dari Indonesia. Tetapi sekarang kita ada beberapa orang-orang dari Afrika yang datang kepada Malaysia juga yang saya nampak sudah meningkat. 'So' kita kena jagalah sebab ada TB-TB ini yang harus kita bagi tumpuan sekarang sebab peningkatannya ialah kita bagi tumpuan pada HIV, HIV dulu tetapi TB ialah satu-satu yang katakan *secondary infection* dari HIV yang kita kena bagi tumpuan dalam masa yang akan datang.

Y.B. TUAN SPEAKER : Balakong? Tidak ada? Dengkil?

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya No. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: PROGRAM SPIES

Sejak 2008 kerajaan negeri melaksanakan program pembangunan modal insan *SPIES*.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah peserta yang telah mengikut *SPIES* dari 2008 hingga kini mengikut kelompok sasaran ?
- b) Apakah ukuran peningkatan atau kejayaan program *SPIES* hingga kini ?
- c) Adakah asas pembelajaran dalam program *SPIES* dan adakah ia bebas daripada menjadi alat doktrin politik kepertanian ?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Dengkil. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Mulai 24 Ogos 2008 Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang, jumlah bilangan sasaran peserta remaja adalah sebanyak 4,3816, penjawat awam 20,960, warga pendidik 12098 orang, kanak-kanak 411, pimpinan masyarakat 8792 orang, keluarga 10,379 orang, pelajar IPT 4,573 orang, warga industri 160 orang, warga emas 50 orang. Jumlah seluruhnya adalah 101,239 orang. Platform pembangunan modal insan yang disediakan oleh kerajaan Selangor melalui program *SPIES* merupakan satu pendekatan yang berhemah dan kontemporari dalam usaha membangunkan modal insan secara berpadu. Kejayaan kepada program *SPIES* ini boleh dilihat daripada sudut kualitatif dan kuantitatif. Dari sudut kuantitatif, program *SPIES* telah berjaya melatih seperti yang saya sebutkan tadi 101,239 orang dan dalam tempoh ini ia merupakan satu kejayaan yang cukup besar dalam mengetengahkan konsep pembangunan insan yang holistik kepada warga Selangor. Dari segi kualitatif pula, ukuran daripada kejayaan program ini adalah agak abstrak kerana proses pembangunan insan adalah satu evolusi yang berterusan dan sepanjang hayat justeru memerlukan jangka masa yang panjang untuk mendapatkan satu ukuran yang boleh membantu melihat kejayaan sebenar. Perlu diingatkan program *SPIES* bukan sekadar kursus. Kursus hanyalah pengenalan kepada *SPIES*. Program *SPIES* sebenarnya adalah penerapan budaya positif dan produktif bermula di dalam jentera kerajaan hingga ke akar umbi. Antara faktor pengukuran boleh dijadikan panduan adalah melalui beberapa aspek, pertama, tahap integriti dan kompetensi kakitangan kerajaan negeri Selangor melalui peningkatan produktiviti seperti yang kita lihat daripada segi peningkatan hasil kerajaan, pengurangan aduan awam, pematuhan prosedur kerja seperti Laporan Audit Negeri dan Negara. Kedua, budaya ilmu mula subur di negeri Selangor, ketiga, budaya hidup bertuhan semakin terserlah. Masjid dan tempat ibadat semakin dipenuhi. Keempat, budaya pemutus dan pelaksana dasar yang mempunyai '*guiding principle*' dengan izin, atau prinsip penjelas untuk menjaga kepentingan rakyat jelata. Kelima, pengurangan kadar krisis rumah tangga berdasarkan laporan perceraian. Manakala untuk nilai kesan yang paling ketara dan manfaat program ini untuk peserta, indikator terbaik yang baik boleh digunakan pakai adalah melalui maklum balas peserta kursus dan hasil analisa maklum balas peserta yang dibuat ke atas mereka yang telah mengikuti kursus ini iaitu markah yang diberi adalah 3.48, markah penuh adalah 4.

Yang ketiga, soalan ketiga ini Tuan Speaker, adakah asas pembelajaran dalam program *SPIES*, dan adakah ia bebas daripada menjadi alat doktrin politik kepartian? Jawapannya, *SPIES* bersifat universal. *SPIES* adalah instrumen perpaduan kerana model ini dicipta merentasi kaum, keturunan dan agama bahkan *SPIES* juga melangkaui perbezaan ideologi politik sama ada daripada Pakatan Rakyat mahupun Barisan Nasional.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat, cukuplah tu. Masa dah cukup dah.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : dan *SPIES* adalah *holism education*. Insya-Allah, tidak ada sebarang unsur-unsur indoktrinasi seperti yang disebutkan oleh Dengkil itu.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Soalan tambahan. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, sila.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Saya mendapat maklum dan difahamkan bahawa bukan hanya pihak jabatan kerajaan sahaja yang memberikan ceramah tapi unit amal juga terlibat sama memberikan ceramah. Adakah wajar kalau ini adalah program kerajaan?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Mungkin Dengkil salah faham. Sebenarnya, yang nak berinya bukan ceramah. Ini kursus membentuk insan sama ada daripada kerajaan ataupun orang yang mempunyai kompetensi ilmu pengetahuan kemahiran untuk membentuk insan. Dia sama ada unit amal ataupun orang daripada swasta ataupun orang daripada IPT ataupun orang awam. Ini yang kita apa, kenapa Dengkil nak sebutkan unit amal sahaja. Kita tidak tanya, kalau unit amal ha baru boleh jadi penceramah dia dalam *SPIES*, tidak. Ini telah terlalu lari, Dengkil ya, daripada apa yang sebenarnya dibuat dalam *SPIES* ini. Kerana takkan 101,000 lebih peserta *SPIES* ini unit amal yang mendidik mereka. Yang memberi kursus-kursus. Yang kita, kita yang merangka ini adalah daripada input-input daripada IPT-IPT, mereka yang mempunyai *Master* dan *PhD* dalam *Human Resource Management*. Bahkan kandungan modul *SPIES* ini menerap teori dalam pendidikan seperti teori Pembangunan Manusia, Falsafah Pendidikan Islam, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Sosiologi Islam, Teori Johari Window, Teori Maslow, Teori Behavioris, kognitif dan konstruktif, yang semuanya ini bebas daripada doktrin politik. Jadi tidak ada kena mengena dengan unit amal Dengkil. Dan *SPIES* ini adalah untuk membina keupayaan, untuk mengkaji segala maklumat, segala maklumat untuk menjayakan seorang insan ini di dalam kehidupan. Tak ada kena mengena dengan politik selain berbeza sangat, kontras dengan BTN yang memang tujuannya adalah mengindoktrinasikan peserta BTN.

Y.B. TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. DATO' DR. IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Soalan no. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT Johor
(PAYA JARAS)**

TAJUK: PRESTASI PERBELANJAAN GERAN SELANGORKU

Bajet 20112 Selangor memperuntukkan Geran 'Selangorku' dengan jumlah RM300 juta bagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi perbelanjaan geran RM300 juta tersebut?
- b) Nyatakan kategori, projek atau program serta kos yang telah dibelanjakan?
- c) Apakah kayu ukur keberhasilan atau impak perbelanjaan geran tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Dato' Speaker, Paya Jaras, menanyakan tentang prestasi Geran SelangorKu. Di bajet tahun lepas, saya telah membentangkan sejumlah RM300 juta akan kita gunakan melalui MBI (Menteri Besar Incorporated) untuk melaksanakan 17 geran projek. Daripada 17 geran projek yang sangat aktif dilakukan ialah infrastruktur ataupun prasarana di mana lebih 40 juta daripada RM50 juta diperuntukkan sudah dilaksanakan. Dan, jabatan teknikal daripada JKR telah membuat penyelidikan tentang tatacara. Kedua, tentang keberkesannya cara tersebut dan daripada 160 sebut harga yang dilakukan dan berjumlah RM27.7 juta dijangkakan kosnya dan tawaran yang kita terima ialah RM22.05 juta dan penjimatan sebanyak 20%. Saya juga telah meminta audit negara untuk membuat penyelidikan tentang wang SelangorKu supaya dapat dibandingkan dengan geran-geran di beberapa negeri dan di beberapa usaha yang dibuat oleh kerajaan Persekutuan jadi kita nak tengok daripada segi '*value for money*' dan seterusnya. Saya berharap kajian tersebut dapat kita bentangkan kepada dewan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sg. Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, soalan No. 35

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH DI NEGERI SELANGOR

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kompaktor telah dibeli oleh kerajaan negeri untuk tujuan pengurusan sampah di negeri Selangor ?
- b) Berapakah jumlah telah dibelanjakan ?
- c) Kenapa masih terdapat aduan berkenaan sampah sarap tidak dikutip ?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Sg. Pelek akan dijawab bersekali dengan soalan No. 71, 129 dan 210. Soalan Sg. Pelek adalah berkenaan dengan pengurusan sampah di Negeri Selangor. Berapakah kompaktor? Setakat ini, Negeri Selangor telah mendapatkan sebanyak 50 buah kompaktor yang baru untuk tujuan pengurusan sampah di Negeri Selangor. Bagi kos perbelanjaan pembelian kompaktor, ia tidak melibatkan kewangan Kerajaan Negeri kerana kompaktor telah disediakan oleh Syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dengan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Dan di peringkat PBT, aduan berkenaan sampah sarap tidak dikutip adalah semakin berkurangan kerana adanya pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan. Tuan Speaker, jika ada aduan, ia disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya ialah terdapat orang atau pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya dan terjadinya tapak pembuangan sampah haram. Selain itu, juga proses pelantikan kontraktor kerja yang baru kurang arif dengan kawasan kerja menyebabkan sampah lambat dikutip tetapi ia akan kembali normal selepas kontraktor arif dengan kawasan kerjanya. Bukan itu sahaja, kadangkala masalah kenderaan pengutip sampah rosak dan perlu diselenggarakan dan dibaikpulih dengan segera juga boleh menyebabkan sampah lambat dikutip sementara menanti kenderaan lain. Kapasiti sampah yang melampau juga boleh menyebabkan kelewatan kutipan sampah berlaku berikutan tapak pelupusan yang jauh. Selain daripada itu Tuan Speaker, ada setengah penduduk lewat mengeluarkan sampah dan yang merumitkan sampah ditinggalkan di dalam kawasan rumah yang berkunci. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Sg. Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Jawapan yang diberi oleh EXCO rasa saya dah kali yang kedua saya dengar dalam dewan, iaitu kontraktor sampah ini, kenderaan rosaklah, tidak dapat kutiplah, kurang ariflah, rasa saya sehingga hari ini, kalau masalah ini tidak diatasi, inilah begini rupanya setiap hari nampak dalam surat khabar tu keadaan sampah macam ini. Jadi ini bukan satu alasan. Soalan saya, tambahan ialah syarikat yang membekalkan kompaktor ini, saya difahamkan ini bukan satu syarikat yang mengeluarkan kompaktor tetapi di sebaliknya mengeluarkan..

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, soalnya, soalan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Adakah ini benar, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, sebenarnya, masalah-masalah yang saya sebutkan tadi adalah kerana Alam Flora telah diberi tanggungjawab untuk mengutip sampah terlalu lama dan dalam zaman itu, kompaktor yang lama itu jarang digantikan. Sebab itu, apabila Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan ini dan juga mengambil alih kerja kutipan sampah, kita terpaksa menerima banyak kompaktor yang katakan lama dan hampir tak boleh pakailah. Sebab itu, kerajaan membeli kompaktor yang baru. Jadi, kalau perlu, kerajaan akan menambahkan kompaktor yang baru. Dan, katakan masih ada kontraktor yang kurang arif, ini adalah kerana apabila kita mengadakan sistem yang baru, mana-mana kontraktor yang tidak boleh pakai, tidak boleh bekerja, tidak bertanggungjawab, kita pecat. Selepas pecat, tentu lah ada kontraktor yang baru jadi kontraktor yang baru memang kurang arif lah. Ini satu kenyataan, ini bukan satu alasan kita, mengapa kita tidak kutip. Jadi, kita akan teruskan. Jadi, saya sudah katakan, sekarang keadaan di negeri Selangor sudah pulang ke tahap normal. Aduan pun berkurangan. Terima kasih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya. Semenyih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tuan Speaker, saya nak bertanya, tadi EXCO memberitahu bahawa pembelian kompaktor ini tidak ada kena mengena dengan duit kerajaan negeri tetapi menggunakan KDEB. Dan tergantung ayat tadi melalui institusi kewangan. Institusi kewangan mana? Saya nak tau tu.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, maksud saya, KDEB bukan syarikat yang membeli kompaktor itu, dia buat pinjaman daripada kewangan ataupun bank. Itu bukan, itu satu kenyataan lah. Jadi saya tak boleh jawab dari bank yang mana dan sebagainya. Sebab itu bukan bidang kuasa saya. KDEB ada hak untuk meminjam wang daripada mana-mana bank atau institusi kewangan. Terima kasih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, soalan 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang diberikan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor sejak 2005-2012 dan jumlah yang dibelanjakan bagi memajukan sukan bola sepak?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, peruntukan yang telah diberikan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor untuk pembangunan sukan adalah secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

Pada tahun 2005 hingga 2007 tidak ada peruntukan yang diberikan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor kerana ketika itu, Majlis Sukan Negeri Selangor mempunyai kekuatan kewangannya sendiri. Pada 2008, sejumlah RM1 juta diberikan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor, begitu juga pada tahun 2009. Pada tahun 2010, sejumlah RM3,841,600.00 telah diberikan, 2011 RM3,738,400.00 dan pada tahun 2012 RM4,830,123.00 Jumlah yang telah diperuntukkan ini adalah termasuk pembayaran gaji pegawai dan kakitangan MSN, persediaan atlet, pembelian peralatan, pembayaran gaji jurulatih sepenuh masa ataupun separuh masa. Pembayaran elaun penyertaan kejoanan, pembelian pakaian dan lain-lain. Peruntukan yang diberikan ini juga disalurkan kepada 42 persatuan sukan yang menjadi ahli gabungan Majlis Sukan Negara Selangor. Bagi tujuan pembangunan bola sepak di Negeri Selangor. Kita telah berikan peruntukan ini kepada persatuan bola sepak di Negeri Selangor, diamanahkan untuk pembangunan bola sepak itu sendiri. Jumlah yang dibelanjakan oleh persatuan bola sepak negeri Selangor untuk memajukan sukan bola sepak terutamanya untuk mencungkil atau melahirkan pemain-pemain di bawah umur 21 tahun adalah seperti yang akan saya sebutkan ini. Pada tahun 2005 hingga 2012, sejumlah RM660,000.00 setiap tahun digunakan untuk pembangunan dan sukan bola sepak ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor juga ada mendapat peruntukan-peruntukan khas daripada kerajaan negeri serta beberapa peruntukan daripada pihak-pihak penaja dan pembangunan, untuk pembangunan bola sepak di Negeri Selangor ini. Sekian.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR: Soalan tambahan. Sukan layar juga menjadi salah satu sukan yang menyumbangkan pada kejayaan kontinjen Selangor dalam sukan SUKMA. Dan di Batu Laut terdapat satu pusat sukan layar. Adakah apa-apa usaha ataupun perancangan untuk meningkatkan lagi infrastruktur kemudahan pusat sukan layar di Pantai Batu Laut. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tanjung Sepat. Sebenarnya peruntukan yang begitu besar diperlukan untuk pembangunan sukan di Negeri Selangor ini sendiri dan saya tidak menafikan bahawa sukan layar juga adalah penyumbang kepada pingat di dalam kejohanan-kejohanan seperti kejohanan SUKMA yang telah Selangor terlibat secara langsung. Kita sedia maklum bahawa keperluan, dan kita sedia maklum bahawa pantai Batu Laut juga adalah satu tempat yang agak sesuai untuk tujuan latihan dan membangunkan sukan layar itu sendiri. Tempoh hari semasa kunjungan secara tidak rasmi bersama-sama juga Menteri Besar Negeri Selangor semasa program Terima Kasih Rakyat, kita telah melihat beberapa keadaan yang saya kira perlu ada pembangunan. Walaupun pada masa ini kita tidak menafikan ada beberapa bangunan kemudahan awam yang ada di situ. Sudah tentulah ini akan diambil kira terutamanya untuk pembangunan sukan perahu layar itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih, Speaker. Soalan tambahan saya, sejak kebelakangan ini prestasi SUKMA atau pun bola sepak Negeri Selangor sejak di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat yang diterajui oleh Y.A.B. Ijok, nampaknya prestasi makin lama tidak menggembirakan rakyat negeri Selangor. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Y.B. EXCO bagi mengatasi masalah ini terutamanya dalam SUKMA, kita sering sangat kalah dengan Terengganu sekarang ini. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh EXCO kerajaan? Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ini dah keluar tajuk. Tajuk utama adalah sukan bola sepak.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Sukan di bawah Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negeri. Majlis Sukan Negeri menjadi tempat sukan kita

TUAN SPEAKER: Ini SUKMA. SUKMA lain. Eh, SUKMA lain. Bacalah.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Bola sepak bukan sukan ke? Bola sepak bukan sukan ke Speaker? Apa ni Speaker?

TUAN SPEAKER: Baik Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan no. 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan sehingga setakat ini berapakah jumlah Rizab Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan butiran terperinci secara perbandingan kedudukan jumlah Rizab di kalangan negeri-negeri sehingga bulan September 2012?
- c) Sila nyatakan apakah faktor utama yang mendorong kepada peningkatan jumlah Rizab Negeri Selangor sejak 4 tahun yang lalu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Sekinchan menanyakan tentang Rizab Kerajaan Negeri Selangor. Perkara ini sudah saya nyatakan di dalam bajet belanjawan, ucapan belanjawan. Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan pada Oktober 2012, wang awam yang berjumlah RM2.57 bilion iaitu rizabnya terdiri daripada wang tunai sebanyak RM546.11 juta dan pelaburan sebanyak RM2,028.11 juta.

Sekinchan juga menanyakan perbandingan antara negeri. Dari laman web Jabatan Audit Negara dinyatakan tentang Akaun Hasil Disatukan pada 2011 :-

i.	Johor	:	RM319 juta
ii.	Kedah	:	RM295 juta
iii.	Kelantan	:	RM438 juta
iv.	Melaka	:	RM3.44 juta
v.	Pahang	:	RM125 juta
vi.	Perak	:	RM571 juta
vii.	Perlis	:	RM137 juta
viii.	Pulau Pinang	:	RM710 juta
ix.	Sabah	:	RM3,328 juta
x.	Selangor	:	RM1,144 juta
xi.	Terengganu	:	RM233 juta

TUAN SPEAKER: Bangi. Ya, Gombak Setia.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan no. 38.

TUAN SPEAKER: Ada soalan tambahan, minta maaf. Ya, sila.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, sebagaimana yang kita diberitahu bahawa simpanan rizab agak tinggi RM2.57 bilion itu dan daripada situ saya difahamkan sebahagiannya juga adalah merupakan simpanan daripada MARRIS. Wang peruntukan MARRIS yang tidak dibelanjakan dalam lingkungan RM590 juta begitu. Jadi persoalannya ialah kalau kita himpulkan wang peruntukan MARRIS itu sudah tentu ini akan menambah gemukkan simpanan. Persoalannya ialah sama ada kita nak melihat simpanan rizab atau pun kita nak melihat pembangunan? Sebab *complain-complain* daripada akhbar-akhbar, tulisan-tulisan daripada pembaca-pembaca dan berbagai-bagai-bagai *input* yang kita dapat daripada pembaca

TUAN SPEAKER: Ya, soalan dia? Soalan?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Menggambarkan bahawa, ya sikit aja. Menggambarkan bahawa keperluan untuk membelanjakan MARRIS untuk kita dapat menangani masalah-masalah yang berlaku di *local government* itu, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Speaker, boleh jadi sekarang EXCO yang menjaga tentang wang MARRIS itu saya sendiri dan saya telah ubah cara penggunaan wang MARRIS dan saya telah sebut dalam satu soalan yang tadi bahawa saya telah mengubah cara penyaluran wang bukan lagi disalurkan kepada Akaun Disatukan. Kesemua wang-wang itu dimasukkan ke dalam satu akaun supaya setiap tahun kita tahu penggunaannya. Jadi dulunya dia berperingkat, jadi saya telah lakukan itu dan saya akan hebahkan. Sudah tentulah, tiap-tiap kali Dewan kita boleh terangkan penggunaannya. Ini dilakukan oleh Kerajaan Negeri sangat lama. Negeri Selangor melakukan perkara ini lebih daripada 10 tahun keadaan ini. Ada kalanya duit MARRIS itu tidak digunakan terus kepada prasarana tetapi digunakan dalam hal-hal lain. Kemudian, ada kalanya untuk membuat teaterlah, nak buat apa jadi ada, tak terus penggunaannya. Tapi sekarang saya sudah asingkan supaya penggunaannya dilakukan dengan baik.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan no. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MENINGKATKAN HASIL NELAYAN

38. Nelayan dikaitkan sebagai golongan miskin.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah rakyat Selangor yang terlibat dengan pekerjaan nelayan?
- b) Berapakah kadar pendapatan mereka berbanding dengan kerja-kerja rakyat yang lain?
- c) Apakah usaha yang dilakukan untuk meningkatkan pendapatan mereka?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

- a) Jumlah rakyat Selangor yang terlibat dengan pekerjaan nelayan adalah seramai 7,655 orang. Statistik Jabatan Perikanan Malaysia 2010 menunjukkan bahawa:

Bil.	Daerah	Bilangan Nelayan
1.	Sabak Bernam	3,264
2	Kuala Selangor	1,552
3.	Klang	1,899
4.	Kuala Langat	732
5.	Sepang	187
Jumlah		7,655

- b) Secara purata kadar pendapatan nelayan tradisional adalah sekitar RM1,00.00 hingga RM1,500.00 sebulan.
- c) Usaha yang dilakukan untuk meningkatkan pendapatan mereka adalah :-

- i. Melalui peruntukan dana nelayan oleh Kerajaan Negeri yang memberikan pelbagai bantuan peralatan dan alat tangkapan ikan dalam memastikan hasil tangkapan dapat ditingkatkan. Pada tahun 2012, Jabatan Perikanan telah menerima peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk membantu nelayan. Bantuan yang diberikan adalah sampan *fibreglass*, enjin serta jaring untuk menangkap ikan.
- ii. Program bantuan peralatan menangkap ikan oleh Lembaga Zakat Selangor.
- iii. Program bantuan menaiktaraf jeti pendaratan ikan oleh Majlis Daerah, PBT, LKIM serta Jabatan Perikanan.
- iv. Menukar bentuk aktiviti nelayan iaitu dengan membuat program-program antaranya ialah kebun kerang. Kita dapati peserta-peserta kebun kerang, mereka mempunyai pendapatan melebihi RM3,000.00 sebulan dan seterusnya membuat pusat-pusat IKS di kawasan-kawasan jeti khusus untuk isteri-isteri nelayan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sila.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Banyak cara untuk meningkatkan bahan untuk dinelayankan, maksudnya nak dapat ikan. Selain daripada menangkap di laut terbuka ialah pemeliharaan ikan air tawar di darat. Selain daripada itu, kita mempunyai banyak sungai. Berapa sungai yang sesuai untuk kita pelihara ikan secara sangkar? Sejauh mana diusahakan? Selain daripada itu, laut di Negeri Selangor ini tenang tak seperti di laut pantai timur. Boleh dipelihara secara sangkar. Sejauh mana usaha memelihara ikan secara sangkar ini baik di sungai atau pun di laut yang mungkin boleh memberi manfaat yang banyak untuk menghasilkan ikan. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Untuk soalan nelayan laut, kita ada 48 sangkar di kawasan Pulau Ketam yang sangat menggalakkan. Jumlah jualannya sekitar RM70 juta setahun. Aktiviti-aktiviti nelayan darat, Selangor juga antara pengeluar projek-projek *agro culture* yang berjaya di mana banyak kolam-kolam ikan yang berada di negeri Selangor khususnya di daerah Hulu Selangor. Ada percubaan kita buat sangkar di Ban Canough, ada percubaan. Kita juga membantu projek-projek *agro culture* untuk nelayan-nelayan di darat di samping nelayan sungai juga khususnya di kawasan Sungai Bernam terdapat ramai nelayan-nelayan darat. Ini juga kita membantu mereka.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa? Tidak hadir. Semenyih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tuan Speaker, soalan no. 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

40. Kerajaan Negeri masih belum berjaya mengambil alih pengurusan air negeri dari operator swasta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan kronologi dan kos diperlukan untuk pengambilalihan?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan tersebut?
- c) Adakah mekanisme dan harapan untuk menyelesaikan pengambilalihan ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Semenyih membangkitkan tentang penyusunan industri air.

TUAN SPEAKER: Ya, ada kertas putih ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ha kertas? Tidak. Nombor 40 ke?

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya ingin menyatakan, saya telah menyertakan satu kertas penstrukturan semula industri air yang saya serahkan kepada Dewan untuk memberikan penerangan yang lanjut tentang status dan seterusnya. Jadi saya harap ini dapat diberikan maklumat tambahan. Buat masa ini saya telah membuat, mengemukakan tawaran mengenai mengambil alih syarikat konsesi air sebanyak tiga kali. Tawaran yang pertama adalah pada 13 Februari 2009 bernilai RM5.7 bilion. Saya buat lagi tawaran pada 2009, RM9.2 bilion dan pada 30 Januari 2010, RM9.22 bilion dan pemegang konsesi tidak menerima bayaran tersebut, tawaran tersebut, mereka menghendaki harga yang lebih tinggi. Saya cadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan juga konsesi untuk menentukan rakyat Selangor mendapat nilai yang terbaik dan nilai yang dikatakan adil, sebarang perbezaan harga boleh dibincangkan melalui *abitation*, *international abitation* dan ini saya menunggu jawapan daripada Kerajaan Persekutuan. Nampaknya, Kerajaan Persekutuan sudah mula menerima konsep *international abitation* bagi menentukan perbezaan harga yang ditawarkan.

Dengan cara ini, rakyat Negeri Selangor akan percaya bahawa mereka akan mendapat nilai yang munasabah.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR: Tuan Speaker, soalan no. 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : GRADUAN SELANGOR

40. Kerajaan Negeri melalui Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa INPENS saban tahun mengeluarkan lulusan dan graduan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah lulusan di ketiga-tiga institusi tersebut dan bidang mereka?
- b) Berapakah jumlah pelajar yang berjaya mendapat pekerjaan selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian?
- c) Berapakah jumlah pelajar yang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi lagi?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Saya akan jawab soalan a, b dan c bersama seperti berikut :-

Pertama Universiti Selangor (UNISEL) dari tahun 2006 sehingga 2012 seramai 18,660 orang berjaya menamatkan pengajian mereka dalam pelbagai bidang iaitu bidang Pengajian Kejuruteraan, Sains dan Bio Teknologi, Perniagaan, Pendidikan dan Sains Sosial, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Komunikasi Media, Seni Reka dan Seni Lukis, Bio Perubatan dan Sains Kesihatan serta Pasca Siswazah. Manakala daripada aspek pencapaian cemerlang, prestasi mahasiswa UNISEL juga amat ketara. Kajian oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mendapati bahawa graduan UNISEL adalah tertinggi bagi aspek ke boleh pasaran untuk sektor swasta di dalam negara dan antarabangsa. Berdasarkan kajian *tracers study* dengan izin, Kementerian Pengajian Tinggi juga pada tahun 2011, seramai 2,514 orang iaitu 76.5% yang telah bergraduan berjaya mendapat pekerjaan dan ia merupakan kedua tertinggi dalam negara. Kajian *tracers study* oleh Kementerian Pengajian Tinggi juga menunjukkan sejumlah 513

orang atau 14.5% graduan UNISEL telah melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi pada tahun 2011.

Kedua, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), jumlah pelajar yang bergraduan pada tahun 2012 adalah seramai 982 orang melalui 4 bidang utama iaitu bidang Sastera dan Sains Sosial, bidang Sains, bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan bidang Pendidikan. Daripada jumlah 982 orang yang menamatkan pengajian sejumlah 662 orang iaitu (67%) berjaya mendapat pekerjaan. 143 orang atau (14.5%) masih belum mendapat pekerjaan, 67 orang iaitu (6.8%) melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 110 orang iaitu (11.2%) tiada maklumat.

Ketiga Kolej INPENS jumlah pelajar bergraduan sekurang-kurangnya tahap 2 dalam bidang kemahiran adalah sejumlah 1985 orang melalui 13 bidang yang ditawarkan di INPENS iaitu, Juruteknik Kenderaan Motor (Automotif), Juruteknik Elektrik, Juruteknik Elektronik Industri (Peralatan), Juruteknik Sistem Komputer, Pelukis Pelan Kejuruteraan Mekanikal, Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, Pembuat Pakaian Wanita, Juru kecantikan dan Juru estetik, Pemandan Rambut, Juruteknik Motosikal, Eksekutif Automotif, Chargeman dan Wireman. Daripada jumlah 1,985 orang yang menamatkan pengajian, sejumlah 1,430 orang (73%) telah mendapat pekerjaan dalam 6 bulan menamatkan pengajian. Manakala 378 orang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi iaitu sebanyak (19%).

TUAN SPEAKER: Ya, masa pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

IV. RANG UNDANG-UNDANG

PENOLONG SETIAUSAHA: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan (2013 – 2012) semua peringkat.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat sekalian, sebelum dewan memulakan perbahasan. Sukacita saya mengalu-alukan kunjungan dari Dato' Abdul Halim Husin, Speaker Dewan Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat sekalian, bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66 (2) perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan adalah dihadkan kepada 4 hari dan dewan ini dikehendaki meluluskan Rang Undang-Undang ini pada peringkat bacaan kedua selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari pada hari Jumaat. Oleh itu, saya telah pun merangkakan supaya perbahasan dibuka untuk hari ini dan hari esok dan pihak kerajaan akan menggulung pada hari Khamis supaya kita dapat meluluskannya sebelum pukul 12.00 tengah hari pada hari Jumaat dan untuk hari ini untuk memastikan ramai Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya akan melanjutkan sidang pada hari ini dengan persetujuan dewan 1 jam untuk hari ini dan juga untuk hari esok dan melainkan Ketua Pembangkang dan juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan waktu atau masa untuk perbahasan untuk

Yang Berhormat sekalian adalah dihadkan kepada 20 minit. Baik, dipersilakan ya. Seri Serdang.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Terima kasih, Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh*, Salam sejahtera dan selamat pagi. Terdahulu saya ingin mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Speaker kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2013 yang baru sahaja dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar semalam. Jika di peringkat Parlimen Malaysia, Pakatan Pembangkang yang diketuai oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor iaitu Ahli Parlimen Permatang Pauh menyifatkan belanjawan negara 2013 adalah belanjawan pilihan raya. Belanjawan Negara 2013 Negeri Selangor yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar iaitu Ahli Dewan Negeri Ijok yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak adalah juga belanjawan pilihan raya kerajaan Pakatan Pembangkang Selangor, belanjawan 2013 tidak banyak terdapat perkara-perkara baru, penuh dengan retorik sambungan penceritaan bajet 2009, 2010, 2011 dan 2012. Penuh dengan janji-janji dan cadangan-cadangan serta unjuran-unjuran yang pernah terbukti gagal dilaksanakan secara berkesan.

Dalam perbahasan bajet 2013 di dewan yang mulia ini, kami Ahli-ahli Dewan Negeri Barisan Nasional akan membuat penilaian secara terperinci bajet 2013 dan pelaksanaan bajet tahun 2009, 2010, 2011 dan 2012. Kami juga akan membangkitkan pelaksanaan manifesto pilihan raya ke-12 Pakatan Pembangkang terutama janji-janji Kerajaan Selangor khususnya Y.A.B. Menteri Besar Selangor sepanjang pemerintahannya selama 4 tahun 7 bulan. Selepas 4 tahun 7 bulan di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan Pembangkang, rakyat Selangor berhak untuk menilai prestasi Kerajaan Selangor yang banyak membuat pelbagai janji semasa pilihan raya umum yang lalu. Diikuti dengan berbagai janji Kerajaan Negeri sepanjang 4 tahun 7 bulan pemerintahannya. Sebenarnya, memanglah mudah hendak buat berbagai-bagai janji tetapi realitinya apabila sudah dapat kuasa dan berhadapan dengan masalah akar umbi dan realiti politik tidak semua idealisme kita dapat dicapai. Di Negeri Selangor, kerajaan Pakatan Pembangkang bertuah kerana mewarisi daripada Barisan Nasional sebuah negeri yang mantap dan stabil, kedudukan sosioekonomi dan politik yang membolehkan kerajaan Pakatan Pembangkang melaksanakan berbagai program ekonomi dan kebajikan. Tetapi apa yang sangat mendukacitakan rakyat Selangor, apa yang kerajaan Barisan Nasional telah bina dan diwariskan untuk Generasi akan datang telah dimusnahkan atas nama dan alasan untuk memaksimumkan keuntungan. Peranan PKNS sebagai peneraju pembangunan sosioekonomi negeri dan agensi pemegang amanah saham bumiputera telah berubah dan dipinggirkan. Begitu juga, peranan Yayasan Selangor sebagai pelopor pembangunan pendidikan anak-anak Melayu terutama dari luar bandar. Walaupun kerajaan Pakatan Pembangkang sentiasa mencari kesalahan kerajaan Barisan Nasional, rakyat Negeri Selangor dapat menilai

sejauh manakah dalam tempoh 4 tahun 7 bulan pemerintahannya Pakatan Rakyat telah dapat memenuhi janji-janji kepada rakyat.

Tuan Speaker, saya sendiri akan menyentuh 3 perkara penting dan yang lainnya akan dibangkitkan oleh rakan-rakan saya. Pertama, ulasan bajet 2013 secara umum. Kedua, pelaksanaan manifesto PRU ke-13 serta bajet 2009, 2010, 2011 dan 2012 sebagai asas penilaian prestasi kerajaan Pakatan Pembangkang Selangor selama 4 tahun 7 bulan diberi mandat memerintah negeri Selangor dengan fokus kepada manifesto PRU ke-12 khusus mengenai pelaksanaan manifesto PRU yang ke-12 dan urus tadbir yang berwibawa. Ketiga, senario politik Selangor dan pemantapan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Y.A.B. Menteri Besar dari Dewan Undang Negeri Ijok. Bajet 2013, semalam Y.A.B. telah membentangkan bajet berimbang, bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor memperuntukkan anggaran hasil negeri sebanyak RM1.63 bilion dan perbelanjaan sebanyak RM1.63 bilion ini bermakna Selangor terus mengamalkan bajet berimbang. Pendekatan bajet berimbang tidaklah perlu di gembur gemburkan sangat. Kerajaan Barisan Nasional dahulu mengamalkan peningkatan yang sama tetapi yang paling penting rakyat hendak tahu ialah semasa bajet berimbang ini dapat dipertahankan dalam tempoh 2013 sama ada persiapan bajet 2013 dibuat dengan teliti dan profesional tanpa memerlukan tambahan peruntukan terlalu besar di masa akan datang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta mencelah sedikit.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya nak tahu berapa bajet Selangor yang dibentangkan semalam yang disebutkan oleh Y.A.B. tadi, saya keliru sedikit nak dengar.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya sebutkan tadi bahawa bajet ini berimbang sejumlah RM1.63 bilion, jelas RM1.63 bilion, jelas ya. Pasang telinga betul-betul. Sama ada pelaksanaan bajet ini dilaksanakan mengikut jadual dan perancangan dan yang penting sama ada bajet ini dilaksanakan dengan telus, cekap dan bertanggungjawab. Pengalaman kita dalam pelaksanaan bajet 2009, 2010, 2011 dan 2012 oleh kerajaan Pakatan Pembangkang semua bajet berimbang yang telah dirancangan tidak dapat bertahan sepenuhnya dan tidak lagi menjadi bajet berimbang. Bajet 2009 memerlukan tambahan RM120 juta, kenaikan 8.6 % daripada RM1.14 bilion kepada RM1.52 bilion dan bajet tahun 2010 tambahan sebanyak RM190 juta, kenaikan 14.9% daripada RM1.3 bilion kepada RM1.494 bilion. Kemudian bajet 2011, 3 kali

tambahan RM199,098,700.2 juta kenaikan sebanyak 13.98% daripada RM1.43 bilion iaitu jumlahnya kepada RM1.629 bilion. Bajet 2012, 2 kali tambahan, berjumlah RM167,124,939.34 iaitu kenaikan sebanyak 10.4% daripada jumlah RM1.6 bilion, bermakna sudah melebihi kepada RM1.76 bilion. Berdasarkan kepada pengalaman kita di masa-masa yang lalu, kita tidak yakin bajet berimbang 2013 dapat dipertahankan, dalam mesyuarat Dewan Negeri ini pun kerajaan memohon untuk lulus tambahan kedua berjumlah RM46,276,813.00 yang menjadikan jumlah peruntukan tambahan bajet 2013 sejumlah RM167,124,939 juta. Walaupun peruntukan tambahan adalah perkara biasa tetapi pada tokoh korporat seperti Y.A.B. Menteri Besar Selangor yang selalu menzahirkan sebagai seorang tokoh korporat yang berwibawa ataupun yang tersohor kerana pernah katanya mengurus sebuah ladang yang lebih besar daripada negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Kg. Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Sila-sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Ketua Pembangkang. Saya ingin bertanya kepada Y.B. Ketua Pembangkang iaitu pemahaman konsep *rolling budget* iaitu apa yang kita bentangkan di sini ataupun kerajaan bentangkan di sini ialah *simple* iaitu kalau kerajaan mempunyai wang yang bertambah, hasil yang bertambah, maka kerajaan membelanjakannya. Tetapi apa yang dituduh oleh Ketua Pembangkang ialah kita menggunakan wang lebih daripada hasil yang kita dapat, jadi perbezaannya ada di situ saya meminta sama ada Y.B. Ketua Pembangkang faham tentang perbezaan ini *rolling budget* kita ada wang kita pakai, kalau wang kita dapat kita pakai tambah secara berlebihan, kalau kita mempunyai wang yang masih tetap, hasil yang masih tetap, tetapi kita belanja lebih daripada yang dijangkakan itu baru masalah Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Tuan Speaker. Sebenarnya, bila mengatakan bajet berimbang sudah tentu sebagai seorang pengurus yang disebutkan tadi mengenai kewibawaan, dia mesti membuat satu perkiraan bahawa ini yang di belanja kalau ini pendapatan mesti ini yang dibelanjakan. Itulah mempunyai yang saya sebutkan satu tadbir urus. Satu tadbir urus yang baik. Memang kalau ada kelebihan nak buat bajet tambahan kenapa tidak ambil dikira, ini yang saya katakan sebut tadbir urus yang baik.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Maksud Y.B. Ketua Pembangkang bahawa kerajaan Barisan Nasional di pusat yang mengadakan bajet defisit selama 16 tahun berturut-turut adalah kerajaan yang teruk kerana mereka membelanjakan apa yang mereka mampu. Betul tak Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Bukan, yang saya nak sebutkan tadi ialah tadbir urus yang baik, bila tadbir urus...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tadbir urus yang tidak baiklah yang itu.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Jadi bila tadbir urus yang baik,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kalau dia belanja lebih daripada kemampuan dia...

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Bila sesuatu perkara yang telah diputus dan diluluskan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok, terima kasih kerana membidas Kerajaan Persekutuan yang apa ni...

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Tidak macam tu yang saya sebutkan ialah kepada Y.A.B. Ijok yang mempunyai tadbir urus yang baik, ke pertanggungjawaban dalam soal yang itu dengan tokoh korporat tersohor, cekap dan profesional....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Maksud Ketua Pembangkang ialah dalam sesebuah kerajaan itu membelanjakan lebih daripada kemampuan dia itu adalah urus tadbir yang tidak baik, betul tak.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jadi soalan saya, saya tanya kerana kerajaan pusat Barisan Nasional pun bersikap sedemikian...

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Sudah Speaker lama sangat tu...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: adakahnya bermaksud Kerajaan Persekutuan juga terlibat dalam masalah yang sama, sebab apa yang kita berlaku di sini ialah kita belanja lebih tapi pada masa yang sama hasil kita juga bertambah...

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Dia lagi mempunyai tadbir urus yang baik kerana dia telah menjangkau bahawa perbelanjaan itu juga akan berlaku...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tapi kalau kita berbelanja lebih daripada kemampuan kita...

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Perbelanjaan akan seperti itu, tetapi yang ini....

TUAN SPEAKER: Tak apalah Yang Berhormat, sila duduk.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Yang disebutkan oleh Y.A.B. semalam....

TUAN SPEAKER: Tak apalah, tak apalah, saya rasa, sila duduk.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Sila Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya cuma nak jelaskan Ketua Pembangkang nak beritahu kononnya kita ada Menteri Besar yang terbaik kata Pakatan Rakyatlah, sebenarnya kalau ini mengurus ini pun tidak terurus dengan baik adakah dia ahli korporat yang terbaik, itu sahaja soalnya. Jangan nak bandingkan dengan orang lain. Diri sendiri yang bercerita tentang soal kompetensi, urus tadbir yang baik tapi bila buat bajet tidak menepati apa yang dijanjikan.

TUAN SPEAKER: Ya, baik, tak apalah. Ya faham tak faham sahaja dia baca.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Sudahlah saya tak bagi laluan duduklah Kg. Tunku. Menteri Besar yang sebutkan tadi ya seolah-olah gagal mengurus bajet dengan cekap, membuat perancangan yang tidak teliti dan kurang profesional. Tuan Speaker, bajet 2013 'Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia', tajuknya memang cukup bagus, tokoh korporat bagus. Sejak dahulu lagi terutama di bawah kepimpinan kerajaan Barisan Nasional Negeri Selangor memang menerajui ekonomi Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah meletakkan asas yang kuat dan suasana pertumbuhan ekonomi yang mantap yang membolehkan pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri berjalan seiring terutama negeri Selangor dengan pertumbuhan pesat ekonomi negara. Negeri Selangor memang mempunyai kedudukan yang istimewa sejak dahulu lagi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain kerana kedudukan yang strategik di Lembah Kelang, pusat pertumbuhan industri, sektor perkhidmatan, pendidikan dan perdagangan. Terletak ibu negara Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Pelabuhan Klang, kemudahan dan prasarana pengangkutan, perbankan dan lain-lain infrastruktur asas dan ekonomi yang moden bertaraf dunia. Kerajaan Pakatan Pembangkang mewarisi kedudukan ekonomi yang mantap dari kerajaan Barisan Nasional. Tanpa asas ekonomi dan pentadbiran yang mantap tidak mampu berkembang seperti sekarang. Kenaikan nilai pelaburan domestik atau DDI dan pelaburan asing FDI di Negeri Selangor adalah usaha bersama kerajaan Persekutuan dan Selangor terutama sumbangan Kerajaan Pusat yang telah menyediakan asas dan pasaran pelaburan yang kukuh untuk Selangor. Selangor tidak boleh mendabik dada bahawa kenaikan FDI dan DDI itu adalah asas kekuatannya sendiri.

Konsep *value for money* (dengan izin). Pada dasarnya konsep baik tetapi pelaksanaan boleh dipertikaikan. Contoh, sewa kedai-kedai dan kompleks perniagaan PKNS ditetapkan mengikut nilai dan sewa pasaran sedangkan peranan PKNS untuk membantu peniaga-peniaga kecil dan usahawan-usahawan baru terutamanya bumiputera yang di peringkat awal tidak mampu membayar sewa yang tinggi seperti yang ditentukan oleh pasaran. Rumah-rumah PKNS dijual terlalu tinggi mengikut harga pasaran kerana hendak memaksimumkan keuntungan di luar kemampuan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Kerana hendak dapat keuntungan besar, pembinaan rumah kos sederhana mampu milik tidak lagi menjadi keutamaan PKNS.

Tuan Speaker,

Bajet 2013 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar adalah retorik daripada manifesto PRU yang ke-12 dan bajet 2009 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar pada 20 Oktober 2008 iaitu bajet pertama kerajaan pakatan pembangkang yang menjadi landasan penting hala tuju pentadbiran kerajaan pakatan pembangkang dan bajet-bajet berikutnya pada 2010, 2011, 2012 dan 2013.

Dalam konteks ini, marilah kita merujuk kepada manifesto PRU yang ke-12 yang bertemakan 'Selangor Bersih, Maju dan Berkeadilan'. Walaupun DAP pernah berkata bahawa mereka tidak bertanggungjawab menyokong manifesto PRU yang ke-12 tetapi kerana telah dibuat oleh PKR dan PAS, maka moral dan prinsip mereka bertanggungjawab bersama apabila bersatu membentuk kerajaan pakatan pembangkang di Selangor. Yang anehnya Y.A.B. Menteri Besar sendiri menafikan bahawa manifesto PRU yang ke-12 bukanlah satu perjanjian dengan rakyat. Bukanlah PRU yang ke-12 adalah satu kontrak sosial.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Seri Muda bangun.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Silalah. Apa punya soalan?

TUAN SPEAKER: Sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Seri Serdang. Dari awal perbahasan yang dikemukakan oleh Seri Serdang tadi, saya dengar banyak kali Seri Serdang sebut 'Kerajaan Pakatan Pembangkang Selangor'. Saya keliru. Yang membangkang ni Barisan Nasional. Ini ialah 'Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor'. Sila betulkan fakta itu supaya UMNO ni jangan jadi kelirukan sangat sampai ahli-ahli dewan dia sendiri pun keliru sebut 'Kerajaan Pakatan Pembangkang'. Mana ada. Pakatan pembangkang sebelah sana, sini 'Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor'.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya pula (istilah saya) Y.B. Sri Muda 'Pakatan Pembangkang' kepada Kerajaan Persekutuan. Itu istilah saya.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Ini bajet Negeri Selangor. Ini bukan cerita soal kerajaan persekutuan.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Faham. Itu sebabnya saya mengatakan

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tapi dalam dewan ini kita kena sebut kerajaan sebelah sini, pakatan pembangkang sebelah sana.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Betul. Yang saya sebutkan ialah kerajaan pakatan pembangkang kepada kerajaan persekutuan. Ok Tuan Speaker, saya teruskan ucapan saya. Bukankah melalui manifesto PRU yang ke-12 Pakatan Rakyat telah menabur pelbagai janji? Ini saya sebut Pakatan Rakyat, Y.B. Sri Muda. Dengar ke tak dengar tu? Wah, macam buat tak tahu saja?

TUAN SPEAKER: Jangan ungkit, jangan ungkit.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Pakatan Rakyat telah menabur pelbagai janji sehinggalah rakyat Selangor terpengaruh untuk mengundi Pakatan Rakyat. Bila kerajaan Pakatan Rakyat gagal menunaikan manifesto PRU, Y.A.B. Menteri Besar berkata manifesto PRU bukan satu janji kepada rakyat. Mana boleh. Kalau manifesto PRU bukan satu janji kepada rakyat, dalam PRU ke-13 nanti persetankan dan tolak manifesto Pakatan Rakyat ataupun pakatan pembangkang ini. Rakyat jangan tertipu buat kali kedua. Dalam mana-mana pilihan raya negara di seluruh dunia termasuk baru-baru ini di Amerika Syarikat, janji-janji dalam manifesto pilihan raya sesebuah parti dan calon itulah yang menjadi asas kepada sokongan rakyat, kepada parti-parti yang bertanding. Kalau mereka ingkar dan gagal memenuhi janji-janji tersebut itu bermakna mereka tidak punya maruah dan integriti membohongi dan mengkhianati amanah rakyat.

Tuan Speaker,

Manifesto PRU yang ke-12 Pakatan Rakyat memfokuskan kepada lima bidang iaitu urus tadbir berwibawa, sosial dan kebajikan rakyat, kesihatan rakyat, ekonomi rakyat dan keselamatan rakyat dengan 31 janji-janji program teras yang begitu menarik. Daripada 31 janji tersebut, terdapat 8 program yang melibatkan bantuan kewangan untuk setiap kumpulan sasaran. Selepas mengambil kira perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri, kajian kami mendapati masih terdapat sebanyak lebih kurang RM2.4billion belum lagi ditunaikan iaitu seperti butir-butir berikut :

- i. RM100 bagi setiap anak kelahiran Selangor berjumlah RM39,795,700.00;
- ii. Bantuan RM75 sebulan setiap anak dihantar ke nurseri berjumlah RM122,220,000.00;

- iii. Bantuan RM50 sebulan bagi setiap pendidikan prasekolah berjumlah RM22,605,250.00;
- iv. Hadiah RM1,000.00 setiap anak Selangor ke universiti berjumlah RM133,425,000.00;
- v. Takaful RM2,500 warga emas, kurang upaya dan anak yatim berjumlah RM407,205,000.00;
- vi. Perubatan percuma warga 65 tahun ke atas berjumlah RM289,921,500.00;
- vii. Air percuma bagi meter padu setiap bulan berjumlah RM392,730,000.00;
- viii. Rebat cukai pintu PBT berjumlah besar lebih kurang RM2,407,902,450.00 (lebih kurang RM2.4billion).

Walaupun Y.A.B. Menteri Besar kata manifesto PRU bukan janji, tapi rakyat tak dapat terima. Mereka menuntut janji-janji PRU yang ke-12 yang telah mendorong mereka memilih Pakatan Rakyat ini atau pakatan pembangkang. Berdasarkan kepada bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar memang tidak diperuntukkan jumlah hutang tersebut. Kami pun sedar bahawa kewangan Kerajaan Negeri tidak mampu untuk memenuhi janji-janji tersebut (masa buat janji tapi tak buat kira-kira dahulu). Bagi rakyat itu masalah kerajaan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Lain kali.

TUAN SPEAKER: Sri Muda bangun.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Silakan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Seri Serdang. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Seri Serdang tadi tentang janji-janji. Disebutkan dalam jawapan oleh Dato' Menteri Besar, ada janji Barisan Nasional dari Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah jambatan di Klang. Tapi janji itu dah empat tahun lebih (4 tahun 7 bulan), sampai hari ini pun tak buat. Yang membuat janji itu ialah Kementerian Kerja Raya di bawah kerajaan persekutuan yang turut dihadiri waktu itu ialah mantan Menteri Besar Selangor. Jadi, soalan saya. Bila nak tunaikan janji itu Seri Serdang?

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya pun kadang-kadang nak jawab susah juga. Fasal apa, kalau seluruh rakyat Selangor ini memilih Barisan Nasional dah lama terlaksana tu. Tapi fasal tak dipilih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Satu, saya nak menyanggah sedikit kerana yang janji itu kerajaan persekutuan. Kerajaan persekutuan masih dipilih oleh rakyat. Kenapa tak buat?

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ketika itu yang memerintah kerajaan Barisan Nasional di Negeri Selangor dan dia janji sebelum pilihan raya (kalau menang) dia akan buat, tapi kalah. Itu yang katakan kalau hari itu dipilih, satu janji akan ditepati. Jadi mudah dia punya jawapannya.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Seri Serdang.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Pulangkan sekarang ini. Kita cabar pula. Bagi balik kepada kerajaan Barisan Nasional yang 700 tu tak payah buat, kita janji kita buat.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Seri Serdang. Ya. Saya ingin bertanya kepada Seri Serdang, kita ada banyak Ahli Parlimen dalam Kerajaan Selangor ni (Menteri Besar, Teresa, Azmin Ali).

TUAN SPEAKER: Jangan sebut nama.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Oh minta maaf. Ijok, Kinrara dan Bukit Antarabangsa. Kenapa perkara sebegini remeh tak boleh diselesaikan di peringkat parlimen? Dan kita tidak pula menulis manifesto berkaitan dengan jambatan ini. Tetapi yang nyata dan jelas kerajaan negeri Pakatan Rakyat ini menulis secara *detail* dan dari segi orang Islam (pemimpinnya orang Islam), EXCO Agama pula tu. Orang Islam yang mungkir janji hukumnya adalah munafik. Apa pandangan Seri Serdang?

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Itu tak apalah. Kalau boleh kita senarai ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen itu sebutlah di sana. Itu hal Kerajaan Persekutuan. Tetapi yang disebutkan tadi ialah janji. Kalau kita menang, kita laksanakanlah itu. Dah kita kalah. Oleh itu, Yang Amat Berhormat jangan pandai-pandai buat janji yang mungkin sulit untuk ditepati. Walau apa pun alasan kerajaan, rakyat tetap menuntut. PRU yang ke-13 tidak lama lagi. Katakan PRU ke-13 habis tempoh bulan Mac 2013 (habis tempoh), kita ada lebih kurang 5 bulan lagi. Mustahil Kerajaan Negeri boleh laksanakan. Tidak ada peruntukan disediakan dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Kita nak dengar apa alasan Y.A.B.. Menteri Besar.

Di samping janji-janji di atas, banyak lagi janji-janji PRU yang ke-12 yang belum ditunaikan atau jika ada tidak sepenuhnya. Hanya melepaskan batuk di tangga saja. Janji mewujudkan urus tadbir baik dan berwibawa, telus, amanah dan bertanggungjawab merupakan omong-omong kosong sahaja. Laporan Jabatan Audit Dalam, Setiausaha Kerajaan Selangor dan pendengaran SELCAT mengenai pengurusan industri pasir melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., pengurusan kewangan Yayasan Selangor, pendidikan industri YS Sdn. Bhd., pengurus UNISEL, PKPS Agro Industries Sdn. Bhd., Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. dan KDEB jelas membuktikan dakwaan di atas yang tidak boleh disangkal oleh Y.A.B. Menteri Besar dengan apa alasan sekalipun. Janji membantu setiap rakyat Selangor untuk mendapatkan kediaman sendiri adalah satu pembohongan besar. Dalam tempoh 4 tahun 7 bulan pemerintahan Pakatan Rakyat, berapa banyak kah rumah mampu milik atau rumah kos rendah, sederhana rendah, sederhana bernilai antara RM50,000.00 hingga RM250,000.00 telah dibina di Selangor terutama oleh PKNS yang dahulu mempelopori pembinaan rumah-rumah mampu milik di Selangor dan Malaysia. Apa yang berlaku, rumah-rumah PKNS terlalu mahal di luar kemampuan ramai pembeli. Rumah yang paling murah di Projek Datum Jelatek Ampang Hulu Kelang iaitu projek pembangunan semula kawasan rumah pangsa kos rendah di Jalan Jelatek Ampang Hulu Kelang yang berharga RM600,000.00 seunit. Sebelum itu, kerajaan Barisan Nasional akan membina rumah bernilai RM100,000.00 seunit untuk pemilik-pemilik rumah asal tetapi dibatalkan apabila Pakatan Rakyat mengambil alih.

Pemerintahan kerajaan Selangor, yang penting bagi pengurusan PKNS sekarang ialah memaksimumkan keuntungan untuk mendapatkan bonus tinggi. Tak hairan mengapa bonus kakitangan PKNS sebanyak 7 hingga 10 bulan dan Pengurus Besar mendapat gaji dan bonus sebanyak RM1.4 juta dalam tempoh 23 bulan berkhidmat dengan PKNS.

Begitu juga janji memberi galakan belia dan wanita muda berniaga dengan sewa minimum atau hanya perlu bayar air dan elektrik untuk dua tahun pertama. Mana ada satu skim khusus untuk janji tersebut.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Yang ada.

TUAN SPEAKER: Y.B. Sekinchan, bangun.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ya, silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Ha? Ok, ada penghabisan tu. Terima kasih Y.B. Ketua Pembangkang. Saya dengar tadi berkenaan dengan PKNS, rumah mampu milik, katanya PKNS didakwa menjual rumah paling murah pun

RM600,000.00 lebih di Hulu Kelang dan sebagainya. Saya nak tanya, apakah betul rumah yang PKNS jual tu (paling murah tu RM600,000.00 lebih?) tak ada yang lebih murah daripada itu? Apakah ini fakta betul? Cuba Y.B. Ketua Pembangkang jangan cuba nak kelirukan ahli-ahli dewan ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya tadi tunjukkan yang RM600,000.00 adalah di atas projek Datum Jelatek. Itu saja yang saya sebutkan. PKNS.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat, saya dengar rumah PKNS yang paling murah dibina RM600,000.00 lebih. Maknanya yang situlah RM600,000.00 silingnya. Yang lain? Kalau ada projek yang lain yang lebih murah nanti saya akan tunjukkan (kalau Yang Berhormat tak boleh nak jawab ni).

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya dah sebutkan Projek Datum Jelatek Jalan Ampang yang dulu dalam kerajaan Barisan Nasional nak membina lebih kurang RM100.00 tetapi dibatalkan, sekarang dijual dengan RM600,000.00. Itu yang saya sebutkan Datum Jelatek Jalan Ampang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tapi dalam perbahasan Yang Berhormat tadi mengatakan PKNS menjual rumah paling murah RM600,000.00 lebih. Tidak, ini hanya satu projek. Kalau projek lain bagaimana?

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya kata di Jalan Jelatek Ampang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jangan cuba nak pesongkan fakta di dalam dewan ini.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Telah saya sebut di Jalan Jelatek Ampang Hulu Kelang yang berharga RM600,000.00 seunit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Di dalam ucapan tu betul, tetapi sebelum ucapan itu Yang Berhormat mengatakan bahawa PKNS membina rumah paling murah pun RM600,000.00 lebih. Ini contoh yang dia angkat. Maknanya kalau ada yang lebih murah daripada itu tak betul.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Tak ada. Saya sebutkan RM600,000.00.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nyatakan di sini. Itu yang kita dengar di sini.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Itu Yang Berhormat yang dengar. Orang lain dengar lain. Masalah pendengaran Yang Berhormat ni.

TUAN SPEAKER: Haaa....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Maknanya Ketua Pembangkang cuba nak memutarakan fakta di dalam dewan ini.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Tuan Speaker, saya dah.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, kalau dia dah jelaskan, terimalah.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Terima kasih Tuan Speaker tolong saya.

TUAN SPEAKER: Saya tak tolong. Saya nyatakan fakta saja. Saya tak tolong siapa-siapa pun.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Yang ada, kompleks PKNS dinaikkan sewa antara 20 hingga 120 peratus. Terakhir 5 buah kompleks dan pejabat PKNS akan dijual dan pengurusan baru akan menaikkan sewa bulanan. Kompleks perniagaan Yayasan Selangor di Bukit Bintang Kuala Lumpur di naik taraf semula dan kemudian sewa bulanan dinaikkan di luar kemampuan peniaga-peniaga asal. Apa yang berlaku sebenarnya bukan hendak galakkan peniaga-peniaga menambahkan pendapatan, tapi mengusir mereka keluar dari kompleks-kompleks tersebut dengan alasan harga sewa mengikut pasaran semasa.

Janji membantu anak-anak muda mendirikan rumah tangga. Sangat mengecewakan anak-anak muda yang terlibat. Berapa ramai telah dibantu dan jumlah kewangan yang terlibat? Yang sangat memeranjatkan kita PKNS menaja jamuan makan malam Angkasawan Negara sebanyak RM520,000.00 pada 8 Oktober 2010 di SACC Mall, Shah Alam. Kalau wang tersebut diberikan sebanyak RM1,000.00 kepada setiap pasangan anak-anak muda yang berkahwin, terdapat 520 pasangan pengantin menikmati bantuan tersebut.

Janji untuk menggantikan rukun tetangga dengan sistem baru yang lebih berkesan. Sehingga hari ini tidak ada apa-apa program pun. Nampaknya memang tidak ada langsung serius tentang perkara ini.

Tuan Speaker,

Urus tadbir baik dan berwibawa. Di Dewan Rakyat Malaysia, pakatan pembangkang yang diketuai oleh Penasihat Ekonomi Selangor (Ahli Parlimen Permatang Pauh) sentiasa mempersoalkan integriti dan ketelusan Kerajaan Persekutuan dan kepimpinan Barisan Nasional. Persoalannya sekarang, apakah kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor di bawah kepimpinan Parti Keadilan Rakyat terlepas dan bebas dari isu-isu integriti dan ketelusan.

Pertama, kedudukan dan peranan Penasihat Ekonomi Selangor. Mengapa tidak bertindak tegas terhadap banyak penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di PKNS, Yayasan Selangor, UNISEL serta lain agensi-agensi Kerajaan Negeri? Walaupun gaji Penasihat Ekonomi Selangor hanya nominal sebanyak RM1.00, berapa jumlah sebenar perbelanjaan Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor? Mengapa terdapat banyak kroni di kalangan ketua-ketua eksekutif dan pegawai-pegawai kanan agensi-agensi kerajaan negeri seperti di UNISEL, PKNS, Yayasan Selangor, KDEB, PKPS? Sama ada kroni Penasihat Ekonomi atau Y.A.B. Menteri Besar Selangor atau kroni Ketua Eksekutif agensi-agensi tersebut.

Sebagai contoh, Pengurus Besar Yayasan Selangor berasal dari sekolah yang sama dengan Penasihat Ekonomi. Walaupun didapati menyalahgunakan kuasa oleh Ketua Audit Negeri dan mengakui kelemahannya sendiri, beliau terus dikekalkan dan tiada sebarang tindakan disiplin diambil. Pengarah Strategik Parti Keadilan Rakyat bertugas di Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor dengan gaji yang besar, apa sumbangan kepada Negeri Selangor? Penasihat Ekonomi Selangor menuntut PTPTN dimansuhkan dan diberi pendidikan percuma. Bukankah PTPTN yang ditubuhkan pada 1 Julai 1997 semasa Penasihat Ekonomi Selangor ini menjadi pemangku Perdana Menteri Malaysia iaitu di antara 9 Mac 1997 hingga 26 Julai 1997. Mansuhkan dahulu PTPTN di UNISEL dan KUIS atau Kolej Universiti Islam Selangor. Dia ada kuasa di Negeri Selangor ini.

Hakikatnya dari tahun 2000 hingga 31 Mac 2012, seramai 39,412 siswazah UNISEL dan KUIS telah mendapat bantuan PTPTN berjumlah RM1.2 bilion daripada dana PTPTN. Inilah UNISEL dan KUIS mampu bertahan. Sebagai seorang yang terkenal dengan usul-usul membanteras kegiatan-kegiatan tidak bermoral semasa di dalam kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin masyarakat dan belia Islam di masa yang lalu, mengapa gejala-gejala sosial berleluasa di Selangor dengan wujudnya beratus-ratus pusat hiburan, hotel-hotel bajet yang dihalalkan oleh Kerajaan Selangor?

Yang kedua, Y.A.B. Menteri Besar yang terkenal sebagai seorang ahli korporat tersohor negara, terdapat banyak kes-kes dan keputusan-keputusan yang Menteri Besar sendiri yang boleh dipersoalkan tahap integriti dan kewibawaannya. Saya telah bangkitkan perkara-perkara ini tetapi masih banyak yang minta penjelasan. Di antaranya seperti berikut :

- i. Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di PKNS dan Yayasan Selangor;
- ii. Penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan ketidakcekapan dalam pengurusan industri pasir oleh syarikat kerajaan negeri (Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.);

- iii. Prestasi dan masalah pengurusan Universiti Industri Selangor atau UNISEL;
- iv. Penyelesaian pinjaman Talam Corporation sebanyak RM391 million (Alhamdulillah nak di bawa Kertas Putih);
- v. Is tanah Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor (Alhamdulillah mahkamah telah putus);
- vi. Penyelesaian isu air percuma dan Persekutuan Industri Air Selangor (Alhamdulillah nak di bawa Kertas Putih);
- vii. Pengurusan pungutan sampah di kawasan-kawasan PBT;
- viii. Penjualan aset-aset PKNS;
- ix. Pengisytiharan umum aset-aset ahli-ahli EXCO;
- x. Laporan isu rakaman video di Pejabat Menteri Besar yang telah luput tempoh dan sehingga sekarang tidak ada sebarang berita;
- xi. Pelaksanaan Projek Rangsangan Ekonomi Selangor berjumlah RM50 bilion terutama Projek Sungai Klang (apa sudah jadi?).

Saya ingin menyentuh dua kes yang membuktikan kegagalan Y.A.B. Menteri Besar mengawal dan mengurus peruntukan yang telus, berintegriti dan bertanggungjawab.

Pertama, isu pembangunan tanah padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2). Y.A.B. Menteri Besar adalah Pengerusi PKNS dan Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau MMKN iaitu Pihak Berkanun Kerajaan Negeri (PBN) dan Pengerusi Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Pihak SELCAT (Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan) yang telah mengadakan pendengaran awam pada 27, 28 Jun dan 5 Julai 2012 bagi menyiasat permohonan pembangunan tanah PKNS di Seksyen 7, Kelana Jaya yang berhubung kait dengan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 atau RTPJ 2 telah membuat penemuan dan rumusan-rumusan seperti berikut :

- i. Isu RTPJ 2 dan penyiaran persetujuan Pihak Berkuasa Negeri dalam Warta Negeri;
- ii. Draf RTPJ 2 yang sah adalah versi pertama yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancang Negeri pada 30.04.2010 dan yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (Y.A.B. Menteri Besar) pada 11.08.2010;

- iii. Pihak JPBD atau MBPJ telah gagal memenuhi tatacara yang diperuntukkan dari Seksyen 15(1) hingga 15(1C) Akta PBD di mana pindaan telah dibuat kepada Draf RTPJ 2 yang telah diluluskan oleh JPN pada 30.04.2010;
- iv. Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ melakukan kesilapan yang amat serius apabila pegawai-pegawainya atas inisiatifnya sendiri meneruskan pindaan zon kepada 59 lot tanah selepas penyiaran persetujuan PBN kepada Draf RTPJ 2 pada 13.01.2011 tanpa merujuk kepada Akta PBD malah langsung tidak merujuk kepada JPBD yang telah mengetuai penyediaan Draf RTPJ 2 sejak dari permulaan.

Walaupun tiada bukti yang kukuh yang melampaui keraguan yang munasabah, menunjukkan terdapat unsur penipuan dalam pindaan kepada Draf RTPJ 2 selepas penyiarannya di Warta Negeri. Mereka amat cuai, kurang upaya dan tidak profesional dalam penyediaan Draf RTPJ 2 khususnya dalam peringkat pindaan zon selepas penyiaran warta Draf RTPJ 2 ini. Yang menarik kita ialah pengakuan saksi dari JPBD dan MBPJ bahawa pindaan dibuat ke atas Draf RTPJ 2 adalah dilakukan berdasarkan kepada amalan dan tidak mengikut peruntukan dalam Akta PBD seolah-olah ada tekanan atau arahan dari 'tangan ghaib' yang telah berkuasa. Siapa 'tangan ghaib' tersebut? Yang jadi mangsa adalah pegawai-pegawai.

Isu tanah PKNS. Zon tanah PKNS yang sah adalah zon rekreasi dan tanah lapang. Penukaran zon daripada rekreasi dan tanah lapang kepada perniagaan adalah tidak sah. Warta Negeri dan kedudukan RTPJ 2. Warta nombor 139 adalah tidak sah untuk memenuhi peruntukan Seksyen 15(U) Akta Perancang Bandar dan Desa. Warta ini sepatutnya disiarkan oleh MBPJ sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan tetapi sebaliknya disiarkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri selepas ditandatangani oleh Pengerusi JPN iaitu Y.A.B. Menteri Besar sendiri.

Kekeliruan dan kecelaruan isu ini berlaku kerana Y.A.B. Menteri Besar selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancang Negeri gagal memantau isu ini dan kurang arif mengenai prosedur perancangan dan tempatan. Nasib baik pemilik-pemilik tanah atau rumah berhampiran begitu prihatin dan lebih arif daripada Y.A.B. Menteri Besar dan membuat bantahan dan demonstrasi. Masa terbuang, rakyat marah dan isu ini sepatutnya tidak timbul kalau Y.A.B. Menteri Besar arif dan bijak bukan bodoh sombong. Dengan keputusan SELCAT, Y.A.B. Menteri Besar selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancang Negeri janganlah berdolak-dalik.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Puan Pengerusi.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Batalkan dan tolak dengan segera permohonan PKNS.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta mencelah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang, ada perkara berkaitan dengan Peraturan Tetap. Silakan Meru.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Peraturan Tetap 36(4) seorang ahli tidak boleh menggunakan bahasa biadab. Diharap tarik balik.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Yang mana satu? Berkenaan yang mana satu? Saya nak tanya yang mana satu?

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Yang sebut 'bodoh sombong' tu.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: 'Bodoh sombong'?

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Ha.. tarik balik la. Sebab dia...

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Keterlaluan?

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Ha.. Dengan Peraturan Tetap 36(4)

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Itu pendapat siapa? Pendapat Meru? Pendapat Meru keterlaluan?

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Dilarang menggunakan bahasa biadab.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: lalah pendapat Meru ya?

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Harap tarik balik.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Pendapat Meru keterlaluan. Tak apa, saya tarik.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang tarik balik?

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Dah. Saya dah sebut.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Dengan ketelusan SELCAT yang Y.A.B. Menteri Besar selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancang Negeri janganlah berdolak dalik, batalkan dan tolak dengan segera permohonan PKNS untuk membangunkan tanah rekreasi dan rancangan-rancangan tersebut sebagai projek bersepadu perniagaan dan kediaman.

Kedua pengurusan kewangan Yayasan Selangor. Laporan Audit Dalam 2010. Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor dan Mesyuarat SELCAT pada 16hb. Februari 2011 telah mendapati bahawa terdapat kesilapan dan pelanggaran tatacara kewangan kerana kecuai dan kelemahan pihak pentadbiran yayasan, yang diketuai oleh Pengurus Besar Yayasan yang telah diakui sendiri oleh beliau. Malahan laporan audit dalam mencadangkan tindakan tegas diambil ke atas Pengurus Besar Yayasan tetapi Y.A.B. Menteri Besar mempertahankan dan memaafkan kerana Pengurus Besar Yayasan Selangor adalah kroni Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Takut kepada bossnya agaknya. Terbukti juga bukan Pengurus Besar sahaja yang cuai dan terlepas pandang, tetapi Y.A.B. Menteri Besar selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah dari seorang tokoh korporat tersohor negara juga dianggap cuai apabila menandatangani *circular resolution* No. AD9/200 yang memberi kuasa untuk membayar bonus Tahun 2010 kepada Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor termasuk dirinya sendiri. Dan sebenarnya bertentangan dengan *Memorandum Of Association* dan Tataurus Yayasan Selangor. Bila rakyat bangkitkan isu ini, Y.A.B. Menteri Besar mengakui kesilapan ini dan memulangkan bonus tersebut. Banyak kali buat kesilapan. Sebab itu anak buah pun ikut sama.

Tuan Speaker, senario politik semasa, di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat ini, senario politik Selangor sentiasa bergolak. Ini telah dijangka antara PAS, PKR dan DAP mempunyai ideologi politik yang berbeza, yang sama hanya hendak berkuasa di Putrajaya. PAS bercelaru dengan dasar Negara Islam, dan hudud lantas beralih kepada negara berkebajikan. DAP, dengan konsep 'Malaysian Malaysia' dan lantang menentang Negara Islam dan Hudud sementara PKR taksu untuk ke Putrajaya meletakkan Penasihat Ekonomi Selangor sebagai Perdana Menteri. Kecelaruan dan ketidaksepaduan inilah menyebabkan banyak dasar dan program-program Kerajaan Negeri tidak dihayati dan didukung sepenuhnya oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini. Tidak ada *strong central command* dengan izin Y.A.B. Menteri Besar dalam banyak perkara tersepit dengan berbagai tekanan daripada sekutu-sekutu yang mempunyai kelainan kepentingan dan agenda politik yang menjadi mangsa rakyat Negeri Selangor. Berdasarkan kepada senario politik di atas, terdapat banyak program dan tindakan-tindakan agensi Kerajaan Negeri tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada kepimpinan kerajaan sendiri. Di antara isu-isu yang pernah berlaku, adalah seperti berikut:

- a) Isu penjualan arak;
- b) Isu Kalimah Allah;
- c) Pemeriksaan Masjid dan Surau sebagai medan penggunaan masjid dan surau sebagai medan politik dan banyak lagi isu yang melibatkan Jabatan Agama Islam Selangor tidak mendapat dukungan sepenuhnya daripada kepimpinan

Kerajaan Negeri. Kawalan dan pemantauan aktiviti Hotel Bajet dan pusat-pusat hiburan yang tumbuh seperti cendawan setengahnya tanpa lesen dan kebenaran tidak berkesan kerana terdapat perbezaan pendapat. Keutamaan dan pendekatan dan kepentingan yang berbeza di antara parti-parti di dalamnya Pakatan Rakyat ini. Pelaksanaan dasar-dasar serta program-program untuk bumiputera yang tidak lagi menjadi keutamaan kerajaan sekarang. Rakyat menjadi keliru dan banyak janji-janji kerajaan tidak dapat dilaksanakan dan telah menimbulkan keresahan dan tentangan rakyat. Tidaklah terperanjat akhir-akhir ini terdapat banyak bantahan dan demonstrasi oleh berbagai kumpulan rakyat akar umbi terhadap tindakan-tindakan kerajaan.

Tuan Speaker, sebagai penutupnya

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang,

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Puan Timbalan Speaker, tak nampak. Ketawa...Sekali lagi Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Teruskan...Saya tak bagi masa yang lebih. Teruskan perbahasan.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Tak bagi masa yang lebih. Wah.. kata Ketua Pembangkang, sampai besok pun boleh..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kalau ada hujah takpelah....

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Dah penutup, jangan risau. Dalam tempoh tahun empat tahun tujuh bulan diberi mandat oleh rakyat sudahlah terbukti bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mampu memberikan perkhidmatan cemerlang seperti yang dijanjikan dalam manifesto PRU yang ke 12 atau janji-janji baru dalam tempoh pentadbiran mereka. Semuanya banyak berfokus kepada isu kredibiliti kerajaan, ketulusan, kebertanggungjawaban, kecekapan, berwibawa selaras dengan prinsip-prinsip urus tadbir baik seperti yang telah menjadi fokus manifesto PRU yang ke 12 Pakatan Rakyat. Terutama yang melibatkan tubuh badan Y.A.B. Menteri Besar dari Ijok sendiri yang sentiasa digembar gemburkan sebagai tokoh korporat yang berwibawa, indah khabar dari rupa, harapkan pagar, pagar makan padi. Akhirnya saya ingin mengulangi kenyataan saya semasa membahaskan Titah Ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ke -12 pada bulan Mac yang lalu.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SAHAFIE: Mencilah Seri Serdang

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Muda silakan.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SAHAFIE: Terima kasih kepada Seri Serdang. Dari mula sampai akhir, ucapan perbahasan oleh pembangkang ini, sila lihat apa yang ada hanyalah sebagai satu cerita kitar semula. Semua isu yang dibangkitkan yang disebutkan daripada mula sampai dah penghujung ini cerita soal yang sama yang diulang, diulang-ulang semata-mata untuk mencari kesilapan kecil walaupun ada. Jadi saya nak tanya kepada Ketua pembangkang, walaupun teks itu disediakan oleh penulis-penulis ucapan, semaklah dulu... kerana apa yang disebutkan itu telah banyak kali dijawab, tak ada benda baru ke yang nak dibangkitkan dalam sidang kali ini?.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Teks ucapan ini nasihat saya sebab itu saya baca.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Serdang minta laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Templer ingin minta laluan. Sila..

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya nak minta pandangan Yang Berhormat Ketua pembangkang, bukankah pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini pun sama juga kitar semula, balik-balik cerita perkara yang sama yang tak ada pembaharuan sejak lima tahun mentadbir tetapi tak ke mana ke situ juga. Jadi bukankah sama apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ini adalah pandangan daripada rakyat, yang minta supaya suarakan. Jadi oleh kerana benda tak terlaksana maka disuarakan sampai dapat. (Tepok) ... itu sebab diulang-ulang saban kali diulang-ulang. Jadi minta, minta, minta tak dapat, ini janji, janji PRU, jalur..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SAHAFIE: Janji dan manifesto tu beza Yang Barisan Nasional dan juga Kementerian Kerja Raya waktu itu bina jambatan di Klang untuk tempoh akan siap dalam tempoh dua tahun setengah. Tapi sampai hari ini dah empat tahun tujuh bulan, jambatan tak ada. Itu janji, itu janji, kalau kita tengok balik yang hadir waktu itu termasuklah juga bekas Menteri Besar dari pada Sungai Panjang. Yang mengumumkan projek itu adalah seorang Menteri daripada Sungai Siput waktu itu. Dia tak sebut itu, menang pilihan raya buat ke tak buat, tak dia tak sebut yang disebut ialah jambatan ketiga bahkan bukan setakat jambatan ketiga, jambatan keempat pun dalam kajian nak dibuat menghubungkan Klang. Tapi sampai hari ini, usahkan yang keempat, ketiga pun tak wujud. Itu janji, bukan manifesto. Ada beza antara manifesto dan juga janji. Saya fikir Seri Serdang ini keliru antara janji dan juga manifesto.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Nanti saya jawab, serupa juga dengan teks yang saya bacakan ini adalah janji walaupun manifesto merupakan satu janji yang saya sebutkan tadi dalam mana-mana pilihan raya manifesto itu merupakan janji.

Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO: Saya tanya Tuan Speaker, kalau perbezaan manifesto kalau bukan perjanjian, saya mintalah definisi manifesto tersebut supaya yang akan datang kita tak payah manifestolah.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Sekarang ini itu sebab kita sebut berulang-ulang kerana janji itu belum lagi ditepati. Serupa juga macam kata buat jambatan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SAHAFIE: Seri Serdang, saya nak minta pandangan Yang Berhormat Ketua Menteri.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu-satu. Duduk dulu...

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Depan Tuanku, dia nak kutip pasir RM105 juta itu janji, ada tunai tak.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang beri laluan.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Nanti saya habiskan.

Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Saya nak minta pandangan Ketua Pembangkang kerana pandangan Yang Berhormat Sri Muda, manifesto dan janji itu berbeza jadi adakah yang Berhormat Ketua Pembangkang merasakan Sri Muda ini mencadangkan pilihan raya akan datang, bila keluarnya manifesto Pakatan Rakyat, rakyat jangan percaya kerana itu bukan janji.

Y.B. DATO' MUHAMAD SATIM BIN DIMAN: Memang sangat setuju. Fasal manifesto itu bukan janji. Jadi jangan buat manifesto. Bahawa berdasarkan kepada bukti beberapa pendedahan tersebut, di atas rakyat Selangor boleh menilai prestasi Kerajaan Pakatan Rakyat. Selangor, selama empat tahun tujuh bulan tempoh pemerintahannya bukan sahaja gagal menunaikan semua janji-janji PRU yang ke 12 tetapi tidak mampu menjamin keselamatan, kesejahteraan dan kestabilan politik Selangor yang sentiasa bergelora sepanjang pemerintahannya. Jika Kerajaan ini terus diberi mandat, diberi mandat baru akan kucar kacirilah pentadbiran negeri. Rakyat berpuak-puak kemungkinan berleluasa maksiat di sana sini. Matlamat Selangor Negeri Maju tidak tercapai malahan Selangor menoleh ke belakang. Marilah kita berpegang teguh kepada Sabda Nabi S.A.W seperti yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari "*apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya*". Kali ini dalam PRU ke tiga belas, rakyat janganlah lagi tertipu buat kali kedua dengan janji-janji palsu, ingat jangan lagi serahkan kuasa kepada yang

bukan ahlinya tunggulah saat kehancurannya pada masa itu nasi sudah menjadi bubur, penyesalan tidak berguna. Sekian. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Serdang, mencelah. Ya seterusnya Sekinchan. 20 minit sahaja dibenarkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Untuk pihak BBC, Y.B. Puan Timbalan Speaker, Ketua Pembangkang dengan BBC yang pertama tidak dihadkan masa sebentar tadi disebutkan oleh Y.B. Tuan Speaker. Ketua BBC merangkap di sini tidak disekat ya. Y.B. Puan Timbalan Speaker,

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bila Tuan Speaker beritahu?.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tadi. Y.B. Puan Timbalan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan, salam sejahtera dan salam Pakatan untuk semua. Dalam Dewan yang Mulia ini Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2013 pada Persidangan Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor yang kedua belas ini. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya untuk Belanjawan 2013 ini, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang Seri Serdang tadi, Y.B. Puan Timbalan Speaker, saya cukup kesal dan kecewa walau pun sudah hampir 4 tahun, ha.. 5 tahun pihak pembangkang tetap dengan nada dengan aluan yang sama dengan acuan yang sama membangkitkan isu yang lebih kurang 2 x 5, 5 x 2 iaitu berkaitan dengan manifesto yang dikatakan dijanjikan oleh Pakatan Rakyat. Sudah berapa kali saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini di mana pada pilihan raya 2008, yang kedua belas itu pada ketika itu belum wujud lagi ya dalam rekod mana pun belum wujud lagi Pakatan Rakyat ketika itu, tetapi perkara ini terus diwar-warkan oleh Ketua Pembangkang sampai sekarang dia tak faham apa itu Pakatan Rakyat yang ada, kerajaan yang ada hari ini dengan ketika kempen pilihan raya mereka tak faham.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan beri laluan ke tidak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini masa untuk saya minta izin dulu, saya ok ke belum. Ok

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan beri laluan. Silakan Seri Serdang.

Y.B. DATO' MOHD DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Yang Berhormat Sekinchan ini nampak tak manifesto itu? Berapa kali? Gambar dalam manifesto itu gambar siapa? Yang lagi seorang, yang lagi seorang, ya yang lagi seorang, yang lagi seorang ini sedang menjadi Menteri Besar Yang Amat Berhormat Ijok. Gambar dia malangnya seorang apa nak buat. Itu bukan kerja kita itu kerja puak mempertahankan agak benda yang betul semua tak nak betul yang habis gambar-gambar Yang Amat

Berhormat Ijok dan tidak boleh dinafikan lagi kalau itulah gambarnya dan hari ini orang itu menjadi Menteri Besar Selangor dia bertanggungjawab tak untuk menjelas dan menunaikan. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan. Cuba jawab yang ini dulu, soalnya gambar dalam Manifesto ini, adalah orang yang hari ini di bertanggungjawab mengurus dan mentadbir Negeri Selangor. Tapi malangnya yang saya sebut tadi itu DAP fasal gambar lambang DAP tak ada di situ. Itu sebabnya saya sebutkan di sini tetapi bila sudah terbentuk sebuah kerajaan yang bersama bermakna sudah menjadi tanggungjawab kepada tiga-tiga parti ini untuk mengurus dan mentadbir apatah lagi. Orang yang dalam gambar itu sendiri adalah orang yang telah di amanah dan dipertugaskan untuk bertanggungjawab mengurus Negeri Selangor iaitu Y.A.B. Ijok. Ini bukan soalan, saya nak jelaskan, bukan soalan jelaskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak celah, saya tak bagi, ini masa untuk saya nak celah tadi dah celar. Kalau nak celar tak perlu

Y.B. PUAN TIMBALAN SPEKAER: Seri Serdang beri laluan. Seri Serdang Sekinchan sudah beri laluan jadi sekarang ini dia mahu mengambil masa dalam Perbahasan sila duduk.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tadi tak nak cerita waktu BB pula. Cuba cerita tadi.

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Sila duduk. Sebelum diteruskan semua Yang Berhormat sila duduk. Sekinchan tidak boleh mengambil alih kedudukan Pengerusi BBC jadi perbahasan hanya dihadkan kepada ...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tadi pihak wakil satu dari BBC bukan soal Pengerusi ...

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Saya baru mendapat maklum daripada Tuan Speaker.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Yang Berhormat Puan Speaker tadi memang awal dia pun bohong. Tuan Speaker bagi tahu 20 minit.

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Sekinchan sila teruskan perbahasan mengikut tempoh masa yang diberikan 20 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, terima kasih Puan Timbalan Speaker. Ini saya akan teruskan dengan perbahasan saya di mana beberapa perkara yang dibincangkan yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sebentar tadi berkaitan dengan Pakatan Pembangkang Kerajaan sekarang yang ada di Dewan Negeri dikatakan pakar-pakar Pembangkang. Ini tersasar dari demokrasi di mana saya cadangkan kalau boleh, kalau boleh Pembangkang ini Barisan Nasional diadakan satu kursus, kursus-kursus untuk tarbiah bagaimana apa ertinya semangat demokrasi ya di mana satu kerajaan yang

menang iaitu kerajaan, satu kerajaan yang kalah dalam Pilihan raya iaitu Pembangkang ini dalam demokrasi tetapi mereka tak faham.

Y.B. DATO' MOHD DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Minta penjelasan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mereka tak faham.

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Permatang minta.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Sekinchan, boleh

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak ada masa, masa tak berapa cukup.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya nak tanya

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Permatang sila duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi saya teruskan. Jadi saya mintalah adakan satu tarbiah, ada satu kursus untuk .. saya tak cukup masa

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Kata demokrasi Sekinchan, kata demokrasi. Berilah laluan. Cakap demokrasi, cakap demokrasi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya puntadi

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Cakap demokrasi, cakap demokrasi, soalan demokrasi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tadi duduk

Y.B. PUAN TIMBALAN SPEKAER: Batang Kali setiap perbahasan Batang Kali kalau ingin bercakap mesti meminta kebenaran.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ooi.. tarik balik apa perkataan cakap tadi. Minta tarik balik.

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Peraturan Tetap tentang, saya minta.

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Batang Kali sila duduk. Ah, Sekinchan teruskan perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Puan Timbalan Speaker, saya kesal dengan Ahli-ahli yang di mana saya kita pun masa perhitungan di mana saya bagi Ketua Pembangkang

saya tadi bagi. Masa saya dah buktikan praktis Demokrasi tapi masih ada penjual durian nak kacau apa nak buat. Walau bagaimana pun

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Pengerusi, pengerusi dia telah....

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Sekinchan, Batang Kali meminta lalu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak bagi, saya tak bagi

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Orang sibuk

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak bagi, saya tak bagi. Puan Speaker saya teruskan. Sebelum saya menyentuh

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Sibuk

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Batang Kali

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim dan pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kerana telah berjaya melangkah masuk tahun terima Pentadbiran Pakatan Rakyat sekali gus membentangkan Belanjawan yang kelima dalam Dewan Yang Mulia Ini. Persidangan ini cukup penting dan bermakna serta bersejarah bagi seluruh rakyat Negeri Selangor kerana sebelum 2008 mana mungkin terlintas dalam fikiran kita bahawa Selangor bertukar Kerajaan baru iaitu Pakatan Rakyat selain daripada Kerajaan Barisan Nasional. Loteri minda selama ini hanya UMNO Barisan Nasional yang erti memerintah Selangor sejak 50 tahun yang lalu tersemam subur dalam minda rakyat. Namun perkara sedemikian telah bertukar, bekas sokongan dan dokong majoriti rakyat Negeri Selangor yang sedar tidak kira Melayu, Cina dan India serta lain-lain oleh kerana mereka sedar tentang kezaliman mereka sedar tentang kerakusan, mereka sedar tentang penyalah guna kuasa, mereka sedar tentang berplotnya sistem pentadbiran kerajaan Barisan Nasional yang lalu bukan sapu harta rakyat demi memperkayakan kroni dan suku sakat mereka tetapi juga sombong dan angkuh sehingga sanggup menghina dan menjatuhkan martabat dan maruah kepada penjawat awam dengan menghadiahkan penyapu kepada mereka yang kononnya gagal mencapai prestasi yang ditetapkan. Maka dengan itu rakyat bangkit buat pertama kali dalam sejarah. Politik tanah air di Negeri Selangor ini pada Mac 2008 sepakat menolak Barisan Nasional yang pimpinan Yang Berhormat Sungai Panjang.

Puan Timbalan Speaker, pada masa yang sama jangan kita lupa sindiran dan serangan daripada pihak Pembangkang Barisan Nasional semasa mula-mula berlaku pertukaran kerajaan di mana apabila kita nak melaksanakan pelbagai skim mesra usia masa, tawas, pemberian air percuma 20m padu dan sebagainya. Waktu itu sindiran daripada Yang Berhormat Sungai Panjang termasuk Seri Serdang dan sebagainya. Mereka

mengatakan kalau cara begini Pakatan Rakyat memerintah akan bankrap dalam tempoh satu tahun tetapi syukur alhamdulillah dengan izin dalam masa yang hampir 5 tahun inilah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bukan sahaja, bukan sahaja tidak bankrap malah semalam Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sudah bentangkan bagaimana rizab Pakatan Rakyat daripada dulunya RM600 juta tetapi sekarang saya bagi sedikit Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Sekinchan. Sekinchan tahu tak sebab apa Kerajaan Negeri terlalu berhati-hati sekarang kerana kita Kerajaan Negeri ada sebuah pasukan Pembangkang yang kuat dan sentiasa mengatasi pergerakan dan pengurusan Kerajaan hari ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, maknanya pihak Pembangkang diiktiraf Pembangkang dan beri peranan yang baik. Terima kasih kepada pihak Pembangkang dan teruskan usaha yang menyambung kesinambungan hingga dulu, kini dan selamanya. Terima kasih Puan Timbalan Speaker, maka sekarang rizab Kerajaan Negeri Selangor, rizab Kerajaan Negeri Selangor daripada RM600 juta 2008 sekarang telah walau pun kita bagi air percuma, Skim Mesra Usia Emas, tawas semalam dilaporkan sebanyak RM766.9 juta dalam tempoh 4 tahun lebih ini kita dah salurkan kebajikan kepada rakyat program ini hasil negeri untuk rakyat tetapi pada masa yang sama unik-uniknya rizab Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja tidak kurang malah sudah bertambah kepada RM2.57 bilion. Ini satu anjakan dan tidak pernah berlaku dalam sejarah negeri Selangor ini. Satu kredit kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. Pada masa yang sama Kuala Kubu Baharu masa saya tak berapa cukup oleh kerana, kerana maaf Kuala Kubu Baharu boleh bahas, boleh bahas mengambil masa 20 minit. Terima kasih Kuala Kubu Baharu.

Puan Speaker, Belanjawan kali ini iaitu Selangor peneraju ekonomi negara memang cukup tepat kerana KDNK yang Selangor sumbangkan sejak 2007 hingga sekarang setiap tahun peratusnya paling kurang tidak kuranganya 20%. Maknanya Selangor memang peneraju ekonomi negara dan pada masa yang sama saya ingin menyatakan di sini kenapa rizab Kerajaan Negeri Selangor bertambah antara puncanya ialah satu Kerajaan yang kompeten, satu Kerajaan yang telus, kerajaan yang telus dan termasuk yang dikatakan oleh Batang Kali mereka berperanan sebagai Pembangkang insya-Allah kita teruskan. Terima kasih kepada Pembangkang, ya teruskan kesinambungan tersebut dan seterusnya konsep *value for money*, *value for money* dengan izin.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Batang Kali nak mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ah cukup lah, cukuplah

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : *You* sebut nama saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ah cukuplah, cukuplah

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Okey, Batang Kali boleh duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Masa tak berapa cukup. Oleh kerana masa mencemburui saya. Jadi

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih kepada sahabat saya daripada Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pun tak bagi juga.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih sahabat saya daripada Sekinchan dan saya turut terpanggil lah nak mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Pembangkang selama 4 tahun 7 bulan pagi ini baru nampak agak penuh sedikit dan ini mesti ada kaitan kerana kalau mereka tak memenuhi Dewan pada kali ini mungkin namanya untuk Pilihan raya ini akan gugur dan ini agak saya Speaker, saya ingat ini satu kenyataan yang cukup kurang ajar dan biadab Speaker. Kami datang sini atas

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Kalau kurang ajar nyatakan Peraturan Tetap bilangan berapa. Batang Kali keluarkan Peraturan Tetap Bilangan berapa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tarik balik, ucapan saya nak dia tarik balik ucapan.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Sebutkan Peraturan Tetap bilangan berapa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tak ada dalam buku, bacalah sendiri.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Kalau tak boleh duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Timbalan Speaker, ini masa untuk saya, saya nak teruskan, saya nak teruskan.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Ya, teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, saya nak teruskan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tak boleh,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Satu minit. Sekejap sedikit sahaja saya belum mencelah baru sedikit mencelah tapi saya nampak Batang Kali dengan sabar cuma itu cuma agakan kalau tak betul itu tak apa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Apa agak-agak, jangan buruk sangka.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan saya kepada Yang Berhormat Sekinchan ialah kita jangan letakkan harapan tinggi sangat kerana saya bimbang petang ini selepas sahaja berucap lepas makan mereka pun akan hilang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Puan Timbalan Speaker, terima kasih juga Yang Berhormat daripada Sri Muda saya memang setuju hari ini agak nampak bertenaga sedikit dan kuorum ramai sedikit tetapi sekarang ini pun dah kurang, kurang lepas makan ini dan saya yakin apa yang ditekan oleh Yang Berhormat Sri Muda itu memang tepat pada masanya dan saya ingin teruskan Puan Timbalan Speaker dalam masa yang sama ketelusan serta prinsip *value for money*, *consep value for money* yang kita laksanakan telah mencapai hasilnya dan sekarang di mana perbelanjaan kerajaan negeri dilakukan secara berhemah, tertib dan tidak ujud perkara-perkara yang tidak diingini dan ini berbeza dengan zaman yang lalu. Bocor sini sana, sapu sini sana. Memang cukup banyak perkara ini. Rakyat dah muak dengan perkara sedemikian. Seterusnya pada masa yang sama pengumuman yang di umum oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang apa, tentang berita yang baik, yang cukup baik saya kiranya untuk seluruh, seluruh warga Negeri Selangor khususnya di Lembah Klang, di Parlimen Klang. Di mana rizab Selangor yang bertambah RM2.57 bilion ini akan digunakan, digunakan sudah sampai masa kita *nganggo*, *nganggo* kita pakai 500 juta untuk projek yang kepentingan demi kepentingan rakyat, demi rakyat, apa projek itu? Antara contoh yang saya hendak ambil perbahasan pada kali ini adalah peruntukan RM300 juta untuk membina jambatan ke tiga di Klang, di mana tanggungjawab ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan.

Dalam perlembagaan, memang Kerajaan Persekutuan tetapi malangnya, malang tidak berbau di mana pada 4hb. Mac, 2008 ada satu, satu majlis diadakan. 4hb. Mac, empat hari sebelum pilihan raya 2008. Satu majlis pecah tanah diadakan, diketuai oleh Mantan Menteri Besar, Sungai Panjang dulu dan juga Menteri Kerja Raya, Samy Velu di Klang. Pecah tanah nak bina, bina jambatan ketiga. Tetapi malangnya dah 4 tahun (4 ½) setengah jambatan pun tak nampak, saya suka menggunakan ungkapan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam iaitu malangnya setelah empat tahun berlalu jangankan jambatan, sebatang rangka tiang pun masih tidak kelihatan, hei, sedih, sedih, cukup sedih, rupa-rupanya majlis pecah tanah tersebut hanya sandiwara.

Y.B. DATUK ISA BIN ABU KASIM : Puan Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, tak ada masa ya. *Sorry* ya. Minta maaf. Nanti bahas, nanti bahas. Nanti kita bahas ya. Rupanya, rupanya sandiwara untuk memancing undi sahaja. Selepas tumbang PRU 12 tahun 2008 Barisan Nasional bukan sahaja mungkir janji, mungkir janji dan tidak melakukan perkara ini, melakukan kezaliman sebab sepatutnya hasil yang Kerajaan Negeri bagi ya, cukai yang kita bayar

patut kita buat, Kerajaan Pusat kena buat tetapi mereka gagal, mungkir janji, ini tergolong dalam Islam mungkir janji, salah satu daripada ciri-ciri orang *munafik*, orang *munafik* itu ciri-cirinya mungkir janji itu satu.

Yang kedua, walaupun sekarang slogan mereka pusing, gempur, gempur seluruh Malaysia, kononnya janji ditepati. Akhirnya sekarang jadi janji dicapati. Sedih. Barang kali saya bagi satu pantunlah, ya pantun Jawa ini.

Lungo gedeh mangan capati (Pergi kedai makan capati)
Tuku gula karoh terasi (Beli gula dengan belacan)
Slogan nei Najib, slogan nei Najib, janji ditepati,
slogan nei Najib janji ditepati,
opo yo too..orak ngapusi, (ia ke tidak menipu – ini membohong)

bohong kepada rakyat, jadi Puan Timbalan Speaker, saya ingin teruskan berkenaan dengan perbahasan kali ini di mana berlaku satu perkara yang saya kira cukup penting yang ingin saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu kesesakan lalu lintas terutamanya di jalan persekutuan 5 segmen Kapar menuju ke Sabak Bernam, kebelakangan ini berlaku kesesakan yang cukup parah, khususnya pada hujung minggu dan juga kelepasan-kelepasan am, di mana saya punya pengalaman sewaktu Hari Raya Aidiladha (Hari Raya Haji) saya daripada Shah Alam menuju ke Sekinchan terpaksa mengambil masa 3 jam 15 minit untuk sampai ke situ. Puncanya apa? puncanya *traffic light* di Tanjong Karang itu telah menyebabkan kesesakan yang begitu kritikal. Oleh yang demikian saya juga mengenal pasti di mana jalan yang dibina oleh Yang Berhormat Mantan Menteri Besar Sungai Panjang dulu, iaitu jalan cross ban 4 menuju ke Sungai Haji Dorani sepanjang 20.5 km yang harganya RM118 juta satu harga yang tidak munasabah tetapi sudah dibuat apa nak buat, itu tidak memberi peranan kerana di situ ada satu jambatan sampai menuju ke Sungai Tinggi, daripada Tanjong Karang ke Sungai Tinggi jambatan tersebut terlalu sempit hanya kereta Viva, kereta Kancil boleh lepas kereta lain tak boleh, walau bagaimanapun di bawah Kerajaan Persekutuan mereka telah lakukan bina satu jambatan baru lebih besar tetapi malangnya sehingga hari ini 2hb. Julai sepatutnya kontrak itu diserahkan siap tetapi hingga hari ini tak siap-siap menyebabkan kesesakan lalu lintas itu punca pertama.

Punca yang kedua yang ingin saya nyatakan sejak 15 tahun yang lalu sewaktu saya belum menjadi ahli politik sebelum saya menjadi ahli dewan lagi, 15 tahun yang lalu saya dengar di war-warkan diheboh sini sana, siapa Barisan Nasional heboh tiap-tiap hari datang majlis keramaian, majlis tokoh mereka akan sebarkan, kerajaan akan membina satu *highway* (jalan raya) daripada Banting hingga ke Taiping menelan belanja RM3,600 juta dan sebagainya macam-macamlah mereka nak cakap tetapi sampai hari ini 15 tahun berlalu jalan itu daripada Banting ke Taiping sampai sekarang rangka pun tak nampak, jalan pun tak nampak, itu lagi contoh, janji di capati, maka

dengan itu saya menyeru pihak kerajaan agar ambil perhatian mengenai perkara ini tentang kesesakan lalu lintas di Tanjong Karang dari bahagian Sabak Bernam ini supaya pengguna-pengguna dapat menikmati perjalanan yang lebih selesa tidak jem berjam-jam di Sabak Bernam ini dan di Sekinchan ini.

Dan satu lagi perkara yang berlaku kerana Sekinchan dan Kuala Selangor sekarang telah menjadi tumpuan kawasan pelancongan, pelancongan di mana ramai pelancong datang pada waktu-waktu kelepasan am, dan pada masa yang sama oleh sebab masa mencemburui saya, saya ingin meneruskan satu skandal di mana saya sebut di sini ialah tentang skandal sapu tanah rakyat, skandal sapu tanah rakyat ini dengan singkatannya iaitu *SAPU*, singkatannya *SAPU* di mana sebelum ini saya telah dedahkan dalam sidang dewan yang lepas berkenaan dengan 2 keping tanah UMNO Tanjong Karang sapu, tanah balai raya, tanah komersial, 2 keping UMNO Bahagian Tanjong Karang dia serahkan mereka sapu tanah ini untuk mereka, sekarang ini saya nak terang di sini bukan sahaja itu di dalam sini ada dokumen, carian rasmi dalam geran-gerannya, rupa-rupanya pada ketika itu saya pada Dewan yang mulia pada kali ini saya nak tunjukkan kepada rakyat, saya nak dedahkan kepada rakyat apakah? wajah sebenar UMNO Barisan Nasional ini, wajah sebenar UMNO Barisan Nasional ini cukup penting supaya rakyat tahu siapa? mereka.

Dalam Pentadbiran yang lalu mereka mengagih-agihkan tanah kepada siapa?, kroni mereka siapa UMNO, bukan satu keping yang 2 keping yang saya nyatakan, saya dedahkan dalam persidangan dewan yang lepas satu tanah berkenaan dengan Menteri Udang yang menternak udang Noh Omar, dan satu tanah di Tanjong Karang iaitu 2 keping sekarang ditambah, saya cari-cari, campur-campur ada 23 keping tanah, 23 keping tanah di 9 daerah Negeri Selangor, hanya 2 daerah sahaja yang mereka tidak ambil, daerah Hulu Selangor dan daerah Kuala Langat, daerah yang lain semua ada mereka sapu tanah, siapa mereka? tidak lain tidak bukan UMNO, UMNO dulu kini dan selamanya. Mungkin Sungai Pelek dan Kuala Kubu Baharu mereka mungkin rasa lega sebelum ini mereka kata nasib baik tidak terlibat.

YANG BERHORMAT PUAN SPEAKAR: Templer minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Silakan Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Timbalan Speaker, kalau boleh Yang Berhormat, kalau tak ada bukti yang kukuh tarik balik tuduhan kerana cara Yang Berhormat cakap tu kononnya semua wakil rakyat juga ahli UMNO di sini ada hak-hak tanah di Negeri Selangor secara tak resmi ataupun secara saluran yang tidak betul, jadi kalau boleh Yang Berhormat tetapkan ucapan ini kepada bajetlah, tak usah orang kata menyimpang jauh sangat la..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini bajet ini, ucapan dasar iaitu berkaitan dengan Pentadbiran berkaitan dengan tanah dan sebagainya saya nyatakan apa yang saya ucapkan di sini bukan mencari publisiti saya ucapkan perbincangan saya dan bukti yang sah, bukti yang sah, yang terang lagi bersuluh yang saya nak nyatakan di sini, tanah-tanah bukan ahli UMNO yang ambil tapi Bahagian UMNO Bahagian, UMNO Bahagian yang ambil ini cukup saya nak bagi contoh lah, contoh, UMNO Bahagian Subang dapat tanah, UMNO Bahagian Puchong, ha kalau nak sebut nanti kena pula sampai kat Templer pun sana pun ada, ha nanti, semua ada, semua ada

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tapi di sini tak ada tak apa, jangan melatah (suasana riuh....)

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Jangan menuduh Templer, mana ada,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Templer tak ada kawasan sekitarnya, yang sekitarnya.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Kalau ada bukti tunjuklah bukti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jadi janganlah melatah yang saya nyatakan di sini ialah dulu MCA mungkin dia rasa lega, waktu saya dedahkan tanah-tanah ini sapu tanah ini lega sebab Sungai Pelek dengan Kuala Kubu macam tak ada, tetapi apabila saya teliti rupanya dua kali lima, lima kali dua, MCA pun ada 5 keping, 5 keping tanah yang disapu dan milik rakyat antaranya di mana MCA di daerah Petaling ada satu (1), di daerah Hulu Langat ada dua (2) daerah Kuala Selangor ada satu (1), daerah Gombak ada satu (1) kalau nak cabar nanti saya bagi satu per satu, ha ini bukan *ngomong-ngomong kosong dong*, ini hakikatnya, ha bagi..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Dokumen apa yang Sekinchan baca tu.. Dokumen apa yang Sekinchan baca.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha Geran, sah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, saya ingin menyokong penuh apa yang disebutkan oleh Sekinchan tadi kerana kalau kita lihat pada kenyataan yang dikeluarkan oleh Mantan Menteri Besar yang juga ADUN Sungai Panjang dulu, beliau mengaku, beliau mengaku bahawa saya beri tanah kepada UMNO dan Barisan Nasional, ini adalah susulan daripada pendedahan yang saya lakukan pada bulan Mac tahun ini pada sidang dewan yang pertama dulu tahun ini yang menunjukkan adanya pemberian tanah-tanah kepada UMNO-UMNO terutama sekali kepada kepimpinan UMNO Negeri Selangor, ini fakta, ini fakta dan saya telah nyatakan bahawa apa yang disebut oleh Sekinchan itu betul dan saya minta Yang

Berhormat Sekinchan untuk dedahkan nanti di luar dewan supaya ramai-ramai kita pakat-pakat lah tolong turun ke SPRM bantu untuk laporkan kejadian ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Seri Muda, terima kasih atas input tadi, kita akan dedahkan susulan kerana isu skandal sapu tanah dengan ringkasannya *SAPU*, jadi saya akan dedahkan terus demi kepentingan rakyat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. ada tinggal 4 minit lagi..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas ingatan tersebut dan saya akan teruskan sebentar tadi saya kata tanah yang dimiliki oleh MCA ada 5 keping dan tadi di sini saya cari-cari lupa pula saya tentang UMNO bahagian Selayang pun ada, UMNO bahagian Selayang pun ono (ada) lagi satu keping tanah UMNO tanah UMNO

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Puan Speaker minta penjelasan sedikit, minta penjelasan sedikit, Kalau dipandangkan jasa UMNO menuntut kemerdekaan dan akhirnya Sekinchan boleh jadi lawa macam ni, kalau tak kerana UMNO menuntut kemerdekaan dan memajukan negara ini saya ingat Sekinchan pakai baju daun sekarang ini, ini ka main cantik pakai tai, apa halnya kalau diberi kepada UMNO (dewan riuh.....)

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: ... yang tuntutan kemerdekaan bukan UMNO, yang tuntutan kemerdekaan rakyat..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: ...oleh sebab masa tidak cukup

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: ni, Sekinchan pakai akal la..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, terima kasih. Kuang.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: UMNO adalah rakyat, UMNO adalah manusia yang ramai

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : UMNO adalah raja.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Nak bagi tahu Sekinchan yang nak rampas tanah di Klang tanah Yayasan Selangor , DAP lah yang nak rampas tu 16 ekar tu, Menteri Besar nak bagi tu, (dewan riuh.....)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kuang kerana telah menjelaskan UMNO adalah raja penyangak,

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Hoi, binatang, saya nak awak tarik balik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak nak tarik,

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Kalau tak nak tarik, tunggu luar, tarik balik saya bukan nak tumbuk, tarik balik perkataan,

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang. Yang Berhormat Kuang kalau sekiranya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Sekinchan, nyatakan Peraturan Tetap bilangan berapa, baru boleh kita laksanakan.

Y.B. DATUK ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker Peraturan Tetap 36.4 adalah salah pada peraturan Mesyuarat bagi seorang ahli menggunakan bahasa yang biadab.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa dia bahasa biadab yang digunakan.

Y.B. DATUK ISA BIN ABU KASIM: Penyangak.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Adakah? betul Sekinchan berkata demikian.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: penyangak tu bagi saya bukannya biadab, itu mencerminkan..

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Biadablah tu, tahu bahasa Malaysia ke tidak...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Demi untuk menenangkan fikiran mereka dan emosi mereka saya tarik baliklah supaya mereka tidak... (dewan riuh.....)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang, tenang Kuang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: ... dan di sini saya ingin nyatakan di sini juga ada sekeping tanah yang dulu digunakan untuk kem Ghaffar Baba di Hulu Klang sekarang sudah jadi milik UMNO, sudah jadi milik UMNO Kem Ghaffar Baba pun boleh jadi milik UMNO, tidak hairanlah balai raya di Pekan Tanjong Karang sekarang ini milik UMNO inilah antara contoh-contoh MIC pun ada, GERAKAN pun ada, MIC berapa keping MIC ada 3, GERAKAN ada satu (1) GERAKAN walaupun tak bergerak tapi dia ada satu (1), dan di sini saya nak nyatakan di sini dalam skandal *SAPU* tanah rakyat ini saya akan mencari/mengkaji ada satu persamaan di mana mereka bagi ini dengan semangat 1 Malaysia, iaitu *SAPU* tanah pun dengan 1 Malaysia, MCA dapat UMNO dapat MIC dapat GERAKAN dapat sama-sama, sama-sama ini antara ciri-ciri yang saya nak nyatakan di sini dan lagi satu ciri yang unik ialah tanah premiumnya 1 ringgit satu kaki persegi, rakyat nak dapatkan tanah di Negeri Selangor sejak puluhan tahun susah mereka naik turun Pejabat Tanah minta tanah untuk tapak rumah susah setinggan Lembah Jaya, dengan Setinggan Berembang dulu dihalau oleh Yang Berhormat Sungai Panjang dihalau orang Melayu nak duduk tanah tersebut bukan untuk apa bukan untuk kaya raya untuk rumah setinggan untuk tinggal untuk bermalam di situ

dan keluarga yang miskin dihalau, dihalau tetapi UMNO sapu tanah apakah? Maruahnya sebagai pemimpin di mana letaknya wibawa UMNO di sini lah saya nak jelaskan. Puan Timbalan Speaker, dalam Dewan yang mulia ini saya akan teruskan berkaitan dengan edisi pendedahan tanah-tanah UMNO di Negeri Selangor.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat ada lagi 20 saat sahaja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 20 saat, masa kecederaan dan sebagainya, oleh yang demikian masa hari ini terlalu pendek, walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ya.. yang telah memberi input-input tadi dan saya juga terima kasih lah kepada Pembangkang yang tadi marah dengan tuduhan tadi, memang jelas di sini UMNO dan bersama *kuncu-kuncunya* dalam geran yang saya ada 23 keping tanah sudah disapu ini hakikat yang tidak boleh disanggah, oleh yang demikian saya sampai setakat ini saya menyokong bajet pada kali ini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama EXCO dan bersama penjawat awam yang telah bertungkus-lumus menjayakan agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Sekian, terima kasih. (Dewan riuh...)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat hendaklah berkelakuan seperti Ahli Dewan Negeri ya, saya mengingatkan, jadi jam di Dewan sudah menunjukkan masa untuk ditangguhkan perbahasan sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sidang dimulakan semula. Suka saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perbincangan bagi setiap Ahli adalah mengikut tempoh masa yang ditetapkan, 20 minit bagi setiap Ahli Dewan. Yang kedua, saya juga ingin memberi amaran kepada Yang Berhormat Kuang dan juga Batang Kali untuk mematuhi Peraturan Pengerusi dan saya tidak akan teragak-agak akan menggunakan Peraturan Tetap 44(2). Perbincangan diteruskan. Meru.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Meru mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato Speaker, Dato' Puan Speaker eh *sorry* Puan Speaker yang berikan keizinan kepada Meru untuk mengambil bahagian dalam Usul Pembentangan Bajet 2013 Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini.

Keseluruhannya Belanjawan 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalid Ibrahim yang diamanahkan oleh rakyat berbilang kaum di Negeri Selangor Darul Ehsan ini sebagai Menteri Besar telah membuktikan hala tuju Belanjawan yang cukup komprehensif, mesra rakyat, berjimat, berpandangan jauh dan menyelesaikan banyak masalah ekonomi yang selama ini gagal diuruskan oleh pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini. Antara ciri-ciri kepimpinan yang dihormati, berhemah dan berintegriti yang berjaya dalam pengurusan harta rakyat ialah mereka yang mengurus harta dan ekonomi negeri secara beramanah. Takut hanya kepada ancaman dan perhitungan daripada Allah yang maha mendengar lagi maha melihat. Tidak terpalit dengan unsur-unsur rasuah dan ketirisan dan menyalurkan kekayaan negeri kepada rakyat yang benar-benar layak memerlukannya. Bukannya memunggang harta rakyat secara rakus dan kejam kemudian dengan sewenang-wenangnya berkongsi kekayaan negeri hanya di kalangan kroni-kroni mereka sahaja. Ini diperjelaskan dengan begitu terang di dalam Al-Quran Nul-Karim ketika Allah SWT melarang sekeras-kerasnya. (Bahasa Arab), jangan lah sekali-kali harta itu beredar hanya di antara orang-orang yang kaya sahaja di antara kamu. Malah sebagai perbandingan Belanjawan 2013 yang dibentangkan oleh Kerajaan Pusat bukan sahaja gagal untuk menyelesaikan masalah struktur ekonomi Malaysia, ia malah menatijahkan jurang pendapatan keluarga yang makin melebar, kos sara hidup yang melonjak tinggi tetapi menambahkan keperitan dan penderitaan rakyat yang lebih menyedihkan ialah apabila ketirisan ataupun sekarang disebut kebocoran dalam perbelanjaan Kerajaan Pusat yang berleluasa tanpa pemantauan yang berkesan. Perbelanjaan jentera kerajaan yang boros dan mementingkan syarikat kroni di dalam pemberian kontrak menjadikan ekonomi terus tempang dan tidak berdaya saing. Pengalaman pentadbiran dan pengurusan ekonomi

Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah berjaya mengurangkan kos sebanyak 24% secara purata daripada kos perolehan. Dengan izin Allah, apabila Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor barulah rakyat sedar rupa-rupanya Talam Corporation berhutang dengan selesanya kepada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM392 juta. Wang rakyat yang berjumlah besar RM392 juta itu langsung tidak diberi perhatian oleh Menteri Besar Selangor sebelum ini malah dibiarkan begitu sahaja.

Meru mengucapkan *jazakallahumin khairjazar* kepada Yang Amat Berhormat kepada Tan Sri Khalid Ibrahim.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: *Punch clock.*

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: kerana berjaya mengutip kembali hutang Talam Corporation tersebut

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Meru... Meru boleh saya celah sikit.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Dan menyalurkan sebahagian dari hutang itu sebagai bantuan mikro kredit kepada golongan usahawan miskin di kampung dan di bandar dalam menjalankan perniagaan mereka.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Meru... Meru, Kuala Kubu ingin mencelah.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Boleh saya celah sikit. Sekejap boleh.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Ya.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Seperti mana Meru katakan bahawa hutang Talam langsung tidak ada ambil berat daripada Barisan Nasional. Saya minta pada Meru dari mana maklumat didapati tahu bahawa langsung tidak.

Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN: Tak apa saya teruskan dulu ni, Insya-Allah. Rakyat tidak boleh lagi dikelabui mata mereka dan di tipu hidup-hidup lebih-lebih lagi apabila laporan Ketua Audit Negara mendedahkan bahawa bajet Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen tempoh hari bukan sahaja mencatatkan hutang tertinggi RM502 bilion tetapi juga defisit terpanjang iaitu selama 14 tahun berturut-turut dan belanja terbanyak iaitu RM251 bilion. Walaupun pihak Kerajaan Pusat sekali lagi cuba berdalih dan mengatakan bahawa hutang RM502 bilion adalah hanya 53.7% KDNK, keluaran dalam negara kasar dan masih belum melepasi had

hutang yang diizinkan oleh Akta Pinjaman Kerajaan 1983 yang mengehendkan pinjaman Kerajaan Pusat terhad kepada paras 55% dari KDNK namun hakikatnya apabila diambil kira hutang tersembunyi dengan izin, kontingensi liabiliti rupa-rupanya berjumlah RM119 bilion yang meningkatkan lagi hutang Kerajaan Pusat kepada lebih RM700 bilion atau melepasi 65% KDNK. Ini bermakna setiap rakyat di Negara Malaysia ini tak kira bangsa dan umur sama ada kita sedar ataupun tidak menanggung hutang RM25,000.00 seorang. Generasi muda kena ambil perhatian perkara ini. Golongan yang berkuasa dahulu secara zalim dan kejam yang menggunakan segala peralatan dan kelengkapan yang berada di bawah kawalan mereka untuk mengekalkan kedudukan mereka memaksa pegawai-pegawai di bawah mereka mengikut telunjuk mereka secara membabi buta. Menyebarkan ancaman-ancaman terhadap rakyat jelata yang jelas menolak cara pemerintahan mereka dan menaburkan fitnah secara berleluasa semata-mata untuk perbodohkan rakyat jelata agar tunduk dan percaya hanya kepada mereka sahaja sebenarnya mereka telah mengulangi tindak tanduk Firaun zaknatullahiallai. Allah SWT mengingatkan kita dengan bahaya dan ancaman dari Firaun nizam ini dengan Firmannya (Bahasa Arab) dengan yang demikian maka Firaun sebenarnya memperbodohkan kaumnya lalu mereka tunduk mematuhiya sesungguhnya mereka itulah kaum yang fasik.

Inilah dia sebenarnya slogan yang dimainkan oleh UMNO dan Barisan Nasional, kroni didahulukan rakyat di pinggirkan. Harta rakyat dipungkah harta pemimpin di tokok tambah yang haram didahulukan yang halal diketepikan. Ulama yang muktabar diperangi, syaitan yang dikenali dipatuhi. Inilah dia amaran yang diberikan oleh Rasulullah SAW lebih 1400 tahun dahulu di dalam hadisnya (Bahasa Arab) apabila sesuatu urusan itu diamanahkan kepada seorang yang bukan ahlinya atau yang bukan bidangnya maka tunggulah saat kehancurannya. Sebab itu kerugian demi kerugian yang telah dicipta dan diterajui oleh UMNO Barisan Nasional tanpa sedikit pun didedahkan oleh media-media pengampu mereka. Di bawah pentadbiran dan pimpinan UMNO Barisan Nasional lah banyak wang rakyat tergadai begitu sahaja. Antara kerugian-kerugian yang telah didedahkan oleh media-media yang perjuangkan keadilan dan ketelusan yang sampai ke saat ini pun tidak pernah disangkal oleh mana-mana pemimpin UMNO ialah contohnya Rapid KL rugi lebih RM290 juta. IWK, Indah Water Konsortium rugi lebih RM880 juta. Pos Malaysia kerugian RM222 juta. Saham Bumiputera merosot dari RM5.4 bilion kepada RM2 bilion. Penyerahan Blok L dan Blok M di Laut Cina Selatan kepada Kerajaan Brunei kerugian dalam bentuk perolehan berjumlah RM320 bilion dan ini sebenarnya didedahkan oleh seorang mantan Perdana Menteri di dalam bloknnya Cek Dek. Dia juga yang menyatakan bahawa UMNO *is rotten to the core* dengan izin. Skandal PKFZ kerugian RM12.5 bilion. Skandal NHC melibatkan RM250 juta wang rakyat.

Meru juga ingin mengucapkan tahniah kepada lapan buah jabatan agensi Kerajaan Negeri Selangor yang telah mencapai tahap prestasi pengurusan kewangan 4 bintang sekali gus melambangkan lonjakan keyakinan dan komitmen kakitangan Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat yang terbukti lebih efisien dan lebih berhemah berbanding Kerajaan sebelum ini. Sebagai orang Islam setiap dari kita kena sedar bahawa apabila diberikan kuasa dan kedudukan maka bukan setakat kita bertanggungjawab kepada Ketua-ketua Jabatan atau Pengarah kita tetapi yang lebih pentingnya kita bertanggungjawab di hadapan Allah SWT. Kita dilarang keras oleh Allah melakukan rasuah mengambil hak rakyat, merampas tanah rakyat dan membohongi rakyat. Di dalam konteks ini Allah berpesan di dalam surah Al Haj ayat 21, (Bahasa Arab) yang bermaksud iaitu orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi ini iaitu diberikan kekuasaan memerintah nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah dari perbuatan yang mungkar dan akhirnya kepada Allah lah kembali segala urusan untuk diadili olehnya.

Belum tentu apabila diberikan kuasa memerintah atau menjadi wakil rakyat itu kita dimuliakan oleh Allah. Sejarah membuktikan betapa ramai penguasa atau pemerintah yang Allah izinkan pemerintahan mereka tetapi mereka melanggar perintah Allah berlaku zalim terhadap rakyat mengkhianati amanah dan menindas sesiapa sahaja yang menegur atau tidak sehaluan dengan mereka dan ini termasuklah Firaun dan Raja Namrud. Allah berfirman, (Bahasa Arab), katakan lah wahai Tuhan yang memiliki segala Kerajaan, engkau memberikan kerajaan kepada sesiapa kau kehendaki dan engkau mencabut balik kerajaan dari sesiapa yang engkau kehendaki. Engkau muliakan sesiapa yang kehendaki dan engkau hinakan sesiapa yang engkau kehendaki. Di tangan engkau lah sahaja segala kebajikan, sesungguhnya engkau maha berkuasa atas segala sesuatu.

Meru merasa gembira apabila mendapati semua program-program merakyatkan ekonomi Selangor yang telah melibatkan dana lebih RM670 juta di mana khazanah atau hasil kekayaan Negeri Selangor dikembalikan kepada rakyat tanpa mengira warna kulit, pegangan agama ataupun parti politik. Islam telah lama menyeru kepada perpaduan dan pemahaman antara kaum di dalam Quran Allah berfirman, "Bahasa Arab", wahai manusia sesungguhnya kami menjadikan kamu dari seorang lelaki dan seorang wanita *from adam and eve* dengan izin dan kami jadikan kamu berbilang kaum dan bangsa agar kamu mengenali dan memahami di antara kamu.

Meru ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai kewujudan ajaran-ajaran sesat yang wujud di Selangor malah di seluruh Malaysia termasuk di negeri Kelantan Darul Naim. Bagi menangani masalah ini adalah penting pihak JAIS dan MAIS

mengambil langkah yang kondusif atau berhemah bagi mengelak sebarang tindakan agresif yang mungkin timbul sekiranya tindakan agresif dan provokatif dikenakan ke atas mereka. Ini disebut dengan jelas di dalam Al-Quran Nul-Qarim, (Bahasa Arab), serulah manusia kepada jalan Tuhan mu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.

Meru memperingatkan isu ini kerana Meru mendapat maklumat yang Meru harap tidak betul bahawa satu tindakan besar-besaran akan dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang kononnya akan melibatkan Pihak Berkuat Kuasa dan juga Black Maria untuk memberkas penganut-penganut Syiah secara besar-besaran di Selangor pada 10 Muharam ini. Mengapakah beria-ia pula pihak-pihak tertentu ini begitu ghairah untuk bertindak ke atas golongan Syiah di Selangor ini sahaja sedangkan di negeri-negeri lain hatta di peringkat pusat atau JAKIM sendiri tidak pernah bertindak demikian. Meru difahamkan JAKIM Pusat sendiri tidak mengambil tindakan besar-besaran memberkas penganut-penganut Syiah ini kerana mengambil kira hubungan diplomatik antara Malaysia dan Iran.

Meru kkuatir sekiranya tindakan memberkas mereka secara besar-besaran ini tidak ditegah maka imej yang buruk akan terpalit kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. Semoga Allah SWT melindungi kita semua dari aktiviti-aktiviti sabotaj yang didalangi oleh pihak-pihak yang tertentu. Dalam ucapan pembentangan belanjawan 2013 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ada disebut tentang teguran dan cadangan pembaikan yang dikemukakan dalam laporan Audit.

Meru merasa bangga kerana Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat menerima dengan baik malah menghargai apa sahaja teguran yang membina demi kepentingan dan kesejahteraan hidup rakyat tanpa mengira bangsa, agama atau pegangan politik yang sempurna hanyalah Allah, kita manusia tidak ada yang sempurna walaupun kita ni seorang bergelar Yang Berhormat atau Yang Amat Arif atau Menteri Besar, *first lady* apatah lagi Perdana Menteri sekali pun. Siapa lah kita jika hendak dibandingkan dengan Rasulullah SAW hatta Rasulullah SAW juga pernah ditegur oleh Allah apabila Nabi Muhammad tidak melayan pertanyaan dari seorang Arab Badawi yang buta matanya bernama Abdullah bin Maktom. Abdullah bin Maktom seorang sahabat nabi yang buta bertemu Rasulullah SAW untuk mendapatkan penjelasan mengenai beberapa ayat Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah SAW di saat Nabi sedang berbicara dengan Pembesar-pembesar Quraisy untuk menjelaskan *the true picture of Islam* dengan izin. Nabi Muhammad terasa terganggu dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Abdullah bin Maktom yang buta itu, lalu baginda bermasam muka dan berpaling daripada Abdullah bin Maktom untuk memberi lebih fokus kepada pemuka-pemuka Quraisy yang Baginda harapkan tidak menentang

perkembangan Islam ketika itu. Rupa-rupanya tindakan Nabi Muhammad itu tidak disenangi oleh Allah dan turun ayat Al-Quran dari langit yang menegur terus perbuatan Nabi ini. Ayat itu berbunyi, "*Bismillahir Rahmanir Rahim*, (Bahasa Arab) yang dikatakan ialah maaf, maksudnya ialah dia yakni Muhammad bermasam muka dan berpaling kerana telah datang seorang buta kepadanya. Tahulah kamu barangkali ia ingin membersihkan dirinya dari dosa-dosanya atau dia ingin dapatkan pengajaran lalu pengajaran itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang berasa dirinya serba cukup maka kamu pula melayaninya. Pada hal tidak ada, tidak ada celaan atas mu kalau dia tidak membersihkan dirinya yakni tidak beriman kepada Allah SWT.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu Meru menjelaskan bahawa tiada seorang pun dari pemimpin dari Pakatan Rakyat yang pernah menepuk dada dan mengatakan bahawa kami ini tidak pernah membuat apa-apa kesilapan sekalipun. Kita semua adalah manusia atau insan yang disebutkan oleh Rasulullah S.A.W. 'yang dikatakan insan itu ialah dia tidak terlepas dari membuat kesilapan dan terlupa'. Yang tidak boleh menerima teguran dan pandangan orang lain ialah pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Walau ditegur pimpinan Pakatan Rakyat, mereka buat-buat tak faham atau memang tak faham-faham. Lautan rakyat berbilang kaum berdemo turun padang secara aman, mereka tak faham. Ribuan rakyat hantar memorandum dan petisyen, mereka ganggu dan tak ambil peduli. Teguran Ketua Audit Negara berulang-ulang kali yang memang tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, mereka buat *dek* sahaja dengan izin. Sebenarnya mereka ini hanya faham bahasa politik dan undian rakyat dalam pilihan raya sahaja. Rakyat kena bangun dan mengundi secara adil dan berhemah bagi memberi laluan luas kepada Pakatan Rakyat untuk menuju ke Putrajaya. Nak panggil Jawa Spring ke, Banjar Spring ke atau Kadazan Spring ke, terpulanglah. Tapi kita kena *create another political tsunami* dengan izin untuk menjatuhkan kerajaan yang zalim ini. Saya mohon supaya soalan daripada Kuala Kubu Baharu ini, kita boleh tengok balikkah Talam itu yang telah diedarkan di antara kita, Insya-Allah. Ia, setakat itu saya menyokong. Saya menyokong ini, usul. Insya-Allah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Ya, persilakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan belanjawan 2013 yang berimbang buat kali, buat tahun kelima berturut-turut sejak tahun 2008. Dan dalam kesibukan kita bersiap sedia menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran khususnya pilihan raya umum yang akan datang pada bila-bila masa serta keadaan ekonomi global yang terumbang-ambing, maka adalah menjadi satu

tanggungjawab kepada Kerajaan untuk menyediakan satu belanjawan yang menampilkan kekuatan ekonomi kerajaan dan memperbetulkan kelemahan dalam pentadbirannya. Justeru itu belanjawan 2013 yang dibentangkan semalam ini dilihat sebagai pada pendapat saya satu belanjawan yang bertanggung jawab. Sepintas lalu, belanjawan ini tidak banyak mengandungi gula-gula manis untuk memancing undi. Sepintas lalu saya rasa tak banyak. Ini jauh berbeza dengan belanjawan Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan lebih sebulan yang lalu yang menawarkan pelbagai bentuk gula-gula hanya untuk memenangi pilihan raya umum. Saya berpendapat Puan Timbalan Speaker, adalah tidak salah bagi mana-mana kerajaan yang memegang mandat rakyat untuk membantu rakyat dalam apa jua bentuk tapi biarlah ianya dijalankan dengan cara yang berhemah dan bertanggung jawab. Ini tidak bermakna Kerajaan Negeri Selangor tidak membantu rakyat melalui program-program kebajikan. Hakikatnya semua ini telah dilakukan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor secara beransur-ansur melalui Konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor sejak tahun 2008 lagi. Kita melakukannya setiap tahun dan tanpa berhenti dan bukannya memberi gula-gula semasa menghampiri pilihan raya.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Kampung Tunku, boleh saya celah?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Itu adalah perbezaan.. ya? Ok

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Bukit Tunku. Kalau seperti mana kalau pemberian kebajikan kepada Kerajaan Pusat adalah seperti gula-gula, saya dinasihatkan kepada yang kerajaan ataupun ahli daripada Pakatan Rakyat ini supaya beri arahan kepada Ketua Kampung, Pemimpin daripada PAS atau DAP, Keadilan, jangan pergi ambil, jangan mohon. Tapi yang kaya masa BRIM1 saya nampak Ketua Kampung yang kaya dari DAP pun terima BRIM. Saya rasa kalau ini gula-gula minta ahli sendiri jangan mohon. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat dari KKB. Saya terasa tadi saya sebenarnya telah menjawab soalan daripada KKB iaitu tidak salah, saya kata tidak salah untuk mana-mana kerajaan membantu rakyat tapi saya mempertikaikan cara dia sahaja. Walau iaitu ianya perlu dilakukan dengan cara yang berhemah dan bertanggungjawab. Itu adalah satu *reply* saya terhadap KKB dan kalau ada mereka yang tidak sesuai, tidak mempunyai kelayakan untuk mengambil saya rasa Yang Berhormat KKB boleh membuat laporan polis. Dan saya akan menyokong Yang Berhormat KKB untuk menangkap atau pun menahan sebarang tindakan yang diambil terhadap mereka yang tidak berkelayakan termasuk ahli-ahli MCA sendiri. Kalau ada Dato' yang mendapat BRIM dengan cara yang tidak sah, saya rasa Yang Berhormat dan semua Yang Berhormat di sini juga mempunyai tanggungjawab untuk

membongkarkannya. Jadi itulah perbezaan. Tapi apa yang saya kata adalah perbezaan antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional iaitu Pakatan Rakyat percaya kepada prinsip bahawa semua bantuan dan program-program kebajikan itu harus diberi kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, kedudukan, fahaman politik setiap masa, setiap masa. Dan bukannya apabila pilihan raya sudah hampir baru bagi. Dan bukannya gula-gula sahaja tapi ianya harus merupakan program jangka panjang yang akan memberi hasil yang positif kepada pembangunan insan, pembangunan masyarakat dan pembangunan komuniti dan negara. Itu adalah perbezaan. Dan Puan Timbalan Speaker, kita bandingkanlah prestasi ini, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dengan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Kita sepintas lalu. Hutang Kerajaan Persekutuan sekarang sudah menghampiri paras 54% daripada keluaran dalam negara kasar atau KDNK. Kebanyakan hutang ini adalah hutang Kerajaan Persekutuan dalam bentuk bon yang dipegang oleh agensi-agensi kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan syarikat-syarikat insurans. Ini bermakna, sebenarnya bon ini dipegang oleh wang simpanan rakyat Malaysia biasa dan wang ini sekarang terdedah kepada risiko yang besar. Andainya Kerajaan Persekutuan gagal melangsaikan hutang-hutang ini dalam masa yang telah ditentukan maka yang menjadi mangsa adalah rakyat Malaysia. Dalam situasi ekonomi dunia yang masih tidak menentu ditambah dengan kelonggaran disiplin dalam pengurusan Kerajaan Persekutuan, Puan Timbalan Speaker, saya amat kluatir Malaysia akan menghadapi kegawatan ekonomi yang lebih mencabar pada tahun depan. Tapi apa pun sekali saya syukur kerana mengikut pembentangan semalam oleh Kerajaan Negeri Selangor, ekonomi Selangor ada pada tahap yang cemerlang. Belanjawan 2013 juga akan mempamerkan 3 strategi utama di bawah dan saya akan membentangkan perbahasan saya berdasarkan kepada ketiga-tiga strategi ini iaitu :

1. Kita hendak memperkasakan pengurusan tenaga kerja, sumber kewangan, pentadbiran dan aset negeri;
2. Melestarikan pembangunan inovasi dan moden; dan
3. Memperkukuhkan kualiti rakyat.

Baru-baru ini Syarikat A.T Sistem Malaysia Berhad dari Pulau Pinang bekerjasama dengan Mau Ming Chia Chang Industri Co. Ltd. Untuk membangunkan industri sumber tenaga boleh diperbaharui di Malaysia. Commercial Aircraft Corporation of China dengan Syarikat Boeng telah memulakan penyelidikan untuk menghasilkan bahan api untuk kapal terbang dengan menggunakan minyak masak terpakai. Perkara-perkara ini harus memberi iktibar kepada negeri Selangor bahawa kita tidak boleh lagi ketinggalan dalam industri teknologi hijau dan mesra alam sekitar. Memang kita boleh berbangga

dengan pelaburan Syarikat Ming Chia tetapi kita tidak harus berbangga dengan hanya satu pelaburan sahaja. Kerajaan Negeri haruslah menjadi pemimpin dalam industri ini atau pun Negeri Selangor haruslah menjadi pemimpin di dalam industri ini dengan memberi lebih banyak dorongan dan bukan sekadar insentif dan rebat yang juga ditawarkan di negeri-negeri lain. Sebagai permulaan, saya bercadang kepada kerajaan untuk memberi perhatian dalam tiga bidang industri hijau iaitu industri tenaga solar, industri bio diesel dan industri pengitaran semula kertas dan plastik. Bagi industri solar, Kampung Tunku berpendapat Malaysia dan Selangor mempunyai potensi yang besar dan kita harus menjadi pemimpin dalam bidang ini. Lebih-lebih lagi industri ini adalah industri berteknologi tinggi dan ia mampu menjana pendapatan yang tinggi kepada Malaysia. Semalam Dato' Menteri Besar juga menyebut tentang pergeseran diplomatik antara China dan Jepun yang mungkin menyebabkan pelaburan-pelaburan dari Jepun beralih ke Malaysia. Apa pun sekali saya menyarankan kepada kerajaan supaya jangan pula kerana durian runtuh ini kita melalaikan dalam tanggungjawab untuk membina infrastruktur dan modal insan yang berkualiti. Kita perlu betul-betul bersaing dan dapat bersaing dengan negara lain dan tidak mengharap durian runtuh ini. Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan dalam usaha untuk menarik lebih ramai lagi pelaburan asing kita harus mempertimbangkan model *bit and least* di mana Kerajaan Negeri membantu pelabur asing membina kilang dan mengikut spesifikasi mereka tanpa memerlukan mereka melaburkan wang yang banyak, memberi dana, membayar premium sehingga membina kilang sendiri. Barang kali mungkin model ini akan membantu mengurangkan birokrasi-birokrasi yang sedia ada dan membantu menarik lebih ramai pelaburan dari luar negara. Kerajaan Negeri Selangor juga bercadang untuk membekalkan *Wi-Fi* percuma. Jadi, sudah sampai masanya untuk kita mempertingkatkan bidang ini kerana mengikut statistik Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, Selangor agak ketinggalan sedikit. Sehingga ke suku pertama tahun 2012, Selangor mempunyai *Broadband Pedestrian* sebanyak 75.5% mengikut isi tangga iaitu di tangga yang kelima di belakang Kuala Lumpur, di belakang Perlis, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Sementara itu, Selangor mempunyai lokasi *hotspot* yang kedua terbanyak di seluruh Malaysia di belakang Pulau Pinang. Jadi saya ingin membuat satu saranan supaya Kerajaan Negeri Selangor perlulah melipatgandakan usaha dalam bidang ini supaya kita akhirnya menjadi nombor satu dalam bidang ini. Semalam kerajaan juga menyebut tentang pentingnya industri perkhidmatan terhadap pembangunan KDNK di Malaysia dan Selangor. Memang industri perkhidmatan merupakan satu bidang yang semakin penting tetapi kita juga tidak harus mengabaikan industri pembuatan yang sedia ada kerana ianya pada masa sekarang masih merupakan satu penyumbang ekonomi yang sangat penting di dunia barat. Ianya masih lagi dilihat, ini dapat dilihat apabila banyak produk yang berteknologi tinggi dan bernilai tinggi yang masih dihasilkan di negara mereka. Justeru itu, apa yang harus diberi penekanan ialah kita harus membangunkan industri pembuatan di Negeri

Selangor dan menekankan teknologi yang bernilai tinggi. Kerajaan juga harus menangani masalah kekurangan tanah kubur yang masih kritikal. Kerajaan harus mengarahkan *columbarium* untuk menjimatkan wang dan kos. Saya telah mengemukakan permohonan untuk membina *columbarium* daripada persatuan perkuburan Cina di Petaling Jaya ini tapi ianya masih belum diluluskan dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat membuat keputusan cepat dan memberi kelulusannya. Kerajaan juga perlu memastikan pemberian hak milik tanah dijalankan dengan cekap. Kes-kes seperti fail hilang masih berlaku sekali-skala dan pemohon sering kali diminta untuk mengemukakan semula permohonan mereka. Pejabat Tanah juga perlu menambah bilangan dan kualiti Pegawai Penempatan atau pun *Settlement Officer* atau pun nama singkatannya SO di Pejabat Tanah dan Daerah untuk meningkatkan prestasi PTD. Peranan SO adalah sangat penting dalam pembangunan negara khususnya dalam pentadbiran hal ehwal Dewan. Sebenarnya jawatan ini Puan Timbalan Speaker telah wujud lebih setahun, lebih seratus tahun yang lalu dengan kewujudan undang-undang tanah yang pertama diperkenalkan oleh penjajah Inggeris di Negeri-negeri Selat melalui *Land Code 1891* dengan diberikan garis panduan dan tugas-tugasnya sekali. Bukti jawatan ini diwujudkan sejak tahun 1891 dapat dilihat dengan adanya tandatangan *Settlement Officer* di dalam *Certificate Plan* yang disimpan di Jabatan Ukur. Peranan Pegawai-pegawai Penempatan ini adalah sangat penting untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam pembangunan negara. Dalam melaksanakan tugas harian yang semakin mencabar dan dalam era menuju ke teknologi maklumat peranan Pegawai Penempatan perlu diperkasakan lagi. SO bertanggung jawab untuk menyalurkan maklumat-maklumat yang terkini kepada pihak Pentadbir Tanah khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan status tanah. Maklumat ini adalah penting kerana dasar pembangunan yang dirancang pastinya memerlukan data yang terbaik dan kemas kini. SO juga mempunyai peranan merumuskan perancangan masa depan yang melibatkan tanah di dalam sebuah mukim dan daerah. Barang kali SO juga merupakan kakitangan di Pejabat Tanah yang paling hampir dan dekat dengan rakyat. SO juga bertanggung jawab untuk menyediakan peta tanah yang sentiasa kemas kini bagi memudahkan kerajaan menentukan program pembangunan sewajarnya dengan sejajar dengan dasar pembangunan. SO juga melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang mengikut kehendak Kanun Tanah Negara dan Akta-akta yang berkaitan. Di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara, SO juga bertanggungjawab menjalankan tugas penguatkuasaan bagi mengawal segala bentuk pencerobohan di atas tanah kerajaan dan tanah rizab. Bukan begitu sahaja. Ada lagi peranan SO hanya juga memastikan di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara, SO perlu memastikan dan mengawasi segala peralihan bahan batuan mengikut peraturan dan undang-undang supaya Kerajaan Negeri tidak kehilangan hasil. Kekurangan pengawalan pengalihan batuan ini akan menjejaskan hasil royalti kerajaan.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. begitu pentingnya peranan SO ini tetapi pada masa sekarang kebanyakan Pejabat Tanah dan Daerah menghadapi kekurangan pegawai-pegawai SO untuk menjalankan tugas yang semakin bertambah. Jadi saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya dalam belanjawan ini lebih banyak perhatian dan sumber diberi kepada PTD untuk melatih Pegawai-pegawai SO yang berkualiti. Saya rasa ini adalah sangat penting. Puan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang perubahan iklim. Saya kluatir dengan perubahan iklim yang berlaku secara global pada masa ini. Baru-baru ini ribut taufan *sandy* telah melanda benua Amerika Utara. Beijing juga dilanda ribut salji besar dalam sejarahnya. Dan di Selangor banjir sering kali berlaku dan ini telah mengancam hasil-hasil pertanian di kawasan di negeri kita. Ini telah menimbulkan kekhawatiran bahawa adakah akan berlaku krisis kekurangan makanan pada tahun 2013. Saya menyarankan supaya kerajaan bersiap sedia dan memastikan dalam segala kemungkinan yang boleh memastikan supaya Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) ini dapat mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi hasil-hasil tanaman kita daripada bencana-bencana ala ini. Kita tidak boleh membiarkan krisis kekurangan makanan ini berlaku di Malaysia dan di Selangor pada tahun depan dan kita perlu mengambil langkah berjaga-jaga. Tuan Puan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh sikit tentang perumahan dalam Journal Penang Monthly yang diterbitkan dalam bulan September 2012. Dipaparkan satu artikel berkenaan dengan isu perumahan yang telah menarik perhatian saya. Tajuk artikel ini ialah "*is sharing home ownership the way out for Penang*" dan penulis artikel ini En. Donald Lee membangkitkan kemungkinan kerajaan melaksanakan konsep perkongsian hakmilik rumah sebagai satu cara membolehkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah untuk memiliki rumah idaman mereka dengan kos yang lebih rendah. Konsep ini menyarankan agar hakmilik rumah berkenaan dikongsikan antara pembeli dengan *social housing provider* mengikut peratusan hakmilik rumah pembeli sama ada pada paras 25%, 50% ataupun 75%. Dengan ini pembeli tidak akan dibeban dengan bayaran *down payment*, bayaran faedah ataupun bayaran ansuran yang terlalu tinggi. Saya bertanya dan saya berharap kerajaan akan menjalankan satu kajian adakah model ini sesuai di Selangor? Saya berasa kita sewajarnya...kita harus memberi perhatian dan kajian yang sewajarnya terhadap konsep ini. Dan sebenarnya apa bentuk cara yang kita boleh guna untuk membantu golongan berpendapatan rendah khususnya golongan pemuda pemudi untuk membeli rumah idaman mereka ini haruslah diberi perhatian supaya kita boleh membantu mereka dalam merealisasikan impian mereka ini. Puan Timbalan Speaker, saya juga mengalu-alukan dasar kerajaan untuk membina rumah mampu milik kepada rakyat negeri Selangor. Kenyataan Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Senator Donald Lee Siang Chai baru-baru ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak membina rumah kos rendah dalam

masa lima tahun yang lepas adalah satu kenyataan yang cukup tidak bertanggungjawab. Flat kos rendah yang berkeluasan antara 600 hingga 700 kaki persegi yang dibina semasa zaman Barisan Nasional memang tidak sesuai lagi dengan saiz rumah tangga di Negeri Selangor. Kebanyakan penghuni-penghuni flat kos rendah ini adalah keluarga-keluarga peneroka Bandar. Mereka mempunyai antara 5 hingga 7 anggota keluarga. Dan flat yang mempunyai keluasan 600...700 kaki persegi ini adalah terlalu kecil untuk mereka. Biarpun begitu mengikut statistik yang saya dapat Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya telah berjaya menyiapkan 6,470 unit rumah kos rendah di Negeri Selangor antara tahun 2008 dan tahun 2012, bukannya kosong ya 6,470 dan rumah kos ini adalah rumah yang berharga 42,000 dan ke bawah. Selain itu terdapat 12,000 unit rumah kos rendah lagi yang sedang dibina manakala 9,900 unit rumah kos rendah lagi yang akan dibina tetapi belum lagi diberi kelulusan. Ini adalah statistik yang saya dapat. Pembinaan rumah mampu milik merupakan juga salah satu cara yang paling mudah untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah idaman mereka. Dan saya berharap PKNS dapat membina lebih banyak rumah sedemikian di kawasan-kawasan seperti di Petaling Jaya supaya kita dapat menjadikan kawasan seperti di Petaling Jaya sebuah kawasan yang ceria. Komuniti di kawasan Petaling Jaya ini semakin uzur dan kita mahu orang muda kembali untuk duduk dekat dengan orang tua mereka dan ini juga secara tidak langsung akan membangunkan ekonomi di kawasan Petaling Jaya ini juga. Selain daripada rumah mampu milik saya juga ingin menyentuh sedikit tentang *liveable city* dan memang Bandaraya Petaling Jaya sedang berusaha untuk menjadikan bandaraya ini sebagai satu Bandar *liveable city*. Cadangan pertama ialah kita perlu mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan menggalakkan penggunaan sistem lalu lintas pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan peribadi. Dari segi infrastruktur kita juga perlu menyediakan peruntukan untuk menghijaukan persekitaran di Bandar supaya pejalan kaki dan penunggang basikal tidak perlu berjemur di bawah matahari yang terik. PBT mempunyai belanjawan untuk menanam pokok setiap tahun. Tetapi kerajaan juga harus memastikan pokok-pokok ini betul-betul ditanam di tepi jalan dan bukan hanya ditumpukan di taman-taman sahaja supaya kita dapat membina satu kawasan yang teduh. Selain menubuhkan zon bersih dan zon hijau PBT harus menubuhkan mungkin zon basikal atau zon tanpa kereta.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kg. Tunku, masa sudah tamat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, jadi itulah Puan Timbalan Speaker saranan saya terhadap *liveable city* ini dan *point-point* saya yang seterusnya akan saya bangkitkan dalam peringkat jawatankuasa nanti. Sekian Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera salam satu Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker kerana membenarkan Taman Templer mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Selangor 2013 di Mesyuarat Ketiga Penggal ke Lima kali ini. Puan Timbalan Speaker saya amat terkejut dengan sokongan-sokongan yang diberikan oleh speaker-speaker ataupun ADUN-ADUN daripada pihak kerajaan kerana ini pandangan saya sebagai kerajaan yang memerintah inilah kali pertama lima tahun saya masuk ke dalam Dewan saya melihat satu bajet yang dibentangkan satu bajet yang begitu hampah, satu bajet yang begitu lemah satu bajet yang langsung tidak mengambil kira tentang pembangunan Kerajaan Negeri Selangor untuk masa depan. Saya mengatakan begitu kerana saya merasakan bahawa kita sebagai ahli dalam Dewan Rakyat ini, Dewan Negeri ini sepatutnya kita membincangkan perkara-perkara pokok yang akan memberi impak yang besar kepada pembangunan di Negeri Selangor. Tetapi nampaknya rata-rata kebanyakannya ahli Dewan Undangan Negeri daripada Kerajaan hanya datang untuk mengangkat bakul sendiri tetapi langsung tidak mengkritik tentang perkara-perkara yang sepatutnya dikritik untuk pentadbir urus baik Kerajaan Negeri. Puan Timbalan Speaker, ada beberapa isu yang saya pun tidak berhasrat untuk bercakap panjang tetapi saya ingin mengklasifikasikan ucapan saya kepada beberapa perkara yang mungkin secara tidak langsung berkaitan dengan bajet tetapi ada juga kaitan dengan bajet dan saya berharap Y.A.B. Menteri Besar sebagai seorang Pentadbir Negeri yang telah pun menguruskan negeri selama lima tahun mengambil kira perkara-perkara yang menjadi masalah besar khususnya di kawasan saya di DUN Taman Templer. Hari ini kalau kita melihat di surat khabar STAR muka pertama (*front page*) kita melihat ada beberapa perkara yang telah pun ditulis tentang “perogolan” minta maaf saya menggunakan ayat tersebut, “perogolan tanah” yang berlaku secara berleluasa di kawasan Taman Templer. Saya merasa amat sedih kerana perkara ini sebagai ADUN yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat di Taman Templer saya telah ajukan perkara ini dalam sidang dewan beberapa tahun dan juga telah pun mengambil perkara ini ke perhatian Y.B. Exco Bukit Lanjan yang sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan isu ini. Bermulanya dengan kolam air panas di Selayang di mana sepatutnya pembangunan kondominium di kawasan tersebut tidak dibenarkan langsung. Maka Y.B. Bukit Lanjan telah pun menulis surat kepada saya mengatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tegas dan akan memberhentikan projek tersebut dengan serta-merta. Tetapi sayangnya hari ini nampak projek itu telah pun hampir siap dan langsung tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Ini juga ada berkaitan dengan beberapa projek yang sedang berleluasa kalau kita lihat juga dalam surat khabar minta maaf dengan izin, kita melihat tajuk “*Templer Park Under Threat*”. Kita tahu Templer Park adalah satu kawasan peranginan ataupun khazanah negeri Selangor yang perlu kita

bela ataupun perlu kita pelihara untuk generasi akan datang. Tetapi sayangnya hari ini kita nampak bahawa Kerajaan Negeri yang kononnya dulu sebelum mengambil alih kepimpinan negeri telah pun mengatakan bahawa kawasan ini ataupun mana-mana kawasan hijau akan dipelihara dengan baiknya tetapi kita nampak hari ini projek-projek yang berkaitan ataupun projek-projek yang ada kaitan dengan tempat-tempat hijau ataupun *green reserve* dengan tanah-tanah rizab masih lagi diterokai dan rumah-rumah berharga mahal ya... bukan mampu milik ataupun bukan harga murah tetapi rumah-rumah yang cukup tinggi nilainya sehinggakan mencecah ke RM3, 4 juta masih lagi diteruskan. Saya amat sedih apabila saya juga membaca kenyataan akhbar di mana telah ditulis oleh *reporter* nya, Nicholas Cheng dan Noel Foo yang mengatakan bahawa nampaknya ada kontradiksi pandangan dan pendapat di antara pegawai yang dipertanggungjawabkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) iaitu saudara Mohd Zain ya....Council Corporate Director Mohd Zain Masood yang mengatakan bahawa tentang tanah yang diberikan kepada Brass Sanctuary Properties Sdn Bhd yang ditukarkan milik kepada Shining Crest Sdn Bhd adalah mengikut lunas-lunas ataupun landasan yang benar di mana beliau, *Code In accordance with the guidelines of hill side and highland area development planning and the Selangor Planning Standard and guidelines manual the development of class three slope build terrace houses and semi-Ds can be considered* Tetapi kemudiannya apabila pihak surat khabar telah menanya kepada Exco yang bertanggungjawab iaitu Exco Bukit Lanjan maka beliau sendiri terkejut dan beliau mengatakan bahawa *no development other than National infrastructure project may be carried out on class three and four hills....*” Ini adalah satu percanggahan yang amat ketara dan saya berharap Y.A.B. Menteri Besar perlu mengambil tindakan segera kerana saya risau dan khuatir bahawa tanah-tanah yang berada di kawasan Templer Park ini akan habis begitu sahaja dan mereka yang boleh duduk di situ hanyalah orang-orang kaya dan bukan seperti mana yang diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri di mana rumah-rumah mampu milik yang lebih banyak akan dibina untuk rakyat negeri Selangor. Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin masih lagi berbincang ataupun bercakap tentang rumah mampu bilik. Kini rumah merupakan satu keperluan bukan pilihan dalam kehidupan. Rumah diperlukan untuk kegunaan keluarga kecil mahupun keluarga besar sebagai tempat perlindungan, berehat dan membesarkan anak-anak. Oleh itu setiap individu perlu memiliki rumah sendiri. Namun begitu bukan semua orang mampu untuk memiliki rumah disebabkan kos dan harga rumah yang terus melonjak. Kenaikan harga rumah ini disebabkan peningkatan kos harga membeli tanah dan kos membeli bahan pembinaan rumah seperti simen dan besi. Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin dengan isu pemilikan rumah ini dan sentiasa merancang untuk membolehkan sekurang-kurangnya setiap seorang ketua isi rumah berupaya memiliki rumah sendiri. Sebagai sebuah kerajaan cakna rakyat dan sentiasa peka dan mengambil berat denyut nadi rakyat Selangor harus belajar dan menghayati bajet 2013, kasih-sayang yang dibentang di Parlimen pada September

2012 kerajaan Barisan Nasional. Menerusi bajet ini peruntukkan sejumlah RM543 juta bagi membina 20,454 unit perumahan rakyat berharga RM30,000.00 ke RM40,000.00 setiap satu. Syarikat Perumahan Negara Berhad pula telah diberi tanggungjawab bagi membina 21,000 unit rumah mesra rakyat dan dijual dengan harga RM45,000.00 setiap satu unit. Namun begitu lain halnya di negeri Selangor. Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sememangnya terkenal sebagai saudagar janji sejak mengambil alih Pentadbiran Kerajaan Negeri pada 2008. Pakatan Rakyat yang mendakwa kononnya sebuah kerajaan yang berkeadilan, Pakatan Rakyat yang akan membela nasib golongan bawahan dan pertengahan dengan membina lebih banyak rumah bagi membolehkan ketua isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah. Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat hanya bersikap sambil lewa dan tidak serius dalam membela masa depan golongan berpendapatan rendah dan pertengahan untuk memiliki rumah sendiri. Di Selangor bilangan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebagaimana yang dijanjikan dalam pilihan raya ke 12 Tahun 2008 masih banyak yang belum dibina, malah Kerajaan Pakatan Rakyat yang mentadbir Negeri Selangor kini terus berdolak-dalih dan berusaha mengelirukan rakyat Selangor tentang isu rumah mampu milik dengan angka-angka yang sangat mempesonakan dari Tahun 2008 ke 2012, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak membina rumah kos rendah berharga RM42,000.00 ke bawah setiap unit di Daerah Kuala Langat, Hulu Selangor dan Sabak Bernam, selain itu di Hulu Selangor dan Sabak Bernam juga tidak ada pembinaan rumah kos sederhana dan sederhana rendah yang berharga RM100,000.00 setiap unit, begitu juga dengan Daerah Klang yang dikatakan telah diberi kelulusan untuk membina 5,059 unit rumah kos rendah tetapi hingga kini masih belum ada tanda-tanda rumah kos rendah ini akan dibina.

Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor cukup mengelirukan rakyat Selangor apabila membekalkan statistik atau angka yang tidak konsisten dalam Sidang DUN pada Mac, April 2012 yang lalu EXCO Perumahan yang bertanggungjawab telah menyatakan bahawa di Daerah Petaling misalnya sebanyak 550 buah rumah kos rendah yang berharga RM42,000.00 ribu seunit masih belum dibina. Di Daerah Gombak pula sebanyak 694 unit rumah kos rendah dalam pembinaan dan 779 unit jenis rumah yang sama belum dibina. Namun begitu, satu pengisytiharan angka-angka yang sangat tidak konsisten dalam akhbar-akhbar misalnya di Sinar Harian pada 30 Oktober 2012 telah dilakukan oleh EXCO yang sama, EXCO Perumahan menyatakan sejumlah 1,696 unit rumah kos rendah telah dibina dan disiapkan di Daerah Petaling dari Tahun 2008 ke 2012. Begitu juga dengan Daerah Gombak yang dinyatakan sejumlah 2,193 unit kos rendah telah dibina dari Tahun 2008 ke 2012. Bagaimana dalam tempoh enam (6) bulan dari April ke Oktober 2012 tiba-tiba terbina 1,696 rumah kos rendah di Daerah Petaling dan 2,193 unit rumah dibina di

Daerah Gombak. Dalam Dewan Undangan Negeri cakap lain dalam surat khabar cakap lain.

Puan Timbalan Speaker, baik apa juga angka yang di utara saya berharap dua (2) persoalan berikut menyusul Data Jumlah Rumah Yang Dibina mengikut Daerah ini tidak menunjukkan di manakah lokasi-lokasi pembinaan rumah tersebut. Saya menggesa Kerajaan Negeri memberitahu ataupun memaklumkan pada Dewan yang mulia ini lokasi setiap projek perumahan yang telah dibina satu persatu. Saya mahu setiap rakyat Selangor mengikut Daerah, semak dan tinjau-tinjau projek rumah di lokasi berkenaan betulkah wujud? Saya sangsi sama ada benarkah projek perumahan inisiatif seratus peratus Kerajaan Pakatan ataupun Kerajaan BN kah? Iaitu projek dimulakan dari kebenaran merancang sehinggalah arahan pembangunan dan siap adalah sewaktu kerajaan Pakatan bermula 2008 hingga ke sekarang, atau projek sebenarnya bermula waktu zaman Barisan Nasional, tetapi hanya disudahkan di sudah siap waktu Kerajaan Pakatan Rakyat. Jika betul, "*lembu punya susu sapi dapat nama*". Kesangsian ini timbul bukan mudah untuk dibina, kesangsian ini timbul kerana bukan mudah untuk dibina rumah. Paling pantas memerlukan dua (2) tahun melibatkan kebenaran merancang, kelulusan PBT, pihak bank, urusan pelbagai Jabatan Teknikal dan sebagainya termasuk pembinaan itu sendiri. Inilah sandiwara dan lakonan Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor yang terus berdolak-dalih dalam isu pembinaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Negeri Selangor.

Puan Timbalan Speaker, bagi saya yang baik kita baikkkan, yang buruk kita kena tegur, bagi saya beberapa projek yang telah pun diusahakan oleh Kerajaan Negeri khususnya oleh EXCO Perumahan memang saya mengaku ada beberapa projek yang beliau telah usahakan untuk dibina dengan segera tetapi apabila rumah dibina tetapi namanya rumah mampu milik tetapi harganya melonjak daripada RM42,000.00 ke RM99,000.00 dengan termasuknya kos infra maka harga menjadi RM115,000.00, ini bukan rumah mampu milik, ini berlaku di kawasan saya sendiri di kawasan Bukit Botak, bukan sahaja begitu tetapi kos infra juga dikenakan supaya rakyat yang miskin perlu dibayar, salah satu contoh yang terbaru adalah kos premium yang dinaikkan di kawasan Kampung Bendahara, Selayang, di mana pada masa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, penduduk di situ yang melibatkan hampir seribu lebih rumah hanya dimohon supaya membayar RM1.00 sekaki persegi premium tetapi hari ini beberapa bulan yang lepas Kerajaan Pakatan Rakyat telah pun mengeluarkan satu arahan baru supaya semua penduduk di situ perlu membayar RM9.00 sekaki persegi. Walhal, masa RM1.00 pun orang tak mampu bayar macam mana penduduk-penduduk ini akan mampu bayar bila harga telah pun dinaikkan ke RM9.00 dan ditambah pula dengan kos infra di mana setiap penduduk di situ terpaksa membayar hampir RM7,000.00.

Jadi bagi saya tuan-tuan dan puan-puan, apabila dalam Dewan yang mulia ini, selalunya kita kedengaran bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, selalu menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang ditadbir oleh beliau ini sebagai kononnya seorang Ahli Korporat mempunyai rizab yang begitu banyak sehinggakan RM2 bilion, bagus, elok, tetapi kita semua tahu di mana datangnya dan macam mana datangnya rizab ini kerana kita pun kalau jual tanah dengan korek lombong, korek pasir, mesti bukan sahaja RM2 bilion, RM3 bilion pun banyak kita boleh simpan tetapi yang pentingnya bagi saya, apabila dalam Bajet yang dibentangkan Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, telah menyatakan bahawa RM500,000.00 akan diguna pakai untuk membuat beberapa perkara yang penting sebelum Pilihan raya ataupun untuk kebaikan rakyat contohnya RM300 juta untuk pembinaan Jambatan di Klang.

Bagi saya, tuan-tuan/puan-puan, kita jangan dengan izin *divide* daripada *our main cost* ataupun *purpose* yang sebenar iaitu untuk membantu rakyat, duit yang ada yang berbilion itu sepatutnya jangan kita mentadbir negeri sebagai Korporat, kita perlu gunakan duit itu untuk kebaikan rakyat, contohnya penduduk di Kampung Bendahara, yang tidak mampu untuk membayar premium RM1.00, walhal dikenakan RM9.00 pada hari ini perlu dibantu, kemudian harga rumah di Bukit Botak yang telah melonjak daripada RM42,000.00 ke RM99,000.00, walaupun kononnya dikatakan itu adalah harga pasaran yang sepatutnya boleh mampu atau perlu dibayar oleh rakyat tapi saya rasa ini bukan matlamatnya, sepatutnya duit ini diguna pakai dengan sebaiknya

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Caves, ingin mencelah.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Boleh, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan, Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Ok, Templer, saya rasa Templer masih lagi mengulang-ulang kes Bukit Botak, saya rasa Bukit Botak sangat jelas, walaupun harganya RM99,000.00 pihak yang terlibat boleh menyerahkan balik rumah tersebut kepada Kerajaan Negeri dan pihak terbabit akan menerima lebih daripada nilai RM42,000.00 daripada tawaran Kerajaan Barisan Nasional, di mana PKNS akan membayar kepada mereka RM70,000.00 dan mereka boleh membeli lebih daripada sebuah rumah RM42,000.00, sebagaimana dijanjikan oleh Barisan Nasional. Soalan saya, nampaknya Templer masih tidak faham isu ini walaupun telah banyak kali kita jelaskan

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Tak per. Terima Kasih ADUN Batu Caves, sebenarnya ADUN Batu Caves, walaupun ADUN Batu Caves menuduh saya ini

tidak faham, tak per tak faham tapi asalkan rakyat di tempat saya mendapat perkhidmatan terbaik, biarlah sepuluh tahun pun kalau saya terpaksa mengulangi perkara sama untuk kebaikan rakyat saya akan teruskan, tetapi yang pentingnya minta maaf, ADUN Batu Caves, elok perjuangkan untuk Kondominium yang dibuat di Batu Caves itu lagi penting ya, lepas ini bincang pasal itu. Saya ingat lepas ni saya nak menyokong juga, nampaknya ADUN Batu Caves mengganggu saya pula.

Tapi tuan-tuan/puan-puan, Puan Timbalan Speaker, yang dihormati, saya ingin mengambil kesempatan inilah, supaya berbalik ini dah lari dari topik, saya pun dah keliru dah pasal diganggu oleh ADUN Batu Caves, ya, tapi apa pun saya mohonlah kalau boleh biarlah rizab yang ada itu diguna pakai dengan sebaik-baiknya. Hari ini satu masalah besar yang kita hadapi di Selangor, walaupun dikatakan ulang tapi saya terpaksa ulang kerana dengan longgoknya sampahnya, dengan masalah pokok-pokok tidak dipotonglah, longkang yang tersumbatlah, saya berharap agar duit ini diguna pakai dengan sebaik-baiknya, jangan kita fikir untuk membina Jambatan dan sebagainya hanya untuk mengaburi mata rakyat, biarlah perkara yang pokok yang telah pun dijanjikan dulu dibuat supaya rakyat akan menyokong sayalah, jangan tak...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta mencela, saya nak tanya sikit penjelasan, soal penyelesaian masalah rakyat, saya memang setuju perkara yang penting kita perlu disegerakan untuk kesejahteraan rakyat termasuk di Templer pun saya setuju. Walau bagaimanapun, saya tidak setuju dengan Berhormat Templer, tentang pembinaan Jambatan Klang ini tak perlu disegerakan dan ataupun tak penting seperti apa yang dinyatakan tadi itu, itu tidak penting, yang paling penting adalah hanya sampah sahaja.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Bukan tak penting, penting tetapi duit dah ada sampai RM2 bilion lebih tu belanjalah simpan untuk apa, takut simpan untuk Pilihan raya kot, rasa-rasa gitulah ya.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan ini kepada satu isu yang telah pun digembar-gemburkan oleh EXCO Pandamaran ya, di mana baru-baru ini apabila, apa ni.. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, telah pun diambil tindakan untuk dipindah dalam 24 jam, maka EXCO tanpa membuat kajian telah pun menuduh bahawasanya ini adalah angkara Kerajaan Barisan Nasional. Saya nak semua Pegawai Kerajaan dan semua Ahli Dewan yang ada di sini tahu bahawasanya Ketua Setiausaha Negara sendiri telah pun mengeluarkan satu kenyataan dalam Surat Khabar Sinar di mana pada 16 November 2012, di mana beliau sendiri telah pun menyatakan bahawa sebenarnya yang telah pohon untuk ditukarkan YDP Majlis Perbandaran Selayang iaitu dengan oleh dipohon oleh Yang Amat Berhormat Menteri

Besar, sendiri pada satu surat yang bertarikh 15 Oktober, bagi memohon pertukaran YDP.

Jadi bagi saya, janganlah kita selalunya menuduh Kerajaan Barisan Nasional yang menukarkan kononnya zalim dan sebagainya dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun, kalau tidak silap saya telah pun mengeluarkan tidak silap saya, setujulah bahawa perpindahan itu telah pun dipohon oleh beliau sendiri. Jadi pendek cerita, saya pun meringkaskan ucapan saya, saya mohonlah bahawasanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam kita mentadbir negeri, saya mohonlah kesimpulan, perkara-perkara yang telah saya ajukan khususnya tentang pencerobohan dan perogolan tanah di Taman Templer itu dilihat serius dan perlu satu tindakan diambil. Terima Kasih, saya tidak menyokong Bajet.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Masa Sudah Sampai, Terima Kasih, Taman Templer. Terima Kasih. Tiada.... Pembangkang.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ha., Puan Timbalan Speaker, saya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima Kasih. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Terima Kasih kepada Ahli Dewan sekalian, saya ingin memfokuskan perbahasan pada isu Industri Air di Selangor pada dua (2) kenyataan utama, kegagalan Kerajaan Negeri Pakatan Selangor menguruskan tadbir air dengan berkesan, cekap, profesional serta mampan akibat keegoan dan sikap mahu berpolemik serta berpolitik, berpolitik mereka.

Kenyataan satu(1), Kerajaan Negeri lebih minat berpolitik bermain dengan sentimen rakyat daripada menyelesaikan kemelut Industri Air Selangor secara berkesan demi menarik perhatian dan simpati rakyat Selangor. Pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor adalah tidak efisien, tidak efektif dan tidak profesional dalam menyelesaikan masalah Industri Air Selangor. Justeru, Kerajaan ini, mesti ditukar... dengan Kerajaan Barisan Nasional, yang terbukti telah mengurus dengan baik sejak 50 tahun dulu. Sikap hanya berpolitik Kerajaan Negeri jelas ketara :-

1. Gagal menyelesaikan penstrukturan Industri Air di Selangor, walaupun sudah hampir 5 tahun memerintah dengan pelannya mahu mengambil air mengambil alih Syarikat Operator Air. Ini membuktikan pakatan sebuah Kerajaan Negeri yang lemah, tidak konsisten dan gagal bekerjasama baik dengan Kerajaan Persekutuan, maka Kerajaan Negeri yang tidak berbaik dengan Kerajaan Persekutuan ini wajib kita tukar....

pada PRU yang ke 13 ini. Hakikatnya, Kerajaan Negeri gagal membeli syarikat-syarikat tersebut pada harga yang munasabah bersama dengan liabilitinya. Difahamkan harga tawaran Kerajaan Negeri adalah lebih rendah daripada nilai saham syarikat bersekali dengan liabiliti serta tanggungan *loan* yang mereka ada. Gagal menyokong dan sama-sama membangunkan Projek Empangan dan Loji Rawatan Air Langat 2 setelah projek penyaluran air dari Pahang hampir selesai. Kerajaan Negeri gagal memberikan kebenaran merancang dan perintah pembangunan untuk projek ini dan mencipta berbagai-bagai alasan tidak munasabah untuk tidak menidakkan projek berbilion ringgit yang pun berjalan. Sekali lagi membuktikan Pakatan sebuah Kerajaan Negeri yang lemah tidak konsisten dan gagal bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan wajib kita tukar ke PRU yang ke-13 ini. Strategiknya mahu memperlihatkan seolah-olah Kerajaan Persekutuan membazir dan mengamalkan kroni untuk memberikan tender. Hakikatnya projek penyaluran air dari Pahang dan Empangan Loji Langat 2 paling sesuai adalah berjangka panjang hasil kajian mendalam daripada berbagai-bagai cadangan Kerajaan Negeri yang sebenarnya yang telah diambil kira oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Cadangan lucu hendak guna air lombong, air bawah tanah, air Sg Klang, air daripada Empangan Kenyir dan lain-lain. Terbaru bila Kerajaan Negeri bahawa air banyak di Empangan-empangan Selangor mereka lupa bahawa air ini adalah air mentah bukan air terawat. Kita perlu air terawat mencukupi projek, kita perlukan air terawat mencukupi. Projek penyaluran air dari Pahang Empangan Loji Langat 2 menyelesaikan 2 perkara pokok sekali ia gus memastikan bekalan air mentah dan air terawat yang mencukupi untuk jangka panjang 10 hingga 20 tahun yang akan datang bukan sekadar 2 hingga 3 tahun sebab Pilihan Raya seperti yang di fikir oleh pihak Pakatan. Kini timbul pula Teknologi Mambrene untuk rawatan air mentah satu lagi karisma jangka pendek untuk menaburi fikiran rakyat semata-mata. Projek Penyaluran Loji Langat 2 yang bernilai RM4 bilion berjangka panjang untuk penyelesaian air Selangor Lembah Kelang dan Putrajaya iaitu nadi Malaysia untuk 10 hingga 20 tahun. Jadi di mana membazirnya Tender Empangan Loji dan rawatan air Langat 2 yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan dibuat secara terbuka dan telus. Kerajaan Negeri juga boleh masuk di mana isu kroninya. Bertindak secara tidak bijak memaksa iaitu kononnya penyelesaian air Selangor formula Kerajaan Negeri secara holistik yang mepakejkan penyelesaian pensektoran industri air dengan pengambilalihan syarikat-syarikat operator bersekali dengan pembangunan empangan loji dan 2 iaitu dengan memberi kebenaran merancang dan membangun Kerajaan Persekutuan dan rakyat Selangor keseluruhannya diugut secara halus selagi struktur tidak boleh diberi kebenaran bina Langat 2. Selagi Kerajaan Persekutuan tidak paksa operator air menjual syarikat pada harga yang mereka mahu tidak boleh diberi kebenaran bina Langat 2. Ini ugutan alah samseng sedangkan keduanya adalah perkara berbeza yang boleh diselesaikan satu persatu. Strategiknya untuk berpolitik dan mengaburi mata

rakyat agar bersimpati. Bertindak membawa isu air ini kepada rakyat secara langsung untuk meraih simpati diadakan memorandum, diadakan demokrasi besar di Istana Negara untuk serah memorandum kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan kemudian dipasang *billboard* besar kononnya hak percuma hak air percuma akan dirampas. Semua ini hanya gimik-gimik politik semata-mata. Pada hikmat saya punca utama kelemahan ketidakupayaan Kerajaan Negeri menyelesaikan isu-isu industri air Selangor secara konfeti kerana ramai penasihat yang hanya minat berpolitik daripada penasihat yang ikhlas dan jujur. Mereka lupa penasihat mereka ini suka membuang air merata-rata. Agaknya isterinya tidak ingatkan dia kencing balik rumah agaknya. 2 analogi loji mudah untuk memahami isu-isu pokok dalam penyaluran air Pahang dalam pembinaan projek Langat 2.

2. Kita memerlukan beras bukannya padi untuk dimasak dan dimakan. Beras adalah air terawat padi adalah air mentah. Kilang padi adalah loji rawatan air Kerajaan Negeri kata air banyak di empangan tetapi mereka lupa itu air mentah bukan air terawat. Kapasiti rawatan air mentah Selangor sudah maksimum maka bekalan air mudah untuk mengalami gangguan dan tiada jaminan bekalan lancar dan mencukupi di masa akan datang. Jika Kerajaan Negeri kata air mentah boleh silalah kita minta pihak SYABAS mulakan bekal air mentah terus dari empangan ke rumah Dato' Menteri Besar dan Barisan EXCO-EXCO dahulu. Kalau air lombong boleh silalah Menteri Besar gunakan lombong buat sementara waktu.

3. Kapasiti peralatan bekalan air sekarang di ibarat kereta api di Indonesia dan India yang sarat dengan penumpang sehinggalah melimpah keluar hingga ke atas bumbung kerana tidak cukup gerabak. Air mentah itu penumpang di bumbung air terawat itu penumpang dalam gerabak. Manakala gerabak adalah loji rawatan air nyata kita tidak cukup gerabak. Iaitu loji untuk merawat air mentah. Maka itu kita memerlukan bekalan air mentah yang benar-benar banyak dan mencukupi dan loji rawatan air yang berupaya tinggi jika Kerajaan Negeri tidak apa ok air terawat beri kepada rakyat dahulu air mentah bagi mereka dahulu.

Puan Timbalan Speaker. Kenyataan Menteri Besar juga menyebut air mentah dari tasik dan bekas lombong 17 buah termasuk di belakang rumah saya. Hakikatnya satu sumber ini tidak sesuai kerana keupayaan pengisian isi padunya rendah pengisian semula isi padunya rendah. Jumlah isi padu 17 tasik ataupun lombong 39 juta meter padu iaitu bersamaan 9 hingga 10 hari penggunaan di Kuala Lumpur. Selangor dan Putrajaya iaitu sekitar 4.3 juta meter padu sehari. Beberapa pakar tempatan kita pakai pakar tempatan saja. Ya Ijok kita tidak pakai luar negara kita menghormati pakar-pakar tempatan saya tidak tahulah Ijok ambil pakar mana saya harap saya tengok dalam kertas cadangan dalam pensektoran yang dibuat setengah kilo pakar-pakar mana yang

tidak dinyatakan saya belum sampai ke situ agaknya. Setakat ini saya tidak jumpa pakar mana yang diambil buat rujukan. Beberapa pakar tempatan merumuskan keperluan secara mendalam dan menyeluruh dilakukan terlebih dahulu di antaranya:

1. Ketua Pusat Penyelidikan Alam Sekitar UITM Prof Dr. Ku Halim Ku Hamid berkata kandungan air lombong mempunyai banyak logam berat dan ia boleh memberi kesan tidak baik kepada kesihatan pengguna jika ia tidak dirawat dengan betul. Beliau menambah jika jumlah air lombong semakin berkurangan kandungan bahan logam berat di dalam air tersebut akan bertambah dan ia pasti akan membahayakan pengguna. Ketika musim hujan mungkin tidak timbul masalah tetapi apa akan berlaku jika musim kemarau hujan yang tidak kerap.
2. Seorang lagi pakar tempatan *Fellow* utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia Dr. Ibrahim Komo merumuskan sebelum langkah penggunaan air lombong ambil kualiti air tersebut harus dipastikan menepati tahap piawaian yang selamat untuk digunakan. Bagi memastikan kualiti air terjamin selamat digunakan. Kerajaan setiap peringkat berbeza perlu dilakukan terlebih dahulu.
3. Kita sendiri secara logiknya bolehlah menilai lombong yang terbuka, terdedah airnya tidak bergerak dan sentiasa menerima serta mengumpul aliran air masuk sewaktu hujan yang menghimpunkan berbagai-bagai kotoran dan logam berat termasuk arsenik yang memudaratkan anggota manusia. Yang terbaru akibat ditekan isu air terawat timbul pula perawatan menggunakan Teknologi Tapisan Membran. Dikatakan kosnya rendah sekitar RM800 juta beria-ria Dato' Menteri Besar datang di Bandar Batang Kali menyatakan RM800 juta berbanding Langat 2 yang dikatakan mencecah RM3 bilion nyata ia tidak sesuai. Pertama bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran ini kerjanya menjaga air, menjaga ayo kata orang Perak menjaga air dia tahu memang pakar kita mesti hormat orang pakar-pakar, pakar-pakar seperti ini kaedah pakatan air membran lebih tinggi kosnya berbanding dengan binaan loji rawatan air Langat 2 untuk jangka panjang ini berikutan pengguna kuasa elektrik dan pembakaran gesel bagi meningkatkan tekanan air pam untuk tujuan penapisan. Kaedah ini bukannya sesuai untuk mengatasi kekurangan bekalan air bersih pada waktu tertentu sahaja. Yang kedua Dr. Ahmad Zaharuddin Zanis Zabir seorang pakar pengurusan air dilaporkan berkata kaedah merawat air loji membran tidak sesuai untuk kegunaan isi rumah kerana sistem ini merupakan kaedah penapisan air sisa air industri atau air kumbahan sebelum dilepaskan ke dalam sistem air yang

sedia ada. Dan seorang lagi bekas Pengarah dalam perkhidmatan air mengatakan Teknologi MEMBRAN tidak berbaloi dengan harga 20 juta kita hanya mampu mengeluarkan air terawat sebanyak 1 juta liter sehari atau dalam terminologi pengeluaran air 1 juta perhari. Dengan kos loji 2/3 bilion boleh keluarkan 1,300,000.00 leter sehari atau 1.3 bilion leter sehari mana untung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Silakan

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kg Tunku mencelah

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya ingin menanyakan Y.B. dari Batang Kali adakah Y.B. Batang Kali pernah membaca *Jurnal* mengenai Teknologi Membrane ini. Atau pun Y.B. Batang Kali hanya mengambil apa yang dinyatakan pakar-pakar itu kerana saya sangsi kenyataan itu mungkin berdasarkan Teknologi Membran mungkin 5 atau 6 tahun yang lalu, Sedangkan teknologi ini sebenarnya mengalami perubahan begitu rancak dalam tahun-tahun kebelakangan ini di mana kos itu sebenarnya dapat dikurangkan dengan banyak bermula berbanding dengan ia mula-mula diperkenalkannya. Saya rasa perkara ini perlu mendapat penjelasan daripada Y.B. Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Bukit Tunku. Mungkin Bukit Tunku

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kg Tunku

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Kg Tunku...Kg Tunku ya. Mungkin Kg Tunku ada dalam bacaan. Y.B. saya mengucapkan terima kasih boleh memberi maklumat kepada saya supaya saya boleh *confirm* maklumat yang ada kepada saya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kerana tapi.....

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Sudahlah Puan Speaker saya tidak benarkan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kerana loji ini telah digunakan untuk menghasilkan air minuman biasa

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ok..ok saya setuju

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Di negara-negara Arab dan negara Singapura

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya setuju. Puan Speaker saya tidak saya dah bahas

TIMBALAN SPEAKER: Kg Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya ingin bertanya

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ok..ok tadi dah bahaskan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya bertanya sama ada Y.B. tahu atau tidak

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya minta Yang Berhormat bagi kat saya dan kita boleh bagi juga dekat MB agaknya supaya ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tempat-tempat yang kena ada.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Lebih memburukkan projek penggantian paip melalui inisiatif *care pack* SYABAS dibekukan oleh SPAN atas desakan Kerajaan Negeri bermula Julai 2008 kerana SYABAS didakwa menggunakan paip diimport kerana ini isu NRW tidak dapat diatasi. Akibat daripada kegagalan penyelesaian struktur air ini dan pembinaan projek Langat 2 yang masih samar-samar kita sudah mula merasa kesannya. Pertama, telah mula berlaku gangguan bekalan air terutama waktu puncak. Ini bukan lagi cubaan tapi betul-betul terjadi. Mengikut data kadar pengeluaran air maksimum ialah 4,371 juta liter padu sehari. Bermula bulan Mei 2012 kadar permintaan harian sudah mencecah tahap tersebut kadar permintaan malah melebihi 4,400 juta liter padu sehari pada bulan Jun hingga Julai tahun 2012. Data menunjukkan bilangan air boleh diagih pada 2011, 4,326 juta liter padu sedangkan permintaan 4,143 juta lebih simpanan 183 juta iaitu 4,42%. Unjuran tahun 2012, 4,371 juta liter padu sehari permintaan air 4,310 juta lebih simpanan sebanyak 61, lebih 1.41%. Unjuran tahun 2013, 4,431 juta liter padu diperlukan sehari, permintaan air 4,427 juta sehari, lebih simpanan 0.10%. Unjuran tahun 2014, 4,431 juta liter padu, permintaan air 4,569 juta liter sehari, lebih simpanan -3.03%. Data-data amat mengerikan dan kita berada dalam keadaan mudah untuk menghadapi krisis air pada

bila-bila masa. Bila mana berlaku sahaja lebih permintaan sewaktu musim puncak misalnya seperti perayaan, berlaku henti tugas di loji-loji air dan sebagainya, apatah lagi simpanan bekalan air kurang 10% dari yang sepatutnya untuk menampung keperluan yang mendesak. Kita dapat lihat pada awal Januari misalnya gangguan melibatkan 2.2 juta penduduk yang meliputi empat kawasan; Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Kuala Lumpur, Kuala Langat, ekoran dari itu dua buah loji di Sungai Langat dan Sungai Semenyih dipaksa untuk beroperasi melebihi kapasiti sebenarnya yang sepatutnya. Jika ini berterusan ia pasti akan mengundang masalah yang lebih buruk lagi jika loji-loji ini gagal beroperasi sepenuhnya, ibarat kereta jika ditekan minyak berlebihan daripada kapasiti asal kereta alamatnya tidak lama lah hayat kereta tersebut. Gangguan air bekalan air di Lembah Klang berlaku pada bulan Mac. Berjuta rakyat Selangor menghadapi kesengsaraan daripada gangguan bekalan air. Sumber-sumber Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menyatakan kebenaran terpaksa diberi kepada Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd (SPLASH) melakukan penyelenggaraan utama walaupun ia akan menjejaskan bekalan air kepada kira-kira sejuta penduduk Lembah Kelang pada 14 dan 15 Mac lalu. Kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah penggantian beberapa jenis injap dan memakan masa selama 12 jam untuk siap bagi mengelak loji rawatan air Sungai Selangor fasa 1 mengalami kerosakan serius. Tempoh masa untuk mengoperasikan loji tersebut termasuklah membekalkan air terawat pada pengguna akan mengambil masa kira-kira 24 jam lagi selepas loji di selenggara sehinggalah keadaan pulih sepenuhnya. Ini bermakna sekurang-kurangnya hampir 36 jam tempoh diperlukan sebelum bekalan kembali pulih. Hakikatnya kekurangan rizab kapasiti bekalan air dan kadar permintaan yang tinggi menyebabkan tempoh pemulihan dan pembekalan air mengambil sedikit masa.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Masa sudah tamat. Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tak boleh ansur sedikit lagi?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu saat sahaja.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Satu minit, satu minit Pengerusi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak boleh.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: A kibat bekalan air yang tidak mencukupi dikatakan terdapat 179 orang yang dilulus Lembaga Kelulusan Malaysia tetapi tidak boleh *take off*. Terima kasih Puan Pengerusi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya perlu minta Batang Kali berhenti. Terima kasih kerana mematuhi peraturan. Kota Alam Shah silakan.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya juga ingin turut serta dalam perbahasan perbelanjaan 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Memandangkan saya hanya mempunyai 20 minit, saya terus kepada isu yang ingin saya bahaskan pada hari ini ialah, pertama, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana telah memperuntukkan RM300 juta untuk membina jambatan baru di Kelang. Ramai penduduk Kota Alam Shah menderita mengalami berbagai-bagai kesusahan untuk pergi ke tempat kerja, untuk balik ke rumah untuk berehat dan sebagainya sebab kesesakan jalan raya di kedua-dua jambatan yang ada sekarang. Tapi memandangkan ada jambatan yang baru satu masalah besar telah pun di atasi dan saya harap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan segera melaksanakan projek jambatan yang ketiga ini secepat mungkin.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Saya nak bertanya sahaja, apa begitu mengagumkan kerana bina sebuah jambatan? Adakah zaman Barisan Nasional tak pernah bina jambatan di Kelang?

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Janji,janji untuk memancing undi pada tahun 2008 untuk menawan Kelang tapi tidak berjaya. Tapi sehingga ke hari ini Barisan Nasional tidak membina jambatan, jambatan yang mereka sedang bina pun mengambil masa yang begitu lama, satu *flyover* mengambil masa hampir-hampir 2 tahun untuk disiapkan. Tapi sekarang saya cukup berterima kasih kepada Menteri Besar kita, saya harap Dato' Menteri Besar kita akan terus menjadi Menteri Besar pada penggal yang hadapan dan berterusan. Saya harap Ahli-ahli daripada Barisan Nasional jangan mimpi untuk mengambil jawatan Datuk Menteri Besar yang dijabat oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalid Ibrahim. Cukup bagus. Saya juga harap orang lain di Pakatan jangan kacau beliau untuk merebut jawatan Menteri Besar sebab beliau telah menunjukkan satu kaliber yang baik, satu yang baik. Memang Barisan Nasional tiada harapan langsung tapi di kalangan Pakatan Rakyat kita juga jangan kacau beliau dalam usaha-usaha beliau ini. Dan satu lagi saya mohon campur tangan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Penjelasan Speaker, penjelasan. Saya baru dengar.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali mencelah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Sudah, baru berucap.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya nak penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Alam Shah benarkan atau tidak?

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya tidak benarkan. Saya ingin habiskan sebab masa 20 minit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali sila duduk.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya tidak benarkan. Masa hanya 20 minit, saya ingin selesaikan satu isu yang paling penting saya inginkan pertolongan daripada Menteri Besar untuk menyelesaikan masalah kondominium di Batu Caves. Pagi ini saya ada, saya ada menyebut tentang kondominium 29 tingkat yang akan dibina di Batu Caves. Saya di sini memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk campur tangan untuk memberhentikan terus projek ini tanpa sebarang alasan. Kita mesti mementingkan kebebasan beragama yang dipraktikkan walaupun agama Islam adalah agama rasmi Malaysia kita ada kebebasan beragama di Malaysia. Gunung di Batu Caves, Batu Caves, sebut nama Batu Caves sahaja sudah mencukupi. Ia adalah satu tempat suci orang-orang Hindu, orang-orang yang beragama Hindu. Batu Caves sahaja, sebut Batu Caves kita ingat Thaipusam. Berjuta-juta orang berhimpun setiap tahun di Batu Caves untuk sembahyang. Lebih daripada 1 juta orang kaum Hindu berkumpul di situ bermakna ianya satu tempat yang bukan sahaja menarik, ada kuasa. So, kita harus menjaga Batu Caves ini supaya ia tidak runtuh. Gua-gua Batu Caves, *limestone* Batu Caves itu adalah berumur lebih, saya percaya berumur lebih daripada 1 juta tahun dan kuil Sri Subramaniam di Batu Caves berumur lebih daripada 100 tahun dan *Statue Lord Murugan* yang besar terbesar di dunia sudah pun hampir-hampir 10 tahun. Tempat ini harus dijaga. Kita tidak perlu ingat tentang pampasan langsung. Pemaju mementingkan keuntungan. Pemaju ini telah mula jual kondominium tersebut sudah lama, menjual kondominium tersebut kepada orang ramai lama dan pembeli-pembeli ingin menikmati keselesaan di tempat itu tetapi mereka tidak faham gua itu akan hilang. Mereka tidak faham kuil Sri Subramaniam itu akan hilang, mereka tidak faham *Statue Lord Muruga* yang terbesar di dunia akan runtuh. Kita mesti pentingkan kerana ada ancaman kepada gua kapur, ada ancaman kepada kuil Batu Caves, ada ancaman kepada agama Hindu yang dipraktikkan oleh kaum Hindu. So, saya mohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan campur tangan kaum Hindu, kaum India di negeri Selangor cukup sayang kepada Menteri Besar, cukup sayang. Kalau Dato' Menteri Besar bertanding di kawasan India gerenti menang, gerenti menang. Satu lagi syarat kepada Ahli-ahli Pakatan Rakyat supaya *leave him alone for another term as a Menteri Besar and many more terms to come as*

a Menteri Besar Selangor sebab kita mempunyai kepercayaan penuh kepada Dato' Menteri Besar yang beliau boleh menyelesaikan masalah ini secepat mungkin dan satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah orang-orang UMNO, Perdana Menteri, MIC, MCA, menggunakan dana yang dikutip daripada kaum Hindu ini daripada Batu Caves untuk tujuan politik mereka. Mengapa Presiden Pengerusi Kuil Sri Subramaniam, Datuk R. Nadarajah menjadi Presiden selama lebih daripada 22 tahun? Perdana Menteri Najib Razak boleh dibawa masuk ke dalam Thaipusam, sewaktu Thaipusam berucap di situ, mengapa? Sebab wang yang dikutip daripada penganut-penganut agama Hindu digunakan sebagai dana untuk *political campaign* UMNO Barisan Nasional. Sebab itu

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Boleh saya celah sedikit.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Sebab itu beliau diberi perlindungan khas walaupun Datuk Nadarajah.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Boleh saya cadang.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Sudah, tadi sudah diberi peluang.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Satu kali lagi *last*.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tak ada, saya habis kan dulu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tak saya tanya *last*.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya habis kan dulu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuala Kubu sila duduk.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Ini melibatkan wang ringgit penganut-penganut agama Hindu yang digunakan sebagai *political fund* UMNO dan Barisan Nasional. Presiden Kuil Sri Subramaniam.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Pengerusi, peraturan tetap

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Pengerusi, ini sangkaan jahat ni.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Apa sangkaan jahat? Ini benar. Mengapakah Presiden Kuil Sri Subramaniam, Datuk Nadarajah boleh mendapat dua.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Ikut Peraturan 36 , bahawa seseorang tidak dibenarkan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Alam Shah berhenti dahulu. Saya tidak dengar apa peraturan tetap bilangan berapa?

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Peraturan 36 (4) adalah pada peraturan mesyuarat bagi seorang menggunakan bahasa biadab.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa dia yang bahasa biadab yang digunakan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Sangkaan jahat bahawa dia kata Perdana Menteri.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa dia yang bahasa biadab yang digunakan. Sila nyatakan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Saya kata dia gunakan dana dan...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila nyatakan bahasa biadab yang digunakan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Kalau ada bukti lapor kepada MACC jangan cakap kat Dewan tu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Itu bukan bahasa biadab.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih ya Puan Timbalan Speaker. Boleh saya teruskan?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Datuk R. Nadarajah tidak membenarkan Dato' Menteri Besar kita untuk dibawa masuk. Tidak menghormati, sebab beliau tahu beliau tidak perlu hormat sebab beliau mempunyai perlindungan daripada UMNO dan Barisan Nasional. Presiden kuil tersebut Dato' Nadarajah mempunyai dua '*Datukship*'. Siapa yang beri dua '*Datukship*' kepada beliau? Bukankah itu UMNO Barisan Nasional? Beliau pernah dituduh di mahkamah, dibebaskan oleh mahkamah. Tuduh atas kes rasuah, kes pecah amanah. Beliau bermaharajalela dengan wang rakyat. Kita mesti mencari jalan. Dato' Menteri Besar kita mesti mencari jalan seperti menyelamatkan Talam, kita harus menyelamatkan Kuil Sri Subramaniam,

Batu Caves ini yang mempunyai banyak harta, harta-harta dalam yang dimiliki oleh Kuil Batu Caves ini ada dalam senarai di sini.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Puan Timbalan Speaker, Peraturan Tetap 36 (6), “Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain”.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: 36?

Y.B. TUAN YAP EE WAH: (6). Sangkaan Jahat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila bacakan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: “Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain.”

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli lain? Maksudnya Ahli Dewan Negeri.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Jadi apa yang disebut.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa yang disebut adalah Ketua ataupun Pengerusi Kuil Batu Caves

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Dia sebut parti. Ya, dia sebut nama.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Itu bukan Ahli Dewan Negeri.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tapi itu satu yang satu sangkaan jahat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Pelek, apa yang dimaksudkan oleh fasal Peraturan Tetap 36(6) ialah “Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain”.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tapi itu sangkaan jahat yang dikeluarkan kan?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Peraturan Tetap 36(6) tidak menyatakan kepada orang lain.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Pada UMNO, pada MCA, pada MIC..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila duduk Sungai Pelek, sila duduk Sungai Pelek. Teruskan Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Sungai Pelek sila duduk. Itulah Sungai Pelek kena baca peraturan dengan betul. Sungai Pelek saya ingin katakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa Batu Caves Kuil Sri Subramaniam disalahgunakan oleh Barisan Nasional, disalahgunakan oleh UMNO Barisan Nasional. Memberi perlindungan kepada Presiden yang merupakan seorang kroni Dato' S. Sami Velu supaya wang rakyat, wang penganut-penganut agama Hindu

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, Point Of Order 36 (1) seorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan iaitu bajet sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan.

TUAN SPEAKER: Ya, duduk. Baik, sekarang saya. Taman Templer jadi cakap sama juga berkaitan, jangan main dengan ini. Jangan main dengan Peraturan Tetap, duduk dulu, saya bercakap ni, saya belum bercakap ini, belum habis cakap. Bila Yang Berhormat cakap tadi, saya tidak ganggu. Bila saya cakap duduk. Peraturan Tetap, Peraturan Tetap kata bila Speaker cakap, duduk. Kalau nak ikut peraturan, ikut betul-betul, duduk dulu. Belum habis Speaker cakap, nak cakap. Bajet ini semua perkara ada berkaitan, bukit botak pun tak disebut oleh Dato' Menteri Besar pun disebut. Baik jangan main,baik sekarang teruskan.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih Tuan Speaker. Bermati-matian untuk mempertahankan seorang Presiden yang berasuah. Inilah kerja Barisan Nasional UMNO, Barisan Nasional dan MCA Barisan Nasional, bermati-matian. Mereka tahu sekurang-kurangnya RM10 juta dikutip daripada Batu Caves setiap tahun. Minima RM10 juta dikutip, mana perginya wang ini. Mengapa Dato' Sri Najib berlari pergi Rumah Terbuka di Batu Caves. Mengapa pergi ke Thaipusam. Mengapa berpakaian seperti orang India dan pergi ke Rumah Terbuka Deepavali. Sebab ada banyak duit di sini yang boleh digunakan untuk tujuan politik..... duit banyak.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, boleh minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: macam mana.....

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya tidak benarkan sebab

TUAN SPEAKER: Sila duduk.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tuan Speaker, sebab masa diberikan hanya 20 minit dan saya ingin..... terima kasih Tuan Speaker. Sebab dalam hal Batu Caves.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Bagi

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tidak.....

TUAN SPEAKER: Duduk.....

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya akan habiskan tidak lama lagi. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang Batu Caves sebab satu warisan Negara yang telah dipertahankan ianya terletak di negeri Selangor. Ianya terletak betul-betul di dalam negeri Selangor. Mengapakah pemimpin-pemimpin negeri Selangor tidak diberi penghormatan yang secukupnya oleh Jawatankuasa Kuil tersebut. Mengapa ianya satu kuil di mana kita terpaksa membuat *tent* ataupun satu bumbung di luar untuk bertemu dengan rakyat. Mengapa kita tidak dibenarkan masuk semasa Perayaan Thaipusam. Satu perkara yang cukup aneh, mengapa ianya dikhaskan untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sahaja, mengapa tempat itu khas bagi pemimpin-pemimpin tersebut. Sebab itulah saya tahu, saya tahu wang daripada kaum India khususnya penganut-penganut Agama Hindu digunakan untuk tujuan politik UMNO dan Barisan Nasional.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, saya mohon penjelasan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ia, bagaimana.....

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya tidak benarkan sebab saya...

Y.B. DATO MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya tidak dibenarkan berbahas.....

TUAN SPEAKER: Baik, teruskan. Yang Berhormat kalau tak duduk. Saya akan minta keluar. Saya kata duduk, saya kata duduk.....

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Speaker tak adil Speaker, kita tanya penjelasan.....

TUAN SPEAKER: Baik sekarang ini Taman Templer dah menuduh Speaker tidak adil, saya arahkan keluar satu jam. Bentara keluarkan dia. Di bawah Peraturan 44 (2). Saya nak ingatkan kalau tak tahan bahang dalam Dewan jangan duduk dalam Dewan ye... Baik teruskan.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih Tuan Speaker. Itu berhubung dengan Batu Caves. Saya juga ingin menyentuh tentang banjir kilat. Saya juga memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyelesaikan segera banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Klang khususnya dan seluruh negeri Selangor. Satu ancaman yang besar. Saya tahu Dato' Menteri Besar sedang berusaha bertungkus lumus untuk menyelesaikan masalah ini tetapi masalah ini di negeri Selangor memang bukan senang untuk diselesaikan ianya akan memakan masa yang lama tetapi kita mesti mula peringkat demi peringkat. Kita adakan satu *long term plan*. Saya percaya Dato' Menteri Besar ada memberitahu rakyat *50 year plan* untuk menyelesaikan masalah banjir di negeri Selangor, itu satu masalah yang besar.

Selain daripada masalah Batu Caves, masalah banjir adalah satu lagi masalah yang ingin saya menyeru kepada Dato' Menteri Besar untuk diselesaikan. Satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah sebuah kuil di *Seafield*. Di *Seafield* Negeri Selangor di Subang Jaya yang sedang di bawah ancaman satu lagi pemaju. Saya difahamkan Dato' Menteri Besar telah pun mengumumkan secara rasmi bahawa mana-mana kuil yang berumur 100 tahun lebih tidak akan dirobuhkan dan tidak akan dipindahkan tetapi mengapa kuil di *Seafield* Subang Jaya ini di bawah ancaman untuk dipindahkan ke tempat lain.

Saya juga mohon campur tangan Menteri Besar dalam hal ini, jangan biarkan kepada mana-mana Ahli EXCO untuk menangani masalah ini sebab ada terdapat kekeliruan dalam kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh EXCO-EXCO lain berhubung dengan soal Batu Caves, soal *Seafield* dan soal banjir. Hanya Menteri Besar sahaja yang boleh menyelesaikan masalah ini dan saya harap rakyat di negeri Selangor dengan kepimpinan Dato' Menteri Besar telah pun mengumpul rizab sebanyak dua (2) bilion. Satu pencapaian yang amat besar, macam kita ada A++ dalam *report* kad Dato' Menteri Besar. Saya bagi Kota Alam Shah ingin mengucapkan tahniah kepada A+++ sebab dulu wang ini hilang begitu sahaja, wang di bawah jajahan Barisan Nasional tidak ditunjukkan kepada rakyat yang kita mempunyai rizab tetapi kini kita secara terbuka memberi tahu kepada rakyat kita mempunyai rizab. Rizab ini boleh digunakan untuk rakyat pada masa-masa yang diperlukan, hanya Menteri Besar sahaja yang boleh

menentukan bilakah rizab ini boleh digunakan bukan untuk tujuan politik dan tujuan apa. Kita tahu, saya mempunyai kepercayaan penuh kepada Dato' Menteri Besar sebab daripada kenyataan-kenyataan yang beliau keluarkan dalam banyak isu, beliau tidak bermain politik, *very straight forward, gentlemen*. Saya tidak faham mengapa tidak ada seorang pun yang memuji Dato' Menteri Besar kita. Beliau tidak pernah bermain politik. Pernah saya sekali pun memberi banyak bantahan terhadap Dato' Menteri Besar, tapi sehingga ke hari ini beliau tidak mengancam saya, masih kawan baik sebab beliau tahu semua berjuang demi kepentingan rakyat.

Seorang Menteri Besar yang tidak bermain politik adalah Dato' Menteri Besar kita, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Yang Berhormat daripada Ijok. Saya cukup berterima kasih atas perkara tersebut dan saya harap negeri Selangor akan terus maju dan kita dapat membasmi kemiskinan. Di Kota Alam Shah kita mempunyai 58 keluarga sahaja yang di bawah tahap kemiskinan yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,500.00 dan saya harap dengan berbagai skim yang diperuntukkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor kita pada penggal hadapan dapat menyelesaikan 58 keluarga yang ada di Kota Alam Shah yang miskin dapat mereka mempunyai pendapatan yang lebih kualiti hidup yang baik, kualiti hidup yang baik.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana telah memberi peruntukan yang berlebihan, peruntukan yang lebih daripada yang ditetapkan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, masa sudah sampai.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Ya...sedikit-sedikit..

TUAN SPEAKER: Tiada sedikit, sila duduk.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Ya.

TUAN SPEAKER: Sila duduk, masa telah sampai..... jelas..... Ya, Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana DUN Kuala Kubu diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Selangor 2013 Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima kali ini.

Saya ingin membangkit isu-isu Talam. Isu Talam ini bukan kerana saya adalah Ahli MCA sepertimana sentiasa dituduhkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun di pihak Barisan Nasional tapi adalah kerana rakyat. Rakyat di luar sana bukan sahaja rakyat Selangor tetapi rakyat di seluruh Negara tertarik dengan isu ini. Pengambilan Talam *Corporation*. Ada saya dapat tahu melalui rakan-rakan yang mengikuti ceramah Kerajaan Pakatan Rakyat yang dibuat oleh Pakatan Rakyat bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan konco-konco yang lain seperti Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan juga Penasihat Ekonomi Negeri Selangor bercakap mengenai isu Talam ini. Sungguh luar biasa sekali isu Talam di jaja sehingga ada yang terlopong mulutnya apabila mendengarnya, apa tidak apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan konco-konco yang lain mengatakan bahawa Kerajaan Negeri sebenarnya berjuang rakyat Selangor kerana telah berusaha mendapat semula hutang daripada Talam untuk menjadikan hasil bagi negeri Selangor untuk rakyat.

Walau bagaimanapun sedar Yang Amat Berhormat bahawa rakyat terlopong bukan kerana mereka percaya atau terkarisma dengan kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu tetapi terlopong kerana bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan konco-konco sungguh untuk memutarbelitkan fakta mengenai Talam sampai begitu sekali hingga mengelirukan mereka. Rakyat sudah kembali sedar bahawa terlampau banyak putar belit alam yang dibuat ke atas isu Talam ini. Bagi rakyat jika sekadar untuk membuat kenyataan atas pentas ceramah politik siapa-siapa pun boleh. Barangkali Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Pakatan Rakyat yang lain masih ingat tentang janji 16 September. Dikatakan bahawa kerajaan akan mengambil alih, dikatakan bahawa Yang Berhormat - Yang Berhormat BN sudah sedia menyeberang, yang seberang, tetapi mana jadi, janji itu hanya palsu kerana dibuat di atas pentas politik, maka samalah juga hal ini dengan isu-isu Talam. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih KKB. Saya ada dua (2) soalan. Soalan yang pertama ialah adakah Yang Berhormat sudah baca laporan ini. Yang kedua. Soalan saya kedua ialah adakah Yang Berhormat juga mengulangi pendirian Yang Berhormat dalam sidang dewan yang lepas apabila dicabar oleh Yang Berhormat Ijok untuk mengulangi tuduhan di luar dewan dan Yang Berhormat berkata bahawa kamu tidak berani berbuat demikian kerana kamu tidak ada keyakinan dengan fakta kamu sendiri. Adakah Yang Berhormat sekarang juga memegang pendirian yang sama. Adakah Yang Berhormat berani mengulangi kenyataan dan tuduhan Yang Berhormat di luar dewan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Kg. Tunku. Yang kertas putih tu, saya pun sudah baca, nanti dalam perbahasan itu saya akan tanya. Yang itu cabaran ini kerana isu tadi kata, isu-isu ini bukan MCA. Ini kerana rakyat, rakyat

berhak tahu. Kalau sepertimana Yang Amat Berhormat pernah mencabar dengan Yang Berhormat Datuk Kuah Chee Leong. Dikatakan dia nak *sue*, tapi sampai hari ini hampir dua (2) bulan lebih kita masih belum terima surat daripada mana-mana peguam, kata nak *sue* MCA kerana kita kata-kata ini tidak ada fakta. Kami masih tunggu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat sebenarnya tidak perlu *international rooming*, apa yang kita kata di sini ialah perbahasan antara Ijok dengan KKB. Dalam sidang dewan yang lepas berkenaan dengan isu yang sama, tak lain dan tak bukan mengenai isu yang sama, masih sama lagi. Jadi persoalan saya sangat jelas. Lanya juga tidak berkaitan dengan MCA, sama ada Yang Berhormat ADUN daripada Kuala Kubu Baharu bercadang bahawa kamu juga berani untuk mengulangi kenyataan dan tuduhan kamu di luar dewan ini kerana kamu percaya dengan kenyataan kamu ataupun kamu tidak berani langsung.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Saya ingat Bkt Tunku ini kalau begitu hebat....

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku, Kg. Tunku...

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : ... Kg. Tunku, saya rasa Menteri Besar tidak payah lantik Ahli Dewan Rakyat daripada PJ Selatan, Utara. Ini Kg. Tunku kena dilantik. Saya bukan sebagai seorang Speaker dengan izin.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Adakah Yang Berhormat kamu tidak berani

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: ...Bukan tidak berani, ucapan saya adalah, soalan yang saya bawa sini adalah wakil kepada rakyat. Saya sebagai wakil rakyat dipilih oleh rakyat. Mengapa nak cabar Menteri Besar cakap luar.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Berani kerana benar.....

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Mengapa saya nak cabar Menteri Besar cakap luar. Ini adalah Dewan adalah pentas untuk saya bahas untuk saya cakap.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya betul tapi kalau kamu berani kalau fakta kamu benar, kalau kamu percaya dengan apa yang kamu cakap di mana-mana sahaja kamu boleh mengulangi kenyataan kamu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Ok lah awak bukan Menteri Besar, you tak de libat dengan Talam, *you* jangan jawab. *You* boleh jawab di surat khabar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat jangan kata (bergaduh)

TUAN SPEAKER: Cukup-cukup, ok. Cukuplah. Cukup-cukup. Dua-dua tenang-tenang. Ini bukan kedai kopi ya. Ya teruskan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: So maka soalan saya kenapa kertas putih sebagaimana di janji pada 2001, hari ini baru dikemukakan. Maka jika benar isu Talam ini bukan satu isu liabiliti kepada pembina politik Kerajaan Negeri kertas putih ini harus dikemukakan pada tahun 2010 bukan sekarang apabila terdapat tekanan daripada MCA daripada rakyat hari ini kemukakan satu kertas putih yang saya sudah baca tetapi banyak kelemahan dia. Nanti saya akan...hah...hebat. Ini adalah satu penipuan politik. Berhubung dengan hutang Talam Corporation diakui ia sudah wujud sejak zaman Barisan Nasional tetapi wujud pembohongan oleh pemimpin Pakatan Rakyat Kerajaan Selangor yang mengatakan tidak apa-apa usaha buat oleh Kerajaan terdahulu untuk mengutip hutang. Inilah buktinya. Ini buktinya. Hah! Kalau ikut ini pemimpin Kerajaan PR Negeri Selangor dan Ahli Dewan Rakyat PJ Utara, Tony Phua dari DAP telah berulang kali menyebut bahawa Kerajaan Barisan Nasional tiada usaha dilakukan untuk mengutip hutang-hutang dari Talam dan hutang-hutang itu disembunyikan tetapi kenyataan daripada EXCO. Yang Berhormat EXCO Kerajaan Kinrara, beliau telah menyebut bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri terikat dengan perjanjian yang telah ditandatangani antara Talam dengan Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini. Apabila mengadakan penyelesaian hutang dengan Talam beliau telah menyerahkan perjanjian penyelesaian hutang pertama yang ditandatangani pada 29 Julai 2005 dan perjanjian tambahan ditandatangani pada 8 Mac 2007 bagi menyokong kenyataan beliau. Hah! Inilah.... inilah satu perjanjian telah disain, 8hb Mac 2007. Siapa cakap yang betul? Hah! Itulah sebab kita rakyat katakan ni Kerajaan PR adalah PKR ialah kendurikan rakyat.

Tuan Speaker, maka itulah sibuklah antara Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, Sekinchan yang lain-lain mengatakan Kerajaan yang tidak mahu kutip hutang dan menyorokkan kerana Talam ni kroni BN. Kalau dulu dikatakan kroni BN hari ini saya boleh katakan Talam adalah kroni Kerajaan PR khususnya daripada Tan Sri Chan Ah Chye. Jelas ini sudah satu pembohongan untuk mengaburi mata rakyat agar Pakatan boleh muncul sebagai juara kerana dapat mengutip hutang. Dato' Menteri Besar juga memansuhkan semua perjanjian tersebut pada 14hb. Julai 2009.

Tuan Speaker, seperkara yang menjadikan tanda tanya di sisi rakyat nilai penyelesaian hutang melalui geran Kerajaan Negeri bernilai RM392 juta ke atas Talam adakah atau tidak Yang Berhormat - Yang Berhormat dalam Kerajaan Negeri pernah bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan perkara ini atau semua tidur... jelatang gaji setiap

bulan? Tak ada saya dengar, tak ada suara? Apabila kita disuarakan kita di surat khabar saya tak dengar ada jawapan daripada Ahli-ahli EXCO sendiri dan dilantikkan kepada Dewan Rakyat, Tony Phua. Siapa Tony Phua? Dia tak ada *locus standi* dengan izin untuk menjawab atau menandatangani isu-isu Negeri Selangor yang jadi menjadi bualan dan persoalan dalam kalangan rakyat ialah nilai RM392 juta tersebut adalah duit rakyat Negeri Selangor yang dibuat dalam bentuk geran untuk Menteri Besar Incorporation, MBI kemudian ia memberi hutang Talam Corporation Industri Corporation, SIC yang membuat pinjaman daripada CIMB dikatakan MBI bertanggungjawab untuk mengutip kembali hutang-hutang tersebut. Sehingga kini tiada butiran yang jelas bagaimana duit RM392 dikutip kembali dalam bentuk tunai dengan menunjukkan aliran masuk wang tersebut dalam akaun Kerajaan Negeri Selangor. Dikatakan bayaran balik dalam bentuk pengaliran akses Talam namun yang lebih penting ialah akses cair dalam bentuk wang tunai kita mahu lihat dalam bajet 2013 ni. Wang masuk RM392 juta dalam akaun disatukan Kerajaan Negeri kelak jika tidak terbayar hutang bank ini Rakyat Negeri Selangor yang akan terbeban menanggungnya. Negeri ini boleh diisytiharkan bankrap. Bagi Yang Berhormat - Yang Berhormat Pakatan mungkin tak mengapalah sebab bukan itu duit aku tetapi bagi saya mewakili anak Selangor ini adalah duit rakyat Selangor.

Saya membangkitkan persoalan ini bukan sekadar untuk suka-suka tembak sana tembak sini macam karangan Yang Berhormat Pakatan Rakyat. Bagi saya terdapat banyak transaksi-transaksi yang mengelirukan seolah-olah seperti ada udang di sebalik batu. Persoalannya juga mengapa Kerajaan Negeri beria-ia mahu menyelesaikan hutang Talam sehingga sanggup pertaruhkan duit rakyat sedangkan dalam kes tanah Yayasan Basmi kemiskinan YBK di Serendah kita difahamkan bahawa Daerah Hulu Selangor agak ketinggalan dan kita di zaman Barisan Nasional bahawa untuk membangunkan Daerah Negeri Selangor dalam sosial ekonomi kami perlukan sebuah Universiti seperti mana dahulu di Shah Alam kerana adalah satu Institut Mara dan hari ini telah jadi satu bandar oleh kerana Institusi Pendidikan berada di Shah Alam. Maka adalah begitu zalim bahawa selepas PRU 12 bahawa tanah untuk pembangunan UiTM telah dirampas oleh Kerajaan Negeri walaupun cukai tanah di bayar tetapi dipulangkan. Hah! Ini adalah satu kezaliman untuk rakyat di Hulu Selangor. Kalau benar jujur nak tolong rakyat, YBK lah yang perlu dibantu bukan Talam. Talam hanya membantu Chan Ah Chai sahaja. YBK yang membantukan beribu-ribu orang miskin yang susah di Hulu Selangor tiada keutamaan bukan Talam sekadar selamatkan beberapa kerat orang korporat.

Tuan Speaker, turut menimbulkan persoalan ialah nilai RM676 juta yang diterimakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dikatakan hasil daripada pengambilan aset Talam pada tahun 2010 sebagai penyelesaian hutang di mana aset-aset tersebut terlebih nilai dengan izin *over valuation*. Menurut prosedur pengambilan sesuatu aset untuk

menjadikan aset milik Kerajaan ia perlukan melalui prosedur penilaian yang cukup ketat yang dilakukan oleh dengan izin *The Valuation and The Properties Services Department* iaitu JPPH. Namun saya dapati proses mengenai penilaian oleh JPPH ini tidak berlaku hanya ada satu akses digunakan JPPH tetapi Kerajaan Negeri telah bayar tiga kali lebih tinggi daripada penilaian JPPH.

Saya ambil satu contoh misalnya dalam kes pengambilan akses Talam di Bukit Beruntung Dua bagi kawasan seluas 1,322 ekar. Ia mencecah bayaran sebanyak RM345.7 juta pihak Kerajaan Negeri telah membayar dengan duit rakyat Selangor sebanyak enam kali bagi RM6.00 sekaki bagi 1,322 ekar tetapi yang dinilai oleh JPPH adalah sebanyak hanya RM1.96 sen sekaki. Adakah perbezaan lebih sebanyak RM5.04 sen sekaki antara nilai belian oleh Kerajaan Negeri JPPH. Apa jadi implikasinya, tapi saya tahu di dalam ini kertas putih dia kata dulu tanah pertanian sekarang dia telah dibangunkan untuk pembangunan bercampur tukar syarat telah dibuat di tahun 1994, malangnya premium ataupun premium bagi pertukaran status penggunaan tu belum dibayar. Mana boleh kita isytiharkan bahawa tanah kalau tidak di bayar premium pertukaran syarat dianggap sebagai tanah *as a development land* dengan izin maka sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab kita harus untuk memberi atau kita mengambil hutang sentiasa dikatakan *value for money but I think this is value for MB* dengan izin, maka tiada satu Kerajaan nak ambil wang daripada swasta yang bayar lebih, kalau ini adalah satu fakta yang betul maka saya suruh kepada sesiapa yang sudah beli aset ataupun rumah tanah daripada Talam Corporation sekiranya ada hutang daripada bayaran cukai pintu atau hutang daripada bayaran cukai tanah jangan bayar supaya ditawarkan kepada Kerajaan Negeri untuk ambil aset dia hasil dari Bukit Beruntung kalau dulu beli tanah, dulu beli rumah dengan nilai RM60,000.00 dan hari ini sudah RM180,000.00 kalau hutang dengan Kerajaan daripada cukai RM10,000.00 minta serahkan aset ini kepada Kerajaan Negeri untuk ambil balik RM170,000.00. Saya rasa semua rakyat setuju, betul tak? Mengapa kita hendak bantu Chan Ah Chye seorang? Kalau RM676,000.00 boleh selamatkan beribu-ribu pemegang harta di Bukit Beruntung dan Sentosa ni untuk pulangkan aset dan minta Kerajaan Negeri bayar RM180,000.00. Saya rasa semua rakyat akan sokong Pakatan Rakyat tetapi kalau Kerajaan Negeri tak sanggup buat begitu sila undi Barisan Nasional untuk tukar Kerajaan Negeri Selangor kerana mereka menggunakan wang rakyat untuk selamat seorang tokoh kononnya dulu dikatakan kroni kepada Barisan Nasional hari ini adalah kroni kepada Pakatan Rakyat Tan Sri Chan Ah Chye.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Tenang-tenang. Ok baik.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih Kuala Kubu. Saya dapat tengok bagaimana Kuala Kubu dapat mengikuti pembelian aset oleh Kerajaan Negeri kepada Talam. Saya cuma nak tanya tadi Kuala Kubu kata sepatutnya kalau Kerajaan Negeri nak ambil alih apa-apa juga aset mesti dibuat penilaian oleh Jabatan Penilaian Harta. Betul ya? Dan dalam pengetahuan Kuala Kubu ada ke mana-mana tanah yang berjumlah begitu banyak sekali ada dibuat penilaian oleh Jabatan Penilaian Harta ataupun ada dibuat penilaian oleh mana-mana institusi ataupun *professional body* yang buat penilaian bagi pihak Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Ok terima kasih kepada Permatang bahawa di kertas putih ini kita tengok di muka surat 12 dan boleh dikatakan semua aset yang dibuat adalah penilaian luar daripada Sulaiman and Co. dan hanya satu aset iaitu Dana Putera yang dibuat oleh Penilaian JPPH. Kalau ikut prosedur Kerajaan kerana ini bukan wang korporat, kalau wang korporat bolehlah you main suka-suka dengan izin *within buyer and within seller* kita lantik seorang penilaian untuk jadikan transaksi tetapi ini terlibat dengan wang rakyat. Wang rakyat Negeri Selangor. Siapakah yang orang tengah ataupun di Jabatan mana yang boleh memantau sebagai penilaian itu adalah betul. Maka penilaian JPPH adalah jabatan daripada bagi pihak Kerajaan untuk membuat penilaian. Apa lagi kalau ada kita tanah nak tukar milik daripada pusaka. Kita juga perlukan JPPH walaupun tanah tu daripada datuk kepada anak dan lepas tu kita bayar nilai kepada swasta juga apabila ada transaksi tanah perlu laporan penilaian daripada JPPH untuk bayar cukai. Bagaimana ini wang rakyat satu transaksi tapi tanpa mengadakan jabatan. Saya memang kemungkinan JPPH tak cukup profesional dengan izin lah mungkin Yang Amat Berhormat tak percaya pada JPPH maka digunakan penilaian luar kerana aset ini adalah aset rakyat Selangor, wang rakyat kita tak boleh main suka *within buyer and within seller* dengan izin. Namun macam mana boleh jadi terlebih hampir dua kali ganda seperti mana yang kita sebut tu.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat masa sudah sampai. Terima kasih.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul Lanjut Masa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan sebelas dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya mengemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya (dewan menjawab ya), Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Baik perbahasan dibuka semula. Ya sila Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker, Bangi berdiri untuk membahaskan anggaran perbelanjaan 2013. Sebagai negeri maju Negeri Selangor menyediakan belanjawan yang kukuh dan berimbang bagi tahun 2013 berjumlah RM1,630,000.00 juta iaitu merupakan hasil cukai berjumlah RM584,444,172.26, hasil bukan cukai sebanyak RM899,803,567.74 dan terimaan bukan hasil cukai sebanyak RM185,752,265.00. Ini mencerminkan bahawa Negeri Selangor meneruskan kemajuannya dalam berbagai-bagai bidang yang boleh dilihat umpamanya secara nampak dalam bidang industri kemajuan infrastruktur dan berbagai-bagai-bagai lagi. Tetapi jika kita melihat konsep kemajuan itu tidak saja bersifat tampak seperti industri infrastruktur dan sebagainya tetapi juga bersifat tidak tampak yang bukan bersifat fizikal seperti keperluan kepada nilai pendidikan, akhlak, rohani termasuklah juga nilai warisan yang boleh di bangga dan menjadi identiti bagi negeri khususnya Negeri Selangor kerana soal nilai dan warisan ini sebenarnya dia memberi suatu kemegahan atau impak yang penting dan sesuatu yang mencerminkan kemajuan bagi negara itu sendiri. Contohnya umpamanya dalam bidang tamadun umpamanya *Aristotle* lahir di Greek, dia membawa suatu perubahan yang besar dari segi pemikiran logik di situ yang diwarisi oleh dunia bukan saja bagi orang Greek juga barangkali *Alfarabi* pemikir Islam Al-Ghazali dan sebagainya. So kita juga memerlukan kepada nilai-nilai yang bersifat tidak tampak tetapi amat berharga kepada negara kita. Umpamanya kita ingin melonjakkan Selangor sebagai negeri yang beridentiti dan mempunyai ciri-ciri ketamadunan dan sebagainya.

Memang kita mempunyai umpamanya maklumat atau pun bahan-bahan yang mungkin kita boleh banggakan jika pun tidak seperti umpamanya negeri Perak yang menemui Perak Man tetapi kita juga menemui umpamanya bahan purba seperti Gendang Dongsong di Sungai Lang yang mencerminkan bahawa Negeri Selangor sudah wujud sejak zaman awal Masihi lagi. So begitu juga kita mahu menjaga bahan-bahan yang memberi impak yang baik dari segi sejarah terhadap Negeri Selangor yang umpamanya kita perlu memelihara dia sebagai suatu yang bersifat warisan misalnya umpamanya kita mempunyai sejarah dari segi pentadbiran yang tercermin umpamanya kita boleh bangga dengan bangunan Sultan Abdul Samad dan juga warisan-warisan yang lain. So ini bidang-bidang ini untuk menjaga sesuatu yang bersifat tradisi, adat, budaya dan

yang bersifat permuziuman adalah dipertanggungjawabkan kepada PADAT. Tetapi kalau kita lihat peruntukan daripada sejumlah RM1,130,000.00 peruntukan bagi PADAT diletak di bawah peruntukan B02 untuk mengurus umpamanya sejumlah RM74,794,939.00 bersamaan 10 agensi atau Perbadanan yang lain. Jadi jumlah yang biasa yang diperuntukkan pada Muzium sebelum pada ini atau PADAT selepas pada 2 tahun yang lepas ianya di antara RM12 juta sahaja. Jumlah ini sebenarnya amat kecil dengan tugas yang diberi kepada PADAT kerana PADAT sendiri umpamanya untuk menjaga bangunan sahaja. Ini bukan pengisian lagi. Kita terpaksa menjaga umpamanya dan membaik pulih umpamanya Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam ini sendiri yang disifatkan telah begitu lama dan perlu di baik pulih setelah 30 tahun. Begitu juga Muzium Insitu Jugra yang kita terpaksa juga jaga Istana Bandar di Kuala Langat, Muzium Pertanian di Sabak Bernam, Muzium Sejarah dan Permainan di Kuala Selangor, bangunan bekas Pejabat Agama Islam di Klang, bangunan Gedung Raja Abdullah di Klang, Kota Raja Mahadi di Klang, Rumah-rumah Tradisi seperti di Selangor, Kuala Langat dan sebagainya bahkan banyak lagi tempat-tempat sejarah yang mempunyai nilai-nilai kemuziuman.

Dan ini memerlukan peruntukan untuk dijaga berterusan. Begitu juga umpamanya dari segi operasi bagi PADAT itu sendiri memerlukan sesuatu peruntukan yang besar yang kita kira RM12 juta amat kecil. Kita umpamanya selain daripada *maintenance* terhadap bangunan-bangunan yang telah di sebutkan tadi, kita perlu mengisi permuziuman itu sendiri dari segi kandungannya yang memerlukan peruntukan untuk membeli bahan-bahan bahkan mempertahankan bahan-bahan yang ada. Kita memerlukan kepada kursus penyelidikan dan sebagainya terhadap adat dan warisan di Negeri Selangor ini sendiri. Dan kita juga memerlukan kepada *ekskavasi* ertinya cari gali bahan-bahan sejarah yang boleh kita temui untuk meningkatkan imej dan sejarah Negeri Selangor ini. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi umpamanya Perak menemui Perak Man dia melonjakkan maklumat dia itu ke taraf dunia sebagai satu warisan dunia. Kita juga mungkin menemui Selangor Man kalau kita ada duit dan pakar untuk kita gali. So dengan RM5 – 6 juta ini tak cukup kita punya peruntukkan yang sedemikian, hasrat kitalah. Begitu juga kita memerlukan kepada menghidupkan kebudayaan dan kesenian bukan sahaja dalam masyarakat Melayu tetapi semua kaum di Selangor ini sebagai satu warisan yang kita terima daripada masyarakat yang kita warisi. Begitu juga ada aspek yang dari segi tamadun dan tradisi termasuklah Islam yang purba yang tempatan dan sebagainya yang juga perlu kepada kajian-kajian dan tokoh-tokoh yang dapat menyelidiki bidang-bidang ini. Satu perkara yang penting juga umpamanya kita mengkaji tentang tokoh-tokoh tempatan, misalannya pejuang-pejuang kemerdekaan yang bukan saja bersifat kanan tetapi juga bersifat kiri kerana mereka juga berjuang untuk kemerdekaan walau pun dalam masa sekarang umpamanya dia anggap bukan

pejuang dan sebagainya tetapi sebagai warisan sejarah, mereka ini perlu dirakam dan dikaji untuk maklumat kita pada masa hadapan.

Begitu juga tempat-tempat yang bersejarah, bahan-bahan tinggalan dan sebagainya yang perlu kita kaji umpamanya kita dulu bergantung banyak pada hasil timah tetapi lombong timah kita dah tak dapat tak nampak, kapal korek kalau orang sebut barangkali generasi muda tidak tahu benda apa kapal korek. Kita perlu adakan Muzium sedemikian untuk warisan kita memahami supaya mereka dapat memahami tentang sejarah dari segi perusahaan di Negeri Selangor ini sendiri. Begitu juga kita memerlukan kepada kajian-kajian yang berhubung dengan bahasa umpamanya. Kita di Selangor ini mempunyai banyak dialek yang berasal daripada berbagai-bagai tempatan dari pengaruh Sumatera, pengaruh Jawa dan sebagainya yang perlu dikaji dari segi dialek-dialek mereka sebagai dialek yang ada di Selangor ini sendiri. Dan ini kita perlu kepada pakar-pakar bukan boleh sembarangan orang yang hendak kaji. Mesti berhubung dan bekerjasama dengan pihak pakar-pakar untuk mengkaji dialek. Begitu juga soal nilai dan sebagainya. So ini kita memerlukan kerjasama mungkin kita hendak latih tenaga kita, kita tidak dapat tapi kita perlu bekerjasama dengan Universiti-universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing misalnya daripada segi ekskavasi cari gali. Kita bekerjasama dengan Universiti Malaya, kita juga mahu mengkaji tentang adat dan warisan mungkin boleh bekerjasama dengan UPSI. Dari segi dialek mungkin boleh bekerjasama dengan UKM yang mempunyai pakar dalam bidang dialek dan sebagainya.

Selain daripada itu kita juga perlu meningkatkan kemampuan tenaga-tenaga kita yang setakat ini saya kira amat kecil jumlahnya 123 orang nak menjaga bangunan sahaja yang saya sebutkan tadi dalam empat lima daerah itu dah berpuluh-puluh bangunan dengan 123 orang tenaga. Padahal tempat-tempat ini sebenarnya kita dapat lihat ia ada potensi untuk memperkenalkan warisan kita misalnya dalam saya pergi ke Kuala Selangor, Bukit Melawati begitu ramai dilawati oleh pelawat-pelawat di tempat itu kerana selain daripada ada bahan-bahan sejarah di situ dia juga menjadi satu tempat rekreasi duduk di atas puncak bukit yang cantik yang dapat nampak ke laut dan sebagainya dan sambil orang pergi melawat ia juga dapat macam berehat, melihat pandangan bahkan di situ banyak kera dan beruk yang boleh mereka ini amat jinak boleh main dan diberi makan dan sebagainya. Dia satu daya tarikan bahkan kalau kita lihat Muzium Alam Shah di Shah Alam ini sendiri sebenarnya banyak perlu kepada peningkatan dari segi meningkatkan kualiti, bangunan bahan di dalamnya, daya tarikan, kegiatan-kegiatan yang perlu diadakan dari semasa ke semasa supaya dia menjadi sebagai sebuah Muzium yang terkenal maju dan ada daya tarikan. Selain daripada itu kita juga perlu meningkatkan, dari segi jumlah pekerja yang saya katakan tadi yang

boleh dapat menampung tenaga-tenaga ini berkhidmat di semua cawangan-cawangan Muzium kita yang hampir 10 buah yang terpaksa kita jaga.

Kita seharusnya menyedari tentang kepentingan nilai Muzium, adat, warisan, budaya dan pemikiran lama kita kerana bagi negara-negara yang maju aspek ini tidak ditinggalkan. Ia adalah merupakan sebagai satu warisan yang dapat diwarisi dan dibanggakan. Kita Negeri Selangor selama ini selalunya menyatakan bahawa kita tidak ada identiti, sebenarnya bukan tidak ada identiti sebenarnya kita tidak menyedari tentang elemen-elemen yang *identical* bagi negeri Selangor itu sendiri. Macam kalau kita lihat umpamanya Masjid Negeri Selangor yang begitu indah yang daya estetikanya begitu tinggi dan kalau kita lihat kubahnya yang terbesar sekali di dunia jadi satu kebanggaan bagi kita tetapi sebenarnya tidak begitu dipromosi. Begitu juga umpamanya elemen bangunan yang kalau kita lihat bangunan yang dipengaruhi oleh unsur Bugis yang ada bentuk 'X' kalau kita lihat di bangunan muzium di hujungny ada bentuk 'X' yang asalnya adalah untuk pemecahan angin dalam pelayaran kerana orang Bugis ini suka belayar dan ini adalah lambang boleh juga dikaitkan dengan bentuk rehal tempat kita meletakkan Al-Quran dan sebagainya. Imej ini sebenarnya boleh digunakan untuk negeri Selangor kita bagi berbagai-bagai tempat yang boleh kita gunakan dan penggunaan ini tidak semestinya bersifat secara kasar 'X' begitu sahaja tetapi boleh dikreativitikan. Kita sebenarnya tidak ada kesedaran untuk membanggakan elemen-elemen seumpamanya. Kita lihat di Annex ini sendiri kalau kita pergi lapangan terbang di negeri-negeri maju, Indonesia sudahlah kita masuk semua gambaran di tepi dinding dia tidak dibiarkan kosong. Ada gambaran yang boleh dibanggakan oleh masyarakat setempat umpamanya orang teraco apa bentuknya, orang daripada Sumatera ada semua di lapangan terbang. Kita tengok kita dapat hayati tentang kebanggaan budaya yang mereka warisi. Kalau dia orang Batak banyak muziknya kerana mereka suka menyanyi kalau kita pergi kat dia pun dia dengan gitarnya dia suka menyanyi. Jadi imej ada di situ digambarkan.

Kita tengok di Annex itu kosong sahaja, ruangnya banyak kita nak letak di sini mungkin tidak sesuai takut tidak sesuai dengan tempat yang bersih suci ini di Dewan tetapi boleh kita letak umpamanya tempat-tempat yang sesuai ini sebagai gambaran imej negeri Selangor ini. Apa yang kita katakan tentang imej negeri Selangor ini katakan kubah yang besar yang boleh diletak atas rehal umpamanya sebagai lambang bagi Bugis tadi yang boleh jadi kemegahan kita.

TUAN SPEAKER: Kita letak lampu sahaja.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Kita lihat seumpamanya kalau di Annex kita tu kosong tidak ada apa yang diletak di dindingnya tetapi kita boleh letak berbagai-

bagai imej yang menjadi kemegahan di negeri Selangor kita. Umpamanya kita katakan yang kita megah bangunan Sultan Abdul Samad walau pun duduk dalam kawasan Kerajaan Persekutuan itu hak asal kita yang mencerminkan pentadbiran secara teratur walaupun British yang atur tapi itu mencerminkan bahawa pentadbiran negara kita disusun secara teratur British yang datang dan gambaran bangunan itu sebagai lambang bagi tamadun kita dari segi pentadbiran. Mengapa tidak umpamanya diletak gambar dalam Annex kita, Annex tu pun tak sedap Anjung itu sebenarnya lebih baik sempena istilah kebangsaan. Letak situ gambar Bangunan Sultan Abdul Samad yang kita megahkan kita sebagai lambang Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Kalau ada tokoh (tokoh yang masih hidup lagi) lebih baik jangan letak lagi takut ada masalah pula tapi yang sudah meninggal yang kita megah dengan tokoh-tokoh di negeri Selangor yang memberi sumbangan yang penting pada peradaban dan budaya negeri Selangor kita boleh letak umpamanya di satu sudut kalau kita pergi Palembang dia amat bermegah dengan Sungai Musinya bila kami pergi rombongan dia nak bawak kita ke Sungai Musi, dia beri jamuan kepada kita, dia jamu kita dia tunjuk kita Sungai Musi cantik dengan api bergemerlapan malam-malam, menyanyi lagu Sungai Musi. Kita ada Sungai Klang walaupun tak berapa bersih tapi kita boleh bersihkan. Umpamanya kita boleh angkat imej Sungai Klang sebagai sumber ekonomi kita, pelabuhan pun ada di situ dan sebagainya. Kita memerlukan kepada seniman yang boleh meningkatkan imej Sungai Klang itu yang boleh kita megahkan. Mungkin diragukan Sungai Klang umpamanya cari seniman yang boleh mengubah lagu Sungai Klang atau tempat rekreasi yang indah di Hulu Langat. Gambarkan Hulu Langat yang cantik dengan tempat rekreasinya yang menarik orang berkelah di hujung minggu dan ambil imej tempat jadi sebagai hiasan di dalam Bangunan Annex kita dan sebagainya. Jadi ini sebenarnya usaha-usaha yang patut kita tingkatkan untuk memprojeikkan imej negeri Selangor itu sendiri. Bukan sebenarnya kita tidak ada identiti, sebenarnya selama ini fikiran kita dah kosong dan tidak mampu memikirkan apakah identiti yang sepatutnya dan selayaknya kita tingkatkan di negeri Selangor ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, masa dah sampai.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Saya ingat banyak lagi yang kita boleh fikirkan. Macam-macam imej yang boleh kita tingkatkan di negeri Selangor ini. Amanah yang diberi kepada kami di PADAT kami cuba usahakan untuk mempertingkatkan amanah yang diberikan PADAT kepada kami. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: *Assalamualaikum warahmatullhi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin

mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian untuk perbahasan Bajet 2013. Yayasan Selangor yang ditubuhkan pada November 1970 dengan tujuan utama untuk memberi peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pelajaran, biasiswa dan latihan untuk warganegara Malaysia dan rakyat negeri Selangor khususnya terutama di kalangan pelajar-pelajar di luar bandar. Namun berlaku banyak kepincangan hala tuju dan pentadbiran di Yayasan Selangor yang jelas menunjukkan Yayasan Selangor tidak bergerak atas landasan asal penubuhannya membela dan membangunkan anak-anak Selangor. Ini mengkhianati amanah pembangunan pendidikan bagi anak-anak Selangor di antaranya menutup dan merobohkan asrama Tun Dr. Ismail dan Asrama Toh Puan Nurashikin untuk membangun pembangunan penswastaan yang menempatkan 450 pelajar dari luar bandar Selangor untuk bersekolah di sekitar Kuala Lumpur seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist. Berbelanja boros sehingga RM1.59 juta untuk perkara tidak ada kepentingan bagi pendidikan anak-anak Selangor dan bertentangan dengan matlamat penubuhan Yayasan itu sempena sambutan majlis ulang tahun ke 40 Yayasan, Majlis Berbuka Puasa, Sambutan Hari Raya dan Korban Perdana. Seheinggakan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tidak berkenan hadir ke majlis sambutan ulang tahun ke-40 tersebut. Gagal mengawal kewangan dan perbelanjaan Yayasan Selangor sehingga didapati oleh Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan mengalami defisit sebanyak RM74 juta sehingga akhir November 2010. Menutup Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) di DUN Sabak, Bandar Baru Bagan Terap Sungai Besar daerah Sabak Bernam. Kira-kira 280 orang pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dipindahkan ke INPENS International Collage. Ini menghapuskan sebuah institusi yang fokus dalam soal latihan kemahiran dan pembangunan modal insan golongan belia sedangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjanji untuk membantu belia keciciran dengan kemahiran teknikal. Penjualan aset strategi Yayasan Selangor yang penting amat merugikan untuk generasi masa hadapan antaranya yang sedang diintai untuk dijual adalah bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang. Oleh itu kita harus menyedari bagaimana seharusnya Yayasan Selangor berfungsi dengan kembali melihat sejarah dan matlamat penubuhannya. Yayasan Selangor ditubuhkan pada 5 November 1970 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan jaminan Kerajaan Negeri Selangor. Pengerusi pemegang amanahnya adalah Menteri Besar ketika itu iaitu Dato' Haji Harun Idris. Yayasan Selangor wujud atas rasa keinsafan dan keprihatinan Menteri Besar ketika itu terhadap pendidikan anak-anak Selangor khasnya di luar bandar yang jauh ketinggalan terutama dalam penguasaan bahasa Inggeris, ilmu hisab dan sains. Untuk menghasilkan lebih ramai anak Selangor yang serba boleh dan intelektual Yayasan Selangor berperanan melakukan usaha memartabatkan pendidikan anak-anak bangsa dan sebagai

pemangkin generasi berilmu. Maka itu objektif Yayasan Selangor antaranya menyediakan peluang dan kemudahan untuk pelajar-pelajar di Selangor di peringkat sekolah, menyelaras dan melaksanakan program-program kemahiran dan pembangunan insan, mengurus dan menyelaras aktiviti komersial, hartanah dan pelaburan yang menjana kewangan, menggalakkan jaringan dua hala di antara Yayasan Selangor dengan pelajar, ibu bapa, jabatan kerajaan dan golongan profesional negeri Selangor untuk meningkatkan dan memartabatkan pendidikan negeri Selangor. Maka itu misi Yayasan Selangor untuk menjadi yayasan negeri yang terunggul dan terbilang dengan menyediakan peluang-peluang pendidikan misalnya pertama membangunkan generasi Selangor menjadi insan yang cemerlang dan berketerampilan melalui pendidikan berkualiti. Kedua memenuhi tanggungjawab sosial dalam mengimbangi peluang pendidikan kepada semua lapisan rakyat negeri Selangor. Antara kejayaan hasil perjuangan Yayasan Selangor ialah 1 penubuhan asrama pusat Yayasan Selangor itu asrama Dr. Latif 1971 hingga 1975. Kedua asrama Tun Dr. Ismail, Asrama Toh Puan Norashikin, Asrama Yayasan Selangor Klang, Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam. Kedua penubuhan Universiti Industri Selangor 1998 sekarang Universiti Selangor, Kem Bina Semangat Yayasan Selangor Ampang Pecah 8 Mei 1992, Kem Kemahiran Yayasan Selangor, Kem Bina Semangat Ulu Yamut namun begitu kita sedih kerana kebanyakan institusi yang ditubuhkan di atas telah ditutup. Tidak berfungsi atau dalam proses untuk ditutup. Atau menghadapi pelbagai isu atau masalah. Menyentuh soal menutup atau merobohkan asrama Tun Dr. Ismail bagi lelaki dan Asrama Toh Puan Norashikin bagi pelajar perempuan amat mendukacitakan. Bagaimana agenda meraih keuntungan ekonomi, keberuntungan ekonomi mendahului agenda pembangunan modal insan dalam konteks Yayasan Selangor ini Yayasan Selangor bukan syarikat korporat. Maka itulah Asrama Tun Dr. Ismail dan Asrama Toh Puan Norashikin ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 19 Oktober 1975. Turut berangkat ialah Tengku Idris Shah sebagai Raja Muda yang sekarang adalah sebagai Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Sultan Selangor, turut hadir adalah Allahyarham Dato' Harun Idris Menteri Besar Selangor, Tun Dr. Mahathir Mohamad Menteri Pelajaran serta Toh Puan Norashikin isteri Tun Dr. Ismail ketika itu. Saya menyebut semua ini supaya kita ingat betapa penting dan bernilainya asrama-asrama ini kepada Duli Yang Maha Mulia Tengku Sultan, Tuanku Sultan serta pejuang, pemimpin terdahulu untuk membela pendidikan anak bangsa. Mereka yang ditempatkan di asrama ini bersekolah di V.I, St. John Institution, Sekolah Menengah Bukit Bintang, Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, Sekolah Menengah Convent Jalan Peel, Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, PJ dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Cochrane. Pelajar dari asrama ini melahirkan mereka yang cemerlang dalam pelbagai bidang dan kerjaya iaitu bidang pendidikan, perubatan, politik, tentera, kesihatan dan lain-lain sebagai saintis, pakar perubatan, doktor, arkitek,

jurutera, akauntan, pensyarah, ahli perniagaan, pengarah syarikat dan juga pelbagai kerja lagi yang kita dapati hasil daripada Yayasan Selangor. Namun pemimpin Pakatan sekarang sudah gelap hati dengan hendak untung semata-mata. Tidak dapat menilai lagi antara pembangunan insan dan keuntungan material. Maka itu asrama Toh Puan Norashikin telah pun ditutup pada 2011 untuk memberi laluan pembangunan komersial. Semua pelajarinya dikatakan diserap ke asrama daerah milik sekolah-sekolah mereka belajar. Kita perlukan penjelasan ke manakah pelajar-pelajar ini diletakkan. Apakah berbaloi perpindahan mereka dari sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur ke sekolah-sekolah daerah-daerah sahaja. Dikatakan pelajar-pelajar asrama Tun Dr. Ismail pula hanya sekarang tunggu masa untuk dipindahkan. Ke manakah hala tuju mereka ini setelah dipindahkan. Apakah adakah percaturan benar-benar bermanfaat kepada pelajar-pelajar tersebut. Apa tujuan dan matlamat Yayasan Selangor mengorbankan asrama-asrama menempatkan anak-anak Selangor di atas. Jika matlamatnya untuk memaksimumkan pulangan keuntungan wang, ia amat tidak wajar dan kena pada tempatnya memandangkan nilai pendidikan anak-anak di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur terlalu mahal harganya yang tidak dapat dibandingkan nilainya hatta dengan ratusan juta sekali pun. Jika pembangunan komersial atas dua tanah-tanah asrama ini dilaksanakan, berapa kah pulangan nya kepada Yayasan Selangor. Apakah jumlah berbaloi sehingga membolehkan asrama tersebut dirobuhkan. Apakah jumlah tersebut berpadanan berbanding nilai modal insan yang dilahirkan dan bakal dilahirkan melalui asrama-asrama tersebut. Sesungguhnya pendidikan adalah pelaburan jangka panjang memajukan modal insan untuk kesejahteraan bangsa, pembangunan negeri dan kemajuan negara masa hadapan. Tiada siapa yang dapat menilainya. Jika kita serahkan kepada Juru nilai hartanah, penilainya adalah pada harta fizikal tetapi penilaian kita adalah pada harta modal insan lalu iaitu ilmu. Kemahiran dan pengalaman yang dapat dibangunkan pada diri anak-anak Selangor. Dalam kekecohan penutupan asrama di Kampung Pandan Yayasan Selangor membeli pula 2 keping tanah di Petaling Jaya untuk maksud bagi membina asrama baru. Ini memelikkan , kenapa beria-ia mahu menutup asrama sedia ada di tempat strategik tapi mahu buka asrama di tempat yang tidak memerlukan. Pertama, tanah di No. 6, Jalan Syed Osman Sek. 1, 46000 Petaling Jaya seperti maklumat berikut iaitu mempunyai keluasan lebih kurang 503 meter persegi. Yayasan ingin membeli dengan harga RM1.6 juta termasuk bangunan sedia ada. Tujuan untuk membina asrama yang boleh menempatkan hanya lebih kurang 35 orang pelajar sahaja daripada 400 lebih tadi selepas pengubahsuaian untuk dijadikan asrama pelajar sekolah rendah Seri Aman Petaling Jaya dan kos pengubahsuaian dianggarkan berjumlah RM1.9 juta. Kedua tanah di lot 27 Jalan 9/3, 46000 Petaling Jaya Selangor seperti maklumat berikut. Pertama mempunyai keluasan lebih kurang 1212 meter persegi. Yayasan ingin membeli dengan harga RM3.2 juta termasuk bangunan sedia ada. Tujuan untuk membina asrama yang boleh menempatkan lebih kurang 49 orang sahaja pelajar selepas pengubahsuaian untuk

dijadikan asrama pelajar sekolah Menengah Kebangsaan Assunta Petaling Jaya. Kos pengubahsuaian dianggarkan berjumlah RM3.65 juta . Tindakan pembelian ini dikatakan kerana ingin menambah *land bank* (dengan izin) bagi Yayasan sebagai aset untuk jangka panjang, di samping membantu sekolah tersebut mempunyai asrama. Tindakan Yayasan ini mengundang persoalan kerana pertama sekolah-sekolah yang tersebut tidak diklasifikasikan sebagai memerlukan asrama. Kedua tiada keperluan menyediakan asrama di kawasan sempit dan berhampiran kawasan komersial. Ketiga adakah tindakan ini kerana tuntutan pendidikan mendesak. Nak tambah aset atau nak tolong orang jual hartanah yang tidak laku. Saya mohon penjelasan, siapakah pemilik-hartanah-hartanah ini. Keempat, adakah harganya mengikut pasaran dan bagaimanakah ia dinilai untuk dibeli dan dijadikan aset anak syarikat negeri. Kelima, kenapa Yayasan perlu beli hartanah-hartanah ini. Sedangkan sebagai Yayasan Negeri mereka boleh mencari tanah-tanah lain milik Kerajaan Negeri tanpa keluar modal. Macam-macam ini, sekejap nak berjimat, sekejap nak belanja pula. Oleh itu, jika ini berlaku, maka satu lagi bentuk penyelewengan dalam Yayasan Selangor pimpinan Pengurus Besar yang ada sekarang, yang membawa Yayasan tersasar jauh dari matlamat penubuhannya dan mungkin menjadi alat kepuasan peribadi atau kroni semata-mata. Difahamkan Yayasan telah menamatkan skim pinjaman pelajaran atas alasan kewangan yang tidak stabil tetapi bagaimana boleh belanja sekitar RM10-12 juta untuk pembelian tanah dan ubahsuai asrama yang tinggi. Mohon penjelasan. Satu lagi isu yang berbangkit adalah pembangunan semula, naik taraf bangunan Yayasan Selangor di Jalan Dilo, PT9 Jalan Bukit Bintang Kuala Lumpur. Dikatakan bangunan 11 tingkat ini merupakan penyumbang kedua terbesar bagi pendapatan Yayasan Selangor di mana sejumlah RM450,000.00 dikutip sebulan hanya daripada penyewaan. Wujudnya bangunan ini membantu usahawan-usahawan bumiputera berniaga di kawasan yang strategik, dengan kadar yang rendah mengikut keadaan semasa. Ia membantu matlamat membantu golongan usahawan bumiputera dalam aspek perniagaan. Pada 2011 Yayasan menaik taraf bangunan ini dengan nilai RM27 juta melalui pinjaman jangka panjang. Setelah naik taraf, kadar sewa dinaikkan dan kebanyakan penyewa bersetuju dan menyambung penyewaan tanpa pertikaian. Pada pertengahan 2010, *board* Yayasan ataupun Ahli Lembaga Yayasan meluluskan perancangan, pembangunan di tapak lokasi hak milik Selangor, Yayasan Selangor untuk dimajukan dan dikomersialkan bagi mendapat pulangan yang lebih tinggi. Maka konsultan dilantik untuk melakukan kajian kemungkinan bagi pembangunan kawasan tersebut. Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang , Tanah Yayasan Selangor Kampung Pandan, Asrama Tun Dr. Ismail dan Toh Puan Norashikin, tanah Yayasan Selangor Klang, bangunan Ibu pejabat Yayasan Selangor PJ dan juga tanah Yayasan Selangor Seksyen 14 Shah Alam. Ringkasnya bagi bangunan Yayasan Selangor Jalan Bukit Bintang, penilai mendapati bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang tidak sesuai lagi sebagai bangunan pejabat bagi memaksimumkan pendapatan Yayasan.

Konsep pembangunan baru yang sesuai adalah butik hotel dan ruang niaga. Pembinaan semula dicadangkan 14 tingkat ke 11 tingkat hotel. 3 tingkat lot niaga dan lot letak kereta sedia ada. Ini membawa kepada tender antarabangsa terbuka. Cadangan pembangunan semula naiktaraf bangunan Yayasan Selangor di Lot PT9 Jalan Bukit Bintang Kuala Lumpur pada September hingga Oktober 2011. Lima syarikat menghantar tender. Empat syarikat tempatan dan satu antarabangsa. Syarikat penender yang berjaya ialah ABN International Incorp Design and Construction. Konsortium gabungan Al-Syufi Arkitek dan Al-Jannah Restu dan Madu dengan tawaran RM1.5 juta sebulan akan diperolehi oleh Yayasan. Peristiwa ini menimbulkan isu dan persoalan berikut. Notis tender yang dikeluarkan bagi tujuan pembangunan semula, maka keseluruhan penyewa dikehendaki ditamatkan status penyewaannya. Dengan itu, golongan peniaga terjejas di mana ramai penyewa tidak berpuas hati tetapi terpaksa terima hakikat demi periuk nasi mereka ditutup, tertutup. Adakah mereka dijamin mendapat tempat bila projek siap. Adakah kadar sewaan berpatutan untuk membantu usahawan-usahawan tersebut. Mohon penjelasan. Kedua, mengapa tender antarabangsa dibuka. Adakah syarikat tempatan tidak layak. Siapakah milik konsortium ini. Adakah mereka ada hubungan istimewa dengan pemimpin Pakatan atau pengurusan tertinggi Yayasan atau ia satu mekanisme untuk membawa dana asing masuk untuk membantu pakatan dalam pilihan raya umum. Jelas sekali, Yayasan Selangor semakin terpesong jauh. Yayasan gagal mengimbangkan antara keperluan membantu golongan bumiputera khususnya dalam bidang perniagaan dan keuntungan yang diagihkan. Yayasan Selangor juga pada 5 November, namun berlaku banyak kepincangan hala tuju dan pentadbiran Selangor yang jelas menunjukkan Selangor tidak bergerak atas dasar asal penubuhannya. Maka dengan itulah kita tahu bahawa, saya ingin membangkitkan isu pengambilan tanah milik Yayasan Selangor di Seksyen 21 Klang, daerah Klang di atas hak milik, atas HS(D)134356 PT4221 yang dikatakan diambil alih kembali oleh Kerajaan Negeri untuk dibina sebuah pusat kebudayaan Melayu, Cina dan India. Tanah milik Yayasan Selangor ini diserahkan balik tanpa syarat dengan bayaran premium dan lain-lain bayaran yang telah dijelaskan oleh Yayasan dikembalikan semula. Pihak Yayasan diminta mengemukakan borang 12A, iaitu penyerahan balik keseluruhan tanah di bawah seksyen 197 Kanun Tanah Negara ke atas hak milik tanah tersebut bagi tujuan pembatalan hak milik dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 18 Mei 2011. Kronologi iaitu pada 21 Mac 2011, Y.B. Bukit Lanjan menghantar surat kepada Menteri Besar memohon sebahagian tanah Yayasan Selangor iaitu di seksyen 21 Bandar Klang, daerah Klang diserahkan kepada Pusat Kebudayaan Cina. Pada esok harinya 22 Mac 2011, minit Menteri Besar kepada Pengurus Besar Yayasan Selangor minta agar diuruskan kerana sudah dibincang di Lembaga, mungkin Lembaga Yayasan Selangor. Dan 14 Jun pula, Yayasan menghantar surat memohon rayuan dengan keputusan majlis mesyuarat Kerajaan Negeri pada 4 dan 7 Mei 2011 di

mana Yayasan perlu menyerahkan semula tanah tanpa syarat kepada Kerajaan Negeri. Yayasan mohon diberikan 3 pilihan, pertama pembatalan usaha sama yang nama dan Yayasan meminta berminat mengadakan usaha sama yang baru . Yang kedua, diberi gantian tanah baru mengikut nilai tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan yang ketiga, kadar bayaran tanah mengikut kadar nilai semasa. Pada 17 Jun 2011, pejabat Tanah Klang menghantar surat kepada Yayasan memaklumkan bahawa pertama mesyuarat EXCO pada 18 Mei 2011 melalui minit MMKN bilangan 16/2011 bertarikh 4 Mei telah bersetuju agar tanah atas nama Yayasan Selangor diserahkan dengan segera tanpa syarat. Kedua mesyuarat EXCO juga memutuskan bahawa segala bayaran premium dan sebagainya yang telah dijelaskan akan dikembalikan. Ketiga mesyuarat EXCO mengambil maklum bahawa perjanjian usaha sama yang ditandatangani dengan syarikat swasta sebelum ini telah dibatalkan atas alasan syarikat tersebut gagal melaksanakannya. Dan yang keempat, Yayasan dikehendaki menghantar borang penyerahan balik keseluruhan tanah bagi tujuan pembatalan hak milik. Dan 12 Julai 2011 Yayasan Selangor menghantar surat ke Pejabat Daerah Tanah Klang dan seterusnya. Saya cuma musykil di sini, kerana *statement* yang berbeza daripada Menteri Besar dan juga Pengerusi Yayasan Selangor, yang bertarikh, bercanggah, Menteri Besar mengatakan bahawa tanah tu perlu diserahkan, sudah pun diambil alih oleh Kerajaan Negeri tapi esok harinya Pengerusi menyatakan tidak, masih lagi dalam Yayasan Selangor. ini satu persoalan. Saya nak tanya tentang integriti kedua-dua pihak. Itu sahaja sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya masih ada masa lagi. Ya sila, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ya terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang kepada Kajang untuk membahaskan belanjawan 2013 Selangor Darul Ehsan dan kajang mendapati tema untuk belanjawan adalah Selangor peneraju ekonomi Malaysia sebenarnya Kajang rasa kita tak perlu mengutamakan tema ini kerana memang ini hakikatnya. Kita telah menerajui ekonomi Malaysia begitu lama , jadi apa yang kita nampak, kemajuan dinegeri Selangor memang kita amat kagum khasnya selepas 2008 apabila Pakatan Rakyat mengambil alih. Saya ingin berbincang dan memberi tumpuan pada strategi 3 kerana yang lain-lainnya memang merupakan satu amalan dan juga pentadbiran yang seharusnya kita pegangkan prinsipnya. Ekstra strategi 3 menyatakan memperkukuhkan kualiti hidup rakyat. Jadi Kajang amat memberi perhatian ke atas cadangan-cadangan yang dibawa oleh Y.B. Menteri Besar berkaitan dengan kualiti hidup rakyat. Mengikut pakar-pakar yang terkini, mereka menyatakan bahawa kemajuan sesuatu negara atau sesuatu masyarakat boleh diukur dengan indeks kegembiraannya atau dengan izin *happy indexes...happiness indexes*. Misalnya saya ambil satu contoh, setiap hari saya balik rumah, balik rumah kena lalu jalan di Taman. Lebih kurang 30 meter dari jalan masuk dari taman ke rumah saya kena

lalui 11 bonggol jalan *road hump* dengan izin. Setiap kali melalui satu bonggol maka kita rasa tak begitu selesa dan ia menjadi satu gangguan, gangguan dalam hidup dan juga psikologi. Maka ini adalah satu yang tidak menunjukkan adanya *happiness* dan ini merupakan, merupakan satu petanda yang menyatakan bahawa masyarakat ini masih tak bertamadun dan kurang maju. Jadi ini juga kita dapat ukur menjadikan indeks kegembiraan ini sebagai kayu ukur untuk kita di negeri kita.

Kita nampak, apabila nak masuk rumah, memang polis selalu menasihatkan saya jangan terus sampai ke pintu rumah. 'Y.B., jangan terus sampai ke pintu rumah, pergi *round* dulu, *round* dulu baru nak masuk pintu'. Kalau takut ada yang ikut, ada yang nak rompak, ada yang nak culik. Jadi, ini satu masalah lagi. Keselamatan di negara kita dan juga di Selangor memang satu masalah yang amat runcing dan perlu perhatian yang amat sungguh daripada pihak polis dan juga daripada pihak kerajaan negeri. Amat dikesali bahawa, cadangan kerajaan negeri untuk dapatkan polis bantuan, ataupun dengan izin, *auxiliary police* tidak dibenarkan oleh kerajaan pusat. Walau bagaimanapun, Kajang bercadang, kita boleh ambil inisiatif sendiri dengan memperkasakan Jawatankuasa JKKK dan juga Persatuan Penduduk dan badan-badan sukarela untuk menjalankan rondaan-rondaan komuniti. Dan insentif dan peralatan diberi dan juga, kuasanya diberi daripada kerajaan negeri. Harap cadangan ini boleh diambil sebagai suatu pertimbangan menjadikan inisiatif kerajaan negeri sendiri untuk menjaga keselamatan rakyat di negeri ini.

Dan sekiranya kita balik rumah sepanjang jalan, sekiranya adanya sampah sarap yang menjolok mata, maka ini satu petanda lagi yang menjadikan kita tidak gembira. Sisa pepejal yang berselerak, ataupun tidak diurus dengan baik menjadi satu masalah yang masih dihadapi oleh rakyat di negeri Selangor. Ini terlibat dengan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. Kita dapati kemajuan sudah kita nampak di PBT-PBT di seluruh Selangor selepas kontraktor Alam Flora sudah ditukar dan dilantik oleh PBT setiap kawasan. Akan tetapi, kita dapati masalah kutipan sisa pepejal masih menjadi satu masalah. Ada kawan yang memberitahu daripada luar negara, mereka datang ke Malaysia dan nampak begitu banyak masalah. Yang amat asas, seperti sisa pepejal dan juga masalah pembersihan dan juga parit. Itu masalah yang agak lama dan tidak dapat diselesaikan. Masalah ini bukan satu masalah yang begitu rumit yang memerlukan teknologi roket ataupun teknologi yang begitu tinggi yang hanya memerlukan satu sistem pemantauan yang baik. Daripada PBT memantau supaya kontraktor-kontraktor yang dapat kontrak kerja itu, mereka kerja mengikut masa. Satu contoh yang saya nak bangkitkan. Saya pernah memandu kompaktor di satu flat dan saya sendiri tanya dengan pemandu kompaktor itu. Berapa kalikah kutipan dibuat di flat ini. Dan pemandu itu beritahu bahawa mereka kutip 3 kali seminggu. Saya tanya balik, kenapa 3 kali sahaja bukannya 6 kali seminggu? Beliau menjawab, *boss* bagi

tahu kutip 3 kali. Ini memang jadi satu masalah. Masalah sekiranya pemantauan di PBT tidak dijalankan dengan rapi. Begitu juga dengan pembersihan longkang dan juga potong rumput. Perkara ini bukan perkara yang begitu rumit yang kita rasa amat senang untuk menguruskannya.

Seterusnya, saya akan pergi ke..berkaitan dengan pendidikan komuniti yang terpinggir. Kita dapati masyarakat kita memanglah merupakan satu masyarakat yang pelbagai. Kajang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi peruntukan RM12 juta untuk pendidikan Sekolah Agama Rakyat, SJKC, SJKT dan juga Sekolah Menengah Cina swasta dan juga tuisyen rakyat. Pembelajaran bahasa ibunda dan pendidikan komuniti yang.. adalah satu yang amat asas yang perlu kerajaan pusat bertanggungjawab. Tetapi, kerajaan Selangor telah mendapati kesemua usaha ini ataupun tanggungjawab ini tidak dilakukan oleh kerajaan pusat dengan baik, maka Kerajaan Selangor membantu untuk memberi sumbangan. Kajang mendapati ada kumpulan-kumpulan komuniti yang terpinggir yang tidak dapat bantuan daripada kerajaan negeri. Misalnya, Selangor *Punjabi Education Trust* yang menjalankan pendidikan bahasa ibunda di.. jumlah 8 pusat di seluruh negeri yang melibatkan RM1 juta setiap tahun. Dan mereka rasa tidak selesa mengapa tanggungan begitu berat kepada komuniti mereka dan tidak dapat bantuan. Mereka mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi bantuan sebanyak RM50,000 pada tahun lepas. Akan tetapi, pada tahun ini, mereka telah menghantar permohonan tetapi belum dapat sebarang maklum balas daripada kerajaan dan telah sampainya akhir tahun Kajang berharap Kerajaan Negeri dapat beri pertimbangan yang serius kepada kumpulan masyarakat Punjabi ini supaya mereka dapat bantuan sumbangan pendidikan daripada kerajaan negeri untuk meringankan bebanan mereka kerana identiti satu kaum etnik adalah penting. Sekiranya mereka hilang identitinya, bahasanya, bahasa ibundanya budayanya seperti yang disebut oleh Bangi tadi, bahasa dan budaya memang satu identiti kepada sesuatu etnik atau kaum. Dan sekiranya hilang warisan ini maka hilang ketamadunan ini daripada bumi ini. Dan Kajang ingin bercadang untuk komuniti-komuniti seperti suku kaum India iaitu Punjabi, Telegu, Malayali, orang asli dan juga pekerja asing dan juga termasuk bawah UHNCR, iaitu masyarakat bangsa Rohingya. Mereka ini memang menjalankan pendidikan secara sendiri. Kita perlu bantu mereka kerana mereka di dalam Selangor.

Jadi, Kajang bercadang, kerajaan memperuntukkan RM1 juta untuk dijadikan sebagai tabung, bagi sumbangan bagi badan-badan yang menjalankan kerja-kerja sukarela untuk membantu masyarakat. Dato' Tuan Speaker, sistem pengangkutan awam merupakan satu masalah yang dihadapi oleh mereka yang duduk di bandar. Dan kesesakan jalan seperti yang dibangkitkan oleh kita di dewan yang mulia ini, iaitu di Klang, jambatan ke-3 tertanggung projeknya. Dan ini telah menyebabkan pembaziran

yang begitu banyak bukan sahaja dari segi kewangan, dari segi masa dan juga dari segi tekanan jiwa yang dihadapi oleh pengguna-pengguna. Selain daripada itu, emisi karbon juga bertambah. Jadi sistem pengangkutan awam yang efisien memang merupakan satu yang diperlukan dalam bandar. Mengikut cadangan yang dibawa sewaktu kita berbengkel untuk belanjawan 2013, pernah dibangkitkan perkara *shuttle bus service* dengan izin, iaitu perkhidmatan bas dalam bandar di mana ia dapat mengangkut pengguna-pengguna supaya mereka masuk bandar dengan menggunakan perkhidmatan awam ini. Dan sekiranya bayaran perlu dikenakan, bayaran secara token ataupun simbolik dikenakan supaya ia menggalakkan pengguna menggunakan perkhidmatan awam *shuttle bus* ini.

Tuan Speaker, kita dapati Kerajaan Negeri memang selepas 2008 telah menyediakan begitu banyak skim-skim, skim-skim kebajikan seperti Mesra Usia Emas, TAWAS, TUNAS, MIMBAR, Skimsel, bantuan am JKM, pinjaman pelajaran tanpa faedah, tabung kerajaan prihatin dan lain-lain lagi. Kesemua skim ini kita dapati ia amat mengelirukan dan juga kita agak susah nak mengetahui kesemuanya dan apatah lagi rakyat untuk mengetahui apakah skim-skim kebajikan yang kita tawarkan. Jadi Kajang mencadangkan kita wujudkan satu jabatan sendiri yang khas. Jabatan sendiri yang khas untuk mengendalikan kesemua skim-skim kebajikan ini supaya kita dapat *consolidate* kan kesemua-sesemua sumber kebajikan ini dan tidak bergantung khasnya bergantung pada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengedarkan apa yang kita sumbangkan. Jadi kita wujudkan jabatan kita sendiri untuk mengagihkan kemudahan dan juga bantuan kepada mereka yang perlukan. Dan ini akan, sekiranya ia dapat dijalankan dengan efisien dan menjimatkan maka ia akan dapat, bukan sahaja menjimatkan wang pengendalian, ia juga dapat menaikkan imej kerajaan negeri dan juga kualiti hidup rakyat. Akhir sekali, Kajang ingin sentuh berkaitan dengan skim pemberimilikan tanah. Rakyat memang amat berterima kasih kepada kerajaan negeri berkaitan dengan pemberian tanah kepada mereka yang perlukan dengan membayar premium awalan sebanyak RM1,000.00 dan juga sekiranya mereka membayar kesemuanya dapat 30% diskaun. Kalau mereka bayar dalam 6 bulan. Kes penduduk di Kg. Sg. Chua yang dipaksa pindah daripada Kg. Baru yang mereka duduk selama 50 tahun. Pada 2001 kerana tanah mereka telah diambil untuk pembinaan Lebuhraya SILK. Rakyat mengucap terima kasih kepada kerajaan kerana memberi tanah kepada 17 keluarga yang dinafikan oleh kerajaan Barisan Nasional selama 10 tahun untuk pemberian tapak rumah untuk mereka pindahkan. Kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat telah memberi 17 keping tanah untuk mereka membina rumah mereka. Akan tetapi, 17 keluarga ini tidak diberi tawaran istimewa iaitu di bawah Skim Pemberimilikan Tanah, iaitu premium awalan RM1,000.00 ataupun 30% diskaun. Jadi Kajang ingin menyeru pihak kerajaan memberi pertimbangan serius kerana sekiranya mereka tidak diberi diskaun ataupun tawaran RM1,000.00 premium awal, mereka kalau bayar

premium sepenuhnya maka mereka tidak sanggup lagi untuk membina rumah. Dapat tanah tapi tak sanggup bina rumah. Jadi tidak bermakna kalau kita bagi tanah. Jadi ini masalah yang dihadapi oleh penduduk Sg. Chua yang bernasib baik dapat tawaran tanah tapi tak dapat tawaran istimewa Skim Pemberilikan Tanah. Jadi dengan ini, Kajang mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri yang telah mendukung hati jiwa rakyat dan juga terus maju dan akan menjadi satu tanda, satu *benchmark* dengan izin, semua negeri di seluruh Malaysia, malah bagi seluruh negeri bagi kerajaan di pusat dan kita memang membuktikan bahawa kita berupaya masuk Putrajaya dan mentadbir negara ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 5.30 petang. Dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga hari esok, hari Rabu 21 November 2012 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)